



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 529]

**USUL:**

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M, Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 592]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) [Ruangan 658]

MALAYSIA

## PARLIMEN KEENAM-DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KETIGA

#### AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS,  
P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).

- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR  
MOHAMAD YUSOF BIH HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N.,  
S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN, (Dilantik).
- .. LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHM, S.M.S., K.M.N.,  
P.I.S. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF, (Dilantik).
- .. TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N.,  
P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.  
(Dilantik).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M.  
(Dilantik).
- .. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- .. TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N.  
P.J.K. (Kedah).
- .. DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG  
HAJI MOHIDEEN (Sarawak).
- .. TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K.  
(Perlis).
- .. DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T.,  
J.P. (Dilantik).
- .. PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N.,  
A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- .. PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- .. PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH  
FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N, P.P.N., P.J.K.  
(Terengganu).
- .. TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BTN AHMAD (Dilantik).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N.,  
P.J.K., (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T.,  
P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K.  
(Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik-Wilayah Persekutuan).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N.,  
J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau  
Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING  
(Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T.,  
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.U., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N.  
(Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.  
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MOHD. NOR  
(Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N. P.P.N.,  
P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N.,  
P.J.K. (Dilantik).
- .. TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.  
(Dilantik).
- .. TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A.S. DAWOOD,  
(Dilantik).
- .. TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- .. TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- .. TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N.,  
J.P. (Johor).
- .. YUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- .. TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penoktng Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGJAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tingkatan Khas: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidek.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pemberita-pemberita;*

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Khamis, 18hb April 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**KASET POLITIK-  
PENJUALAN DI SEKOLAH**

1. **Puan Hajjah Nen Abidah binti Hajjah Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kaset-kaset politik dijual di sekolah-sekolah dan jika ya, apakah tindakan yang telah dan akan diambil mengenai perkara ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pelajaran tidak menerima laporan rasmi mengenai penjualan kaset-kaset politik di sekolah-sekolah.

**Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah:** Terima kasih, di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu adakah pihak Kementerian ataupun Jabatan Pelajaran telah menghantar penyiasat untuk menyiasat perkara tersebut?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap laporan mengenai pelajaran terutama sekali berupa masalah seperti ini ataupun berupa masalah lain sentiasa diselidiki oleh pihak Kementerian Pelajaran. Jadi oleh itu, mengenai perkara ini walaupun kita tidak menerima laporan rasmi, kita dengar-dengar sahaja, kita juga mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Timbalan Menteri berkenaan yang dijawabnya mungkin tidak ada maklumat bahawa tidak didapati menjual kaset-kaset di sekolah atau pelajar menggunakan kaset-kaset sedangkan di Terengganu seperti di Maktab Sains MARA, sentiasa ada bergema di dalam bilik-bilik pelajar-pelajar di sana. Jadi inikah yang dikatakan tidak ada dan cara manakah pihak Kementerian akan mengatasi perkara ini?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi laporan rasmi tidak ada, hanya berita-berita angin itu memang ada, yang saya katakan tadi semasa menjawab soalan Yang Berhormat Puan Hajjah Nen Abidah, saya katakan bahawa kita sentiasa mengambil tindakan seumpama penyiasatan dan sebagainya, walaupun laporan itu tidak rasmi. Namun demikian, apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu Insya Allah saya akan ambil perhatian

terhadapnya dan pihak Kementerian akan mengambil tindakan.

**Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menteri Pelajaran sentiasa melawat negeri-negeri dan diadakan dialog-dialog, melalui dialog-dialog sentiasa disampaikan perkara ini. Adakah ini tidak dirasmikan, hal politik tidak boleh dicakapkan ataupun dipersuratkan dengan secara rasmi sangat, kalau rasmi sangat apa kata parti lawan? Itu saya minta penjelasan kerana ini memang disampaikan dalam dialog-dialog dengan Menteri-menteri yang berkenaan?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, sejauh mana di Terengganu itu yang saya ketahui saya belum ada setakat ini semenjak memegang teraju kepimpinan dalam Kementerian Pelajaran belum ada mengadakan dialog tetapi Insya Allah kalau saya pergi ke Terengganu, saya akan usahakan dan kalaupun Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada pergi ke sana dan pernah mengadakan dialog, Insya Allah saya akan hubungi beliau dan kalau ada laporan rasmi ataupun daripada yang mengambil bahagian dalam dialog itu Insya Allah saya akan selidiki.

#### PUSAT PEMULIHAN PENAGIH DADAH-KEUPAYAAN

**2. Tuan Loo Swee Mok** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih dadah yang boleh ditempatkan dalam keenam-enam pusat pemulihan yang sedia ada sekarang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan penagih dadah yang boleh dimuatkan dalam

keenam-enam pusat pemulihan sekarang ialah seramai 1,750 orang seperti berikut:

Nama Pusat			Jumlah Penagih
Pusat Pemulihan Bukit Mertajam	Dadah.		300 orang
Pusat Pemulihan Tampoi	Dadah,		300 orang
Pusat Pemulihan Besut	Dadah,		300 orang
Pusat Serenti, Tampin			500 orang
Pusat Serenti, Perlop, Sungai Siput			300 orang
Pusat Pemulihan Sungai Merchong,	Dadah, Pahang		50 orang

Walau bagaimanapun, Pusat Pemulihan Dadah, Besut serta Pusat Serenti, Tampin dan Pusat Serenti, Perlop belum dapat menempatkan penagih dadah sepenuhnya oleh kerana belum memperolehi cukup kakitangan dan alat-alat kelengkapan. Langkah-langkah sudah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah ini. Adalah dijangka pusat-pusat pemulihan ini dapat menampung penagih-penagih dadah sepenuhnya pada pertengahan tahun ini.

**Dato G. Pasamanickam:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian berpuashati atas kempen dadah yang telah dijalankan selama ini? Yang kedua, adakah Kerajaan bertujuan untuk mengadakan lebih pusat pemulihan di seluruh negara kita; jika ada, sila sebutkan nama tempat-tempat tersebut?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak kempen anti-dadah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, hampir dua tahun yang lalu, pihak Kerajaan berasa puashati di atas sambutan daripada kalangan orang ramai malahan imej negara kita telah pun disanjung tinggi oleh negara-negara lain terhadap seriusnya Kerajaan bertindak untuk mengatasi masalah dadah di negara kita ini.

Untuk pertanyaan menjawab soalan yang kedua daripada Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan merancang untuk menubuhkan tujuh buah lagi Pusat Pemulihan Dadah:

- (1) Sebuah Pusat Pemulihan Dadah di Muar.
- (2) Sebuah Pusat Pemulihan Dadah di Dengkil, Selangor.
- (3) Sebuah Pusat Pemulihan Dadah di Kemuning, Kelantan untuk wanita.
- (4) Sebuah Pusat Pemulihan Dadah di Kuantan.
- (5) Sebuah Pusat Pemulihan Dadah di Jeli, Kelantan.
- (6) Sebuah Pusat Pemulihan Dadah di Johor Bahru.
- (7) Sebuah Pusat Pemulihan Dadah di Pulau Pinang.

**Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah:** Soalan tambahan, dalam keenam-enam pusat pemulihan ini adakah didapati penagih daripada wanita dan sekiranya didapati bilangan penagih wanita itu terlalu kecil di manakah ditempatkan mereka adakah bercampur dengan lelaki atau bagaimana?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam keenam-enam pusat ini tidak ada penagih wanita yang ditempatkan di situ.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pusat-pusat yang saya sebutkan tadi adalah dikendalikan oleh Kerajaan sendiri seperti juga terdapat pusat-pusat yang dikendalikan oleh PEMADAM dan lain-lain badan sukarela. Jika terdapat penagih-penagih wanita kita serahkan kepada PEMADAM dan lain-lain badan untuk menjaganya sebab bilangan penagih-penagih dadah wanita amat kecil sekali. Kalau saya tidak salah 99.1% daripada penagih-penagih dadah terdiri dari kaum lelaki.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Soalan tambahan. Dalam senarai yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak pun termasuk pusat pemulihan dadah di Sungai Petani. Kalau tidak salah saya ada sebuah pusat pemulihan dadah di Sungai Petani yang telah lama siap tetapi belum berfungsi lagi.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu mengapakah pusat pemulihan dadah ini tidak menjalankan tugasnya?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang satu pusat yang termoden masih dalam jangka untuk disiapkan iaitu di Sungai Petani sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Pusat ini telah pun menelan belanja sebanyak \$8.6 juta, boleh dianggarkan sebagai satu pusat yang termoden, mungkin di dunia. Insya Allah, jika kita mengatasi masalah air di mana sebuah tangki air yang besar masih dalam proses untuk dibina, Insya Allah, pada bulan Julai ini Pusat Serenti di Sungai Petani itu akan dibuka.

**Puan Hafshah binti Othman:** Selama ini di manakah ditempatkan penagih-penagih dadah wanita yang bilangannya 90 orang itu?

Kedua, bilakah ketujuh-tujuh pusat ini akan dibuka?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya tegaskan tadi bilangan penagih dadah kaum wanita ini tidak begitu banyak. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator daripada kaum wanita yang bangun menyoal tentang masalah penagihan dadah ini. Jadi, penagih-penagih wanita ini ditempatkan di pusat-pusat yang dikendalikan oleh PEMADAM. Kita memberi perhatian kepada penagih-penagih dadah kaum



lelaki sebab bilangannya terlampau banyak. Insya Allah, jika terdapat banyak penagih-penagih dadah daripada kaum wanita sebagaimana yang saya terangkan tadi kita akan buka satu pusat di Kemumin, Kelantan khususnya kepada penagih-penagih dadah kaum wanita.

### PROJEK PERSAWAHAN PADI ENDAU-ROMPIN

**3. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa lama lagi dijangka siap projek persawahan padi di kawasan Endau dan Rompin;
- (b) jumlah luas hektar kawasan sawah padi tersebut;
- (c) jumlah peruntukan yang melibatkan pelaksanaan projek sawah padi tersebut; dan
- (d) setelah siap projek sawah tersebut berapa ramai bilangan peserta petani yang akan menikmatinya; serta berapa hektar tiap-tiap seorang petani akan diperuntukkan nanti.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, di peringkat awal perancangan projek Kementerian Pertanian telah mengenalpasti kawasan seluas 11,400 hektar di kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersapadu Rompin-Endau sebagai sesuai untuk tanaman padi dua kali setahun.

Di bawah projek ini yang telah dimulakan dalam tahun 1981 adalah dijangkakan kawasan seluas 4,300 hektar tanah sawah dengan 5 kawasan penempatan dapat dimajukan dan disiapkan sehingga akhir tahun 1987.

Jumlah peruntukan bagi memajukan kawasan ini adalah kira-kira \$182 juta dan akan memberi faedah kepada seramai kira-kira 880 keluarga tani. Di samping itu kawasan seluas 2,900

hektar lagi adalah dicadangkan untuk dimajukan dalam tempoh 1988-90 tertakluk kepada keupayaan kewangan Kerajaan Persekutuan. Baki kawasan prbjek seluas kira-kira 4,000 hektar dimajukan di kemudian Insya Allah, tertakluk juga kepada keupayaan kewangan.

Jika Kerajaan berupaya melaksanakan keseluruhan kawasan projek seluas 11,000 hektar adalah dijangkakan seramai kira-kira 2,222 keluarga tani akan dapat menikmati faedah daripada projek ini yang akan menelan belanja kira-kira \$303.2 juta. Mengikut jadual pelaksanaan masa kini keseluruhan projek akan dapat disiapkan dalam tahun 1995. Kementerian telah mencadangkan setiap peserta ini diperuntukan tanah sawah seluas 4.85 hektar.

**Tuan Mohd. Noor bin Bedah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu cara manakah peserta projek ini dipilih dan kedua, sama ada Kerajaan bercadang untuk mengambil pesawah-pesawah daripada mereka yang ada pengalaman dengan tanaman padi ini iaitu seperti pesawah-pesawah daripada Perlis, Kedah, Kelantan, Tanjung Karang dan sebagainya untuk menyertai projek ini?

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pengalaman kumpulan pertama pelaksanaan projek ini seramai 82 keluarga tani telah pun dipilih untuk memasuki projek seluas 384 hektar mulai bulan Julai ini dan proses pemilihan mengikut prosedur biasa iaitu dengan merujuk kepada pihak berkuasa di peringkat negeri memberi keutamaan terutamanya di Pahang dan kedua di kawasan-kawasan pertanian, kawasan padi yang mempunyai tenaga Kerja atau petani-petani yang lebih, tentulah petani-petani di Kedah dan Perlis akan diberi pertimbangan atau keutamaan memandangkan kelebihan jumlah

petani-petani tanpa tanah sendiri di negeri-negeri tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari bahawa ramai kakitangan Kerajaan yang tidak mampu membeli rumah-rumah dari pemaju perumahan. Maka itulah sebabnya Kerajaan menyediakan peruntukan yang banyak setiap tahun kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membina rumah-rumah kos rendah. Selain dari itu juga kakitangan Kerajaan disediakan kemudahan pinjaman perumahan dengan kadar faedah yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan memberi keutamaan kepada pembinaan rumah-rumah kos rendah soal pembinaan jenis-jenis rumah ini sama ada jenis kos rendah, sederhana dan sebagainya adalah bergantung kepada pemaju-pemaju itu sendiri dan pada ketika ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengadakan galakan cukai atau iain-lain galakan kepada pemaju supaya menyediakan rumah kos rendah.

**Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan betulkah sebagaimana yang dinyatakan oleh setengah-setengah pemaju perumahan kepada pemohon-pemohon yang berkeluarga sahaja diberi layanan, pada pekerja yang masih bujang ditinggalkan kebela-kangan sedikit. Adakah yang bujang itu tidak duduk di rumah, di khemah ataupun di mana? Saya ingin mendapat kepastian betulkah dasar ini dijadikan syarat oleh pihak-pihak yang berkenaan.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, soal tinggal di rumah ataupun tak tinggal di rumah soal lainlah. Barangkali Yang Berhormat lebih lagi memahami daripada saya sebab Yang Berhormat lebih berumur daripada saya. Kalau barangkali ada orang-orang tinggal di luar

rumah di setengah-setengah tempat, itu tidak tahulah saya. Tetapi soal bujang tidak bujang untuk mendapat peluang ataupun sebagai satu syarat setakat yang saya tahu tidak ada dikemukakan berkait dengan perkara ini. Walau bagaimanapun barangkali biasanya yang bujang itu lebih muda dari yang berkahwin kerana akhirnya seseorang itu akan kahwin juga. Dia belum kahwin, dia muda lagi. Jadi, kalau rumah tidak banyak, lebih eloklah kita bagi kepada orang sudah kahwin terutama sekali mereka ada anak kerana ini lagi ramai yang memerlukan rumah. Dalam pada itu saya juga mengetahui mereka yang bujang juga mempunyai rumah, ertinya barangkali ini tidak semesti menjadi syarat tertentu kecuali mendapatkan rumah-rumah Kerajaan yang dikhususkan kepada mereka yang misalannya rancangan-rancangan yang ditetapkan di mana syarat-syarat berkahwin itu merupakan satu syarat tetapi bukan kepada semua rancangan-rancangan perumahan yang setakat saya ketahui.

#### ALAT X-RAY DI KLINIK/ HOSPITAL SWASTA

**5. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah unit alat x-ray yang digunakan di hospital-hospital dan klinik swasta;
- (b) jumlah kakitangan bertauliah dan terlatih yang mengendalikan unit tersebut di seluruh negara;
- (c) jumlah unit alat x-ray kuasa rendah yang mengeluarkan sinaran lembut yang digunakan di seluruh negara; dan
- (d) sejak dikuatkuasakan Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984, apakah rancangan dan tindakan yang telah dijalankan untuk memperbaiki cara peng-

gunaan dan mengawal alat x-ray ini supaya bukan sahaja ianya dapat membantu meringankan penyakit, cara penggunaannya pula tidak akan menyebabkan penyakit lain.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan ialah seperti berikut:

- (a) Jumlah unit alat x-ray perubatan yang digunakan di hospital-hospital dan klinik swasta ialah 704.
- (b) Jumlah Juru X-Ray yang mengendalikan unit tersebut di seluruh negara ialah 295. Jumlah ini terdiri dari 272 di hospital-hospital Kerajaan, 18 di hospital swasta dan 5 di klinik swasta.
- (c) Jumlah unit alat X-Ray kuasa rendah yang digunakan di seluruh negara ialah 408. Jumlah ini terdiri dari 138 di hospital-hospital Kerajaan dan 270 di klinik dan hospital swasta.
- (d) Akta PELESENAN Tenaga Atom 1984 telah dikuatkuasakan oleh Jabatan Perdana Menteri sejak 1hb Februari, 1985 dan kaedah-kaedah mengenai penggunaan unit X-ray sedang disediakan oleh Jabatan tersebut.

**Tuan Loo Swee Mok:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah mendapat sambutan baik atau tidak daripada rakyat semenjak pihak Kementerian melaksanakan persawahan padi di kawasan Endau dan Rompin hingga setakat ini?

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Setakat ini permohonan yang diperolehi adalah memuaskan bahkan melebihi dari jumlah yang dikehendaki seramai 82 orang di projek pertama. Walau bagaimanapun, kita

belum mengiklankan permohonan-permohonan bagi projek-projek berikutnya tetapi dari kajian dan sambutan untuk peringkat pertama ini kita jangka permohonannya akan ramai.

#### KAKITANGAN KERAJAAN-PEMBELIAN RUMAH

**4. Datuk Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah-rumah dari pemaju perumahan; jika sedar nyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan galakan cukai atau lain-lain galakan supaya pemaju-pemaju perumahan menyediakan rumah-rumah kos rendah untuk mereka yang berpendapatan rendah.

**Tuan Mohd. Noor bin Bedah:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri, adakah Menteri sedar bahawa terdapat di klinik-klinik swasta, kakitangan yang menjalani X-ray tidak bertauliah dan tidak pula terlatih? Inilah yang terdapat kesan sampingan. Apakah tindakan Menteri selanjutnya?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan bahawa orang yang dilesenkan untuk X-ray itu di klinik-klinik swasta adalah doktor-doktor tersendiri yang mempunyai klinik itu dan bukannya orang yang lain. Kementerian memang sedar bahawa setengah daripada doktor-doktor ini tidak mengendalikan unit-unit X-ray secara sendiri dan membenarkan mereka yang tidak bertauliah ataupun mempunyai latihan yang cukup mengendalikannya dan Kementerian dari masa ke semasa cuba menasihatkan doktor-doktor yang dilesenkan itu mengenai perkara

ini tetapi susah untuk kita mengesan semua kes. Kementerian memang mempunyai cadangan untuk melatih mereka-mereka di sektor swasta dalam pengendalian X-ray tetapi keupayaan kita untuk melatih kakitangan juru X-ray adalah satu yang terhad sahaja pada masa ini.

#### "DOKTOR PENSIL"- TINDAKAN DIAMBIL

**5. Dato S. Govindaraj** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil berhubung dengan "Doktor Pensil" di Hospital-hospital Kerajaan.

**6. Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya di sini menjawab juga soalan mengenai perkara yang sama daripada Yang Berhormat Tuan Loo Swee Mok pada 22hb April, 1985 dan Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan pada 24hb April, 1985 bersama-sama dengan soalan ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah juga membuat kenyataan bahawa doktor-doktor yang menggunakan pensel-pensel bagi memeriksa pesakit-pesakit baru-baru ini, semua Pengarah-pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri di seluruh tanahair telah diminta supaya mengawasi perkembangan seumpama ini dan mereka yang terlibat akan diambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

#### RAKYAT MALAYSIA MEMPUNYAI DUA SIJIL KERAKYATAN

**7. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa terdapat rakyat negara ini mempunyai dua sijil kerakyatan iaitu satu sijil kerakyatan negara ini dan satu lagi

negara asalnya; jika ya, nyatakan tindakan yang diambil terhadap mereka yang berwarganegara ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri menyiasat dengan teliti setiap laporan mengenai rakyat Malaysia yang memiliki dua sijil kerakyatan sebelum mengambil tindakan yang tegas. Kementerian Dalam Negeri tetap bertindak tegas terhadap mana-mana warganegara Malaysia yang memiliki taraf kewarganegaraan dua negara.

Perkara 24 Perlembagaan Malaysia menetapkan bahawa seorang warganegara Malaysia boleh dilucutkan taraf kerakyatannya jikalau Kerajaan berpuashati bahawa ia telah memperolehi taraf kerakyatan negara lain secara pendaftaran, naturalisasi atau tindakan-tindakan yang lain yang diambil secara sukarela dan formal.

**Dato' G. Pasamanickam:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkehaan bertujuan untuk menukarkan sijil-sijil kerakyatan yang telah diberikan terlebih dahulu kepada sistem kad-kad plastik.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian terutama sekali Jabatan Pendaftaran telah mengkaji untuk menukar sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan tersebut. Mungkin cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat boleh diambil perhatian.

**Tuan Mohd. Noor bin Bedah:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu sekarang ini kita dapati bahawa bagi penduduk-penduduk kawasan sempadan memang ada terbukti bahawa mereka ini mempunyai dua kerakyatan. Jadi sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan perkara ini dan adakah Kerajaan akan

membentuk satu pasukan petugas khas iaitu untuk menyasat kes-kes ini terutama sekali bagi penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan sempadan?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah tegaskan tadi, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan tegas. Tetapi sebelum daripada itu Kementerian Dalam Negeri juga meneliti dengan cara sedalam-dalamnya tiap-tiap laporan yang terima berkenaan dengan seorang warganegara Malaysia yang juga menjadi warganegara negara lain. Kerajaan tidak akan bersikap liberal dalam perkara ini jika didapati laporan itu betul kerana kita menganggap bahawa kesalahan ini adalah merupakan kesalahan yang amat serius. Jadi, jika terdapat maklumat, saya berharaplah Yang Berhormat akan memberitahu kepada Kementerian dan saya berjanji bahawa laporan itu akan dikaji dengan teliti untuk tindakan diambil.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:**

Saya ingin tahu sejak kita merdeka sehingga sekarang ini, ada atau tidak kejadian orang yang mempunyai dua kerakyatan dan apakah tindakan yang telah diambil kalau ada.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, semenjak kita mencapai kemerdekaan sehinggalah pada 31hb Ogos tahun sudah sebanyak 17,098 orang rakyat Malaysia telah dilucutkan kerakyatannya. Kebanyakannya dilucutkan oleh kerana mereka memberi maklumat yang palsu ataupun yang tidak benar ketika memohon untuk menjadi rakyat Malaysia dan bilangan yang terbesar atau bilangan kedua yang terbesar ialah mereka yang telah mendapat kerakyatan negara-negara asing sebanyak 1,257 orang.

## PEKERJA KILANG AIS BATU, TERENGGANU

**8. Puan Rokiah binti Zainuddin**

minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan punca kejadian 10 orang pekerja kilang ais batu Jalan Pulau Kambing Terengganu yang dimasukkan ke rumah sakit dalam bulan Disember, 1984 yang lalu kerana tersedut gas beracun dan nyatakan tindakan yang diambil ke atas tuannya kilang tersebut.

19-4-85

**28. Puan Rokiah binti Zainuddin**

minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah syarat-syarat keselamatan yang dikenakan kepada kilang-kilang ais di negara kita supaya tidak berlaku kebocoran gas ammonia seperti yang berlaku di kilang Jalan Pulau Kambing dan kilang Beris Cawat Terengganu untuk menjamin keselamatan rakyat di sekitar kilang tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato'**

**K. Pathmahaban):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Buruh, saya pohon izin menjawab soalan ini dan soalan yang agak sama pada 19hb April yang juga ditanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Rokiah Zainuddin, kejadian di mana 10 orang pekerja di kilang ais batu di Jalan Pulau Kambing, Terengganu pada 11hb Disember, 1984 adalah berpunca daripada kebocoran yang berlaku, disebabkan hakisan yang terdapat pada saluran paip yang bersambung ke bahagian bawah Verticle accumulator di mana gas ammonia terkeluar. Berikutan dengan kejadian itu, satu siasatan telah dijalankan oleh Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Buruh untuk menentukan punca kejadian ini dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Siasatan dan tindakan yang diambil adalah selaras

dengan kehendak-kehendak, syarat-syarat keselamatan dan kesihatan di bawah Akta Kilang dan Jentera, 1967. Berikutan dengan siasatan arahan-arahan telah diberi kepada Penyelia Kilang dan tindakan-tindakan yang sewajarnya telah pun diambil. Saya ingin memaklumkan bahawa kerja-kerja untuk memperbaiki pulih bahagian kebocoran dengan segera, kerosakan itu telah pun dijalankan mengikut kehendak pemeriksaan Jabatan Kilang dan Jentera. Saya ingin juga menegaskan di sini bahawa Jabatan Kilang dan Jentera sentiasa mengadakan pemeriksaan awal ulangan dan tambahan untuk menentukan dan menjaga taraf keselamatan di kilang-kilang.

Selain daripada itu, pegawai-pegawai di peringkat negeri juga telah diberi arahan untuk menjalankan pemeriksaan rapi dari teliti ke atas kilang-kilang ais yang menggunakan gas ammonia. Mernang menjadi hasrat Kerajaan untuk mengawal kejadian yang menjejaskan kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja dan orang awam di kilang-kilang dan alam sekitar dan seterusnya mengadakan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh jabatan-jabatan dan badan-badan yang tertentu.

#### SEKOLAH MENENGAH AGAMA KEBANGSAAN

**9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar** minta Menteri Pelajaran menyatakan bila bangunan Sekolah Menengah Agama Kebangsaan akan dibina untuk negeri Perak kerana pada masa ini penuntut-penuntut masih menumpang walhal masalah tapaknya sudah pun disediakan oleh Kerajaan Negeri.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan untuk negeri Perak dijangkakan akan dibina pada

tahun 1986 di atas tapak seluas 50 ekar di Sri Iskandar Perak Tengah.

#### MINYAK SAWIT DAN BIJIH TIMAH-PERDAGANGAN

**10. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) kejayaan yang dicapai dalam perdagangan minyak sawit dan bijih timah setelah penubuhan Bursa Komoditi;
- (b) Kejayaan yang dicapai oleh Bursa ini memastikan paras harga yang tinggi di pasaran dunia bagi barangan mentah Malaysia ini; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyusun Bursa komoditi berikutan dengan kekecohan yang berlaku baru-baru ini.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama. Tuan Yang di-Pertua, (a) semenjak penubuhan KLCE pada tahun 1980 prestasinya adalah menggalakkan. Jumlah purata dagangan harian minyak kelapa sawit meningkat setiap tahun dari 122 lot pada tahun 1980 hingga mencapai 776 lot bagi tahun 1983. Nilai perdagangan juga telah bertambah daripada \$762 juta dalam tahun 1981 kepada \$5,205 juta dalam tahun 1983. Pertambahan dagangan ini menggambarkan pengwujudan satu pasaran yang aktif melibatkan semua sektor perusahaan minyak kelapa sawit. Penyertaan antarabangsa di dalam pasaran minyak kelapa sawit juga turut bertambah dari 6% pada tahun 1982 kepada 10% dalam tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kemungkinan yang berlaku pada awal bulan Mac 1984 yang melibatkan 5,150 lot telah menjejaskan

prestasi pasaran hadapan minyak kelapa sawit hinggakan purata dagangan harian bagi tahun 1984 jatuh kepada 214 lot. Bagi tahun 1985 sejak bulan Februari tiada dagangan telah diniagakan dalam pasaran ini memandangkan beberapa perubahan yang akan dibuat kepada organisasi dan peraturan-peraturan KLCE dan Rumah Penjelasan Komoditi.

Bagi bijih timah, sehingga kini Pasaran Dagangan hadapannya belum lagi diwujudkan dalam KLCE. Apa yang telah dilaksanakan ialah menggantikan Pasaran Timah Pulau Pinang dengan Pasaran Timah Kuala Lumpur (KLTM) yang berjalan dengan licin semenjak ditubuhkan dalam bulan Oktober 1984. Sehingga bulan Mac 1984, purata dagangan harian ialah 174 lot.

Tuan Yang di-Pertua, (b) KLCE bukanlah merupakan tempat untuk memastikan paras harga yang tinggi bagi setiap komoditi yang diniagakan di dalamnya. Sebenarnya, KLCE membolehkan pembeli dan penjual menetapkan (discover) harga sesuatu komoditi dengan munasabah berdasarkan kepada kuasa-kuasa permintaan dan penawaran di pasaran tempatan dan antarabangsa. Peniaga-peniaga juga boleh menjalankan aktiviti-aktiviti melindungi nilai (hedging) bagi mengurangkan kesan turun naik harga komoditi-komoditi berkenaan.

(c) Sebagai langkah menyusun semula KLCE, Majlis Dagangan Komoditi telah menubuhkan satu Pasukan Petugas untuk mengkaji semula sistem KLCE serta membuat perakuan-perakuan yang sesuai untuk memulihkan semula aktiviti-aktiviti dagangan dalam pasaran tersebut. Dengan bantuan seorang pakar komoditi antarabangsa yang berpengalaman, kajian ini telahpun selesai dan perakuan-perakuan berkesan akan ditimbang oleh Kerajaan.

Di samping itu struktur KLCE sedang diubahsuaikan mengikut sistem dan peraturan yang baru pada awal Jun 1985. Adalah dijangka bahawa satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Dagangan Komoditi 1980 akan dikemukakan dalam sidang Parlimen pada bulan Julai 1985 ini untuk memastikan industri dagangan hadapan dapat diawasi dengan lebih berkesan lagi.

**Tuan K. Kumaran:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, negara mana beli lebih minyak kelapa sawit daripada negara ini.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini terkeluar daripada soalan asal, namun yang membeli paling banyak ialah negara-negara ketiga termasuk India dan Pakistan dan juga negara seperti negara-negara EEC dan sebagainya.

#### POLIS DI RAJA MALAYSIA - KENAIKAN PANGKAT

**11. Puan Hajjah Hafsa binti Osman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) bagaimana sistem kenaikan pangkat dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri khususnya di Jabatan Polis di Raja Malaysia; dan

(b) sebab-sebab mengapa dalam Exercise kenaikan Pangkat Inspektor kepada Penolong Penguasa Polis yang dijalankan baru-baru ini di mana terdapat sebilangan pegawai yang cukup syarat sama ada dari segi kelulusan, tempoh dan rekod perkhidmatan telah tidak dipanggil untuk menghadiri temuduga tersebut.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri adalah dilaksanakan mengikut sistem temuduga. Dalam menentukan kenaikan pangkat mereka, hanya pegawai dan kakitangan yang layak mengikut skim perkhidmatan masing-masing sahaja dipertimbangkan. Proses pemilihan untuk menentukan kenaikan pangkat dikendalikan oleh Lembaga-lembaga kenaikan pangkat yang ditubuhkan.

Bagi pegawai dan anggota Polis Di Raja Malaysia khususnya, sistem yang sama juga diamalkan. Kenaikan pangkat ke peringkat Penolong Penguasa Polis hingga ke peringkat Pesuruhjaya Polis, pertimbangan adalah dibuat oleh Suruhanjaya Pasukan Polis. Manakala kenaikan pangkat pegawai dan anggota-anggota Polis lain dikendalikan oleh Lembaga-lembaga Pemilih yang ditubuhkan.

Dalam exercise perlantikan Inspektor ke pangkat Penolong Penguasa Polis yang sedang berjalan, ada didapati sebilangan pegawai-pegawai yang tidak dipanggil temuduga. Mereka tidak dipanggil temuduga ialah kerana tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1977 yang memerlukan pegawai itu disahkan dalam jawatan, berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun dan diperakukan layak serta sesuai oleh pegawai atasannya. Dalam exercise ini semua mereka yang telah memenuhi ketiga-tiga syarat kelayakan tersebut dipanggil untuk temuduga.

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, adakah sistem kuota diamalkan mengikut kaum dalam kenaikan pangkat bagi pegawai polis.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap ekseseis yang dijalankan untuk mengisi kekosongan bilangan calon yang ditemuduga adalah bergantung kepada bilangan kekosongan yang wujud pada suatu peringkat pangkat itu. Jadi, dalam pasukan polis itulah sistem yang diamalkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Nor.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Lazim:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 12.

#### GURU SISWAZAH DAN BUKAN SISWAZAH-JAWATAN

**12. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kementerian tersebut tidak membuat satu sistem perjawatan perguruan kepada dua jenis sahaja iaitu:

- (a) guru siswazah;
- (b) guru bukan siswazah;

dan bagi guru-guru yang berijazah tidak perlu lagi ada guru yang dimasukkan ke kategori D1 dan D2 bagi guru yang berijazah kepujian dan tidak kepujian.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran sentiasa diteliti dari semasa ke semasa untuk diperbaiki. Pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang mengkaji cadangan untuk mengadakan dua skim perkhidmatan iaitu Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang berijazah dan tidak berijazah bagi pertimbangan agensi pusat Kerajaan.



### KEMISKINAN DI KALANGAN PETANI

**13. Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebab-sebab penting kemiskinan di kalangan petani padi berterusan dan beranak pinak ialah:

- (a) bidang tanah yang dikerjakan adalah kecil untuk mendapatkan pendapatan melebihi garis kemiskinan;
- (b) pertumbuhan penduduk dan pertubuhan keluarga baru adalah pada kadar yang tinggi; dan
- (c) peluang untuk pekerjaan alternatif di sektor padi adalah terhad.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:**

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab penting terdapatnya kemiskinan yang berterusan di kalangan petani padi atau pesawah padi sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat memang diberikan perhatian yang serius oleh Kementerian, malah selain daripada faktor-faktor struktur saiz sawah yang kecil, tanggungan keluarga yang besar serta peluang pekerjaan di sektor bukan padi yang terhad, ciri-ciri lain seperti amalan pertanian tradisional, sekatan syarat-syarat penggunaan tanah dan kelemahan dalam sistem penyaluran dan penyampaian khidmat-khidmat sokongan juga sentiasa diberikan perhatian.

Kementerian menyedari bahawa faktor-faktor tadi telah menyebabkan daya pengeluaran dan pendapatan yang rendah dan seterusnya mengakibatkan kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan pesawah-pesawah kita. Menyedari hakikat inilah maka kaedah persawahan perlu diubahsuai terutamanya dari segi pengurusan supaya segala aktiviti pertanian dapat dirancang dengan tersusun dan dilaksanakan secara cekap, berkesan dan menguntungkan.

Dalam hal ini, pengurusan sawah berkelompok dan estet padi merupakan satu program utama yang sedang dan akan terus dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian. Beberapa projek printis persawahan berkelompok yang telah dilaksanakan menunjukkan kejayaan yang baik dari segi menambah pendapatan persawahan di samping memulihkan tanah-tanah sawah yang terbiar.

Program ini secara ringkasnya adalah berpusat atas prinsip ekonomi bidangan bagi membolehkan sawah diusahakan secara cekap dan menguntungkan. Petani-petani yang terlibat dengan program ini berkesempatan mengambil bahagian secara saham dan pekerja kepada projek atau kedua-duanya di mana kesannya ialah penambahan pendapatan.

Di samping program sawah berkelompok, Kementerian akan terus memperkukuhkan lagi penyaluran dan penyampaian khidmat-khidmat sokongan pertanian seperti kemudahan parit dan taliair, penyelidikan, pemindahan teknologi dan kredit melalui aktiviti-aktiviti seperti latihan dan lawatan dan sebagainya.

**Dato' Kamaruzaman bin Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita faham tanah-tanah hutan yang hendak dibuka dalam negara kita ini sudah tidak ada lagi, khasnya di negeri Selangor, untuk hendak menambahkan pendapatan petani-petani, di dalam bidang tanah yang dikerjakan adalah kecil untuk pendapatan melebihi daripada garis kemiskinan. Soalan saya, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mencari benih padi yang ringan, dalam keadaan sekarang ini, tanam padi dua kali setahun, supaya dapat membolehkan petani-petani menanam padi daripada dua kali setahun kepada tiga kali setahun?

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:**  
Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berat

dan memerlukan penyelidikan yang agak panjang. Setakat ini kejayaan penyelidikan MARDI dalam bidang benih padi ini adalah membanggakan kerana dengan kerjasama institut-institut antarabangsa seperti International Rice Research Institute, Manila, kita telah dapat menghasilkan beberapa benih yang boleh kita banggakan.

Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan benih dengan hasil yang baik melebihi musim dua kali setahun, sepertimana yang dilakukan, agaknya memerlukan sedikit masa lagi, kita perlu memberikan galakan yang bertambah dan saya percaya dengan doa kita mudah-mudahan dapat benih yang kita perlukan itu.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam sistem persawahan berkelompok, katalah sebagai contoh, di Bukit Chawi di negeri Perak itu banyak didapati penggunaan jentera-jentera yang sophisticated. Adakah petani-petani ataupun anak-anak petani kita itu sudah diprogramkan untuk menerima latihan-latihan bagi memasuki bidang-bidang memperbaiki jentera dan juga alat-alat spare-parts dan sebagainya? Kita khawatir kerana bila jentera yang besar-besar, yang sophisticated ini didatangkan oleh orang-orang tengah, kemudian kelak akan berulang semula keadaan-keadaan petani-petani padi seperti pada masa yang telah silam. Adakah pemindahan teknologi ini sudah bersedia diserapkan latihan-latihan yang sesuai kepada petani dan anak-anak petani yang terlibat di dalam kawasan perladangan sawah berkelompok ini?

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pengendalian projek pertanian secara berkelompok dan mtini estet tentunya memerlukan penggunaan jentera yang lebih lengkap dan sophisticated dan ini

sesuai dengan prinsip ekonomi bidangan dan akan menurunkan kos pengeluaran. Walau bagaimanapun, perhatian dan teguran Ahli Yang Berhormat agar penggunaan ihi disusuli dengan latihan yang cukup kepada petani-petani, agar penggunaan jentera itu akan dapat dimanfaatkan dengan lebih teratur tentunya akan terus diberi perhatian dan program-program latihan perlu ditingkatkan dan Insya Allah, pihak Kementerian akan terus meningkatkan program latihan tersebut.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Soalan tambahan, sekarang ini mengerjakan tanah sawah padi adalah menguntungkan tidak kira siapa yang mengerjakan, kerana subsidi Kerajaan melalui harga padi. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa faedah ekonomi bidangan sebenarnya tidak mengira saiz tanah yang dikerjakan. Ini adalah terbukti daripada apa yang dapat dilihat di negara-negara jiran dan juga di kawasan tertentu di negara kita ini. Oleh yang demikian perladangan sawah padi bukanlah caranya untuk mengatasi kemiskinan melalui menambah pengeluaran petani.

Soalan yang kedua ialah dalam suasana Kerajaan hendak mengkaji semula penggunaan tanah negara ini dengan secara sepenuh-penuhnya, adakah Yang Berhormat Menteri berpendapat tiba masanya untuk Kementerian mengkaji dan membetulkan dan mengubah dan merasionalkan sistem sewa-menyewa tanah padi sebegitu rupa supaya petani kecil tidak tersingkir bahkan berkeupayaan untuk menyewa tanah, cukup untuk mendapatkan pengeluaran dan pendapatan mengatasi paras kemiskinan.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama yang merujuk kepada penggunaan dan saiz tanah dalam ekonomi bidangan, perlulah saya

jelaskan yang dimaksudkan dengan sistem kelompok dan mini estet ini bukannya bermakna penguasaan tanah oleh mana-mana syarikat itu adalah di tangan beberapa orang atau syarikat. Yang lebih ditekan ialah supaya pengurusan dalam sistem ladang itu lebih teratur supaya ditanam pada masa yang sama, pengurusan air pada waktu yang sama dan dengan disiplin ini terbukti bahawa pendapatan akan dapat ditingkatkan kerana pengeluaran dan hasil dapat ditingkatkan. Jadi ini penjelasan saya yang pertama.

Tetapi untuk mengatakan bahawa penanaman padi itu menguntungkan semata-mata kerana subsidi harga padi tidaklah sepenuhnya tepat kerana ada kawasan-kawasan di mana hasil pengeluarannya itu lebih subur seperti di Tanjung Karang dan di kawasan MADA, tanaman padi tentulah agak ekonomik tetapi ini merujuk juga kepada persoalan Ahli Yang Berhormat yang kedua iaitu tentang kajian semula, tentang strategi penanaman padi yang memang dan sedang dilakukan oleh Kerajaan. Kita tentunya terpaksa meneruskan usaha penanaman padi di kawasan-kawasan yang subur kerana ini adalah tanaman yang strategik yang diperlukan untuk keperluan kehidupan kita dan juga keperluan keselamatan negara kita, security crops, tetapi kita tentunya terpaksa bersikap terbuka seperti mana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat supaya jenis tanaman yang hendak dicadangkan kepada petani-petani mestilah yang mendatangkan hasil yang maksima terutama bagi petani-petani yang mempunyai keluasan tanah yang kecil.

Soal sistem sewa menyewa ini sebenarnya terkeluar daripada bidang tugas Kementerian. Walau bagaimanapun, saya bolehlah memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini adalah dalam perhatian beberapa Kementerian yang

berkenaan supaya diperbaiki sistem sewa-menyewa dan mana-mana bentuk sistem penyewaan yang dianggap berunsur menindas ataupun agak kurang adil akan tentunya terpaksa dihentikan, dan kalaupernu, diadakan peraturan-peraturan supaya mengelakkan bentuk penindasan terhadap petani-petani miskin yang tidak mempunyai tanah.

**Tuan Mohd. Noor bin Bedah:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu kita semua tahu mengenai dasar-dasar sekarang ini, terutama sekali bagi penanam-penanam padi. Kita boleh nampak sekarang ini bahawa penanam-penanam padi kita makin sehari makin tiada kerja. Ertinya daripada peringkat mula lagi mereka bersawah, mereka terpaksa menyewa traktor untuk menanam, lepas itu mereka terpaksa mengambil buruh asing untuk diupah menanam dan akhir sekali dengan kemasukan "Combined Harvester" padi-padi mereka diambil dengan cara upah juga. Ertinya kita nampak daripada sistem yang ada sekarang ini petani kita langsung tiada kerja, kesemuanya upah, upah belaka. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan akan mengkaji berkenaan dengan keadaan yang wujud sekarang ini supaya kemasukan jentera-jentera pertanian ini, cuma jentera-jentera yang ringan sahaja diperkenalkan di negara kita, di mana dengan ini petani-petani dapat sendiri membeli jentera ringan ini sama ada di peringkat membajak ataupun di peringkat mengambil buahnya. Ini saya rasa mungkin dapat menambahkan lagi pendapatan mereka. Tidak dengan apa yang berlaku sekarang ini semuanya upah daripada menanam, membajak dan juga daripada mengambil buah padi.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya

bukanlah petani-petani kita bekerja sedikit, cuma jenis pekerjaan itu bertukar. Banyak petani-petani menjadi full-time politicians atau part-time politicians dan sebenarnya ini didapati di kawasan MADA. Kebanyakan petani-petani itu lebih banyak masa berpolitik kerana mereka telah diperkenalkan dengan penggunaan jentera yang banyak. Ini satu dilema yang dihadapi oleh kebanyakan negara. Kita tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa pengenalan teknologi bermakna kurangnya man-hours di ladang. Tetapi untuk menghadkan penggunaan jentera jenis ringan sahaja itu agak sukar kerana dalam penyelidikan telah dibuat, terutama di kawasan MADA jelaslah bahawa mengelakkan dari kerugian tatkala menuai ataupun post-harvest, selepas menuai itu jauh kurang dengan penggunaan jentera besar yang lebih sophisticated. Jadi diberi pilihan di antara jentera kecil dengan pendapatan yang lebih rendah dengan jentera besar terutama dalam penggunaan "Combined Harvester" ini tidak dapat dinafikan bahawa kerugian semasa menuai itu jauh lebih kecil semasa penggunaan "Combined Harvester" ini. Sebab itulah walaupun perkara ini telah dibangkitkan berkali-kali kepada saya, kita belum berani membuat keputusan untuk melarang atau mengurangkan penggunaan jentera-jentera besar ini.

Salah satu penyelesaian yang boleh kita cadangkan ialah pertamanya Persatuan-persatuan Peladang sendiri ataupun Pertubuhan Peladang kawasan dan negeri mempunyai jentera ini. Dengan cara sedemikian, mereka dapat menyewa pula jentera ini kepada ahli-ahli mereka dan pendapatan daripada off-farm ini dapat mereka perolehi.

Keduanya untuk mencadangkan tanaman selingan sepertimana diperkenalkan, mangga di kawasan MADA, agar petani-petani tidak

hanya tertumpu kepada penanaman padi tetapi juga menanam jenis-jenis sayur-sayuran, buah-buahan yang lain.

Ketiganya, tentang apa yang disebutkan tadi off-farm income, pendapatan selain daripada kawasan pertanian sepertimana menggalakkan Pertubuhan-pertubuhan Peladang mendapat kesempatan menjalankan dan mengendalikan projek-projek kecil atau kontrak-kontrak kecil. Dengan cara demikian, waktu mereka berpolitik dapat dikurangkan dan boleh membawa hasil dan pendapatan yang bertambah.

#### GURU KATEGORI C1 DAN C2 - KENAIKAN PANGKAT

**14. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai jumlahnya guru-guru dalam tingkatan C1 dan C2 yang telah mati gajinya yang ada sekarang dan berapa ramaikah di antara mereka yang telah dinaikkan pangkat ke tingkat gaji yang lebih dalam tahun 1984 dan dalam tahun 1985 ini.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, setakat tahun 1983, seramai 17,988 orang guru dalam kategori C1 dan C2 telah sampai ke matagaji maksima tingkatan biasa. Pada tahun 1984 seramai 1,119 orang dari kedua-dua kategori berkenaan telah diberi kenaikan pangkat dan setakat bulan Mac, 1985 seramai 360 orang lagi telah berjaya dinaikkan pangkat dari tingkatan biasa.

**Tuan K. Kumaran:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk menghapuskan kategori B1 dan B2 dalam perkhidmatan pelajaran meletakkan guru-guru yang berkhidmat sekarang dalam kategori C2 kerana kini tidak ada pengambilan guru-guru B1 dan B2 dan guru-guru kategori ini sedang ber-

khidmat lebih daripada 15 tahun dan kebanyakan mereka telah pun meningkatkan gaji yang maksima?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum ada hasrat itu. Namun demikian, secara tidak langsung kita juga menggalakkan mereka yang di dalam kategori B1 dan B2 untuk naik ke pangkat C2, kerana Kementerian Pelajaran ialah Kementerian yang sentiasa memberi peluang kepada guru-gurunya untuk belajar sendiri untuk mencapai tingkat kualifikasi yang tinggi daripada apa yang pernah mereka capai. Oleh itu secara tidak langsung kita memberi peluang. Jadi harapan kita ialah mereka itu sentiasa berusaha dan akhirnya nanti hapuslah dan tidak ada lagi di dalam kategori B1 dan B2 di samping kita juga hanya mengambil mereka yang berkelulusan Tingkatan V untuk menyertai perkhidmatan perguruan.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, golongan mereka inilah apa yang pernah dikatakan oleh Menteri Pelajaran dalam bulan Disember yang lalu terdiri daripada 60% yang memohon berpencen secara "optional" kerana didapati perkhidmatan mereka masih jauh sedangkan harapan untuk dinaikkan pangkat, untuk dinaikkan taraf tidak ada?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini tidaklah golongan yang termasuk dalam 60% itu, mungkin sebahagian daripadanya. Namun demikian, saya rasa apa yang dikatakan mereka itu begitu lama berkhidmat, saya rasa kita sentiasa mengambil perhatian terhadap kebajikan guru-guru ini dan di samping kita menggalakkan mereka itu belajar, kita juga sentiasa mengambil perhatian supaya perkhidmatan mereka itu akan terus menjadi perkhidmatan yang mereka banggakan dan kebajikan mereka kita jaga dengan betul.

**Puan Hafisah binti Othman:** Soalan tambahan. Berapakah bilangan guru-guru wanita dalam tingkatan C1 dan C2 yang telah mati gajinya dan berapakah pula bilangan guru-guru wanita yang telah dinaikkan pangkat?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran adalah Kementerian yang adil. Kalau mereka beri angka untuk lelaki mereka juga beri angka untuk perempuan. Oleh kerana tidak diberi angka untuk lelaki jadi tidaklah ada angka untuk perempuan. (*Ketawa*)

#### ELAUN PERUMAHAN ANGGOTA ANGKATAN TENTERA

**15. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada elaun perumahan yang diberi kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia yang berkhidmat di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur memadat; jika tidak nyatakan langkah-langkah positif yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar jumlah elaun perumahan untuk anggota-anggota Angkatan Tentera terutamanya yang tinggal di bandar-bandar besar adalah agak tidak memadai. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah memberi perhatian yang serius terhadap rancangan pembinaan rumah-rumah kediaman untuk anggota-anggota tentera. Satu peruntukan yang agak besar untuk projek perumahan Angkatan Tentera telah dirangka dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti. Adalah dijangkakan apabila terlaksananya rancangan ini, masalah menyediakan rumah bagi anggota tentera akan

dapat diatasi. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan masih belum bercadang untuk menaikkan elauns perumahan dari kadar yang ada sekarang kerana keadaan ekonomi negara masih belum membolehkan Kerajaan berbuat demikian.

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:**

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan Angkatan Tentera ialah masalah lama, masalah ini wujudnya sebelum kita merdeka dahulu. Sekarang kita sudah merdeka nampaknya masalah ini bukan bertambah baik tetapi bertambah buruk. Saya faham bahawa kita telah ada membuat beberapa rancangan iaitu Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan sebagainya, tetapi masalah ini masih lagi ada dalam Angkatan Tentera kita. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pertahanan sama ada dapat atau tidak pihak Kementerian Pertahanan menggantung atau menghapuskan skim elaun perumahan yang sedia ada pada masa ini dan digantikan dengan satu skim di mana Kementerian Pertahanan akan menyewa dengan sendirinya rumah-rumah daripada tuan-tuan punya rumah dan menyerahkan itu kepada mereka yang berhak. Sekian.

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu**

**Bandar Abang Haji Mustafa:** Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini menjadi rumit seperti sekarang oleh kerana perkembangan istimewa Angkatan Tentera yang berlaku dalam tahun 1979 hingga ke tahun 1983. Kita telah mengambil banyak lagi anggota-anggota tentera dengan masa yang cepat dan oleh kerana itu kita tidak dapat membina rumah dengan secepat seperti kita mengambil anggota-anggota tentera. Walaupun demikian kita sedang mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi masalah ini seperti saya sebutkan tadi. Misal kata sekarang di

Kem Tentera di Miri dan di Sarawak di mana perumahan susah hendak disewa Kementerian saya sedang mengambil tindakan di mana Tabung Angkatan Tentera menerusi anak syarikatnya Pewira Harta sedang membina kem-kem tersebut untuk kediaman anggota-anggota tentera kita dan walaupun Kementerian Pertahanan tidak mempunyai kewangan untuk membina rumah, kita menyewa perumahan yang akan dibina itu dan option kita akan membelinya apabila keadaan mengizinkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 45 adalah diberi di bawah ini.)*

#### PADI IR. 42-KEHANCURAN

**16. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kehancuran padi IR. 42 bukan disebabkan oleh sifat padi itu sendiri tetapi adalah disebabkan cara padi itu disimpan dengan didedah kepada hujan dan panas di luar kompleks sebelum padi itu dikisar; jika sedar nyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Adalah tidak benar bahawa kehancuran padi IR. 42 disebabkan oleh cara padi itu disimpan dengan didedahkan kepada hujan dan panas. Padi yang dibeli oleh LPN sebaliknya adalah disimpan di dalam gudang yang terdapat di kompleks-kompleks LPN dan jika diletakkan di luar kompleks padi-padi tersebut ditutup dengan menggunakan tarpaulin.

Padi jenis IR. 42 mempunyai sifat-sifat genetik iaitu kulit yang nipis

dan biji beras yang mudah retak. Padi ini apabila dikilang akan menghasilkan 35-45 peratus kepala beras berbanding dengan padi jenis lain seperti MR. 77 yang menghasilkan 67 peratus kepala beras.

Ujian ke atas hasil pengilangan yang dibuat oleh LPN di Kompleks Kerpan dan Kangkong di Kedah membuktikan kerendahan gred beras yang dihasilkan. Bagi Kompleks Kerpan hasil kisanan yang diperolehi ialah sebanyak 41.96% kepala beras, 13.07% beras hancur kasar dan 13.07% beras hancur halus. Hasil kisanan oleh Kompleks LPN Kangkong pula ialah terdiri dari 41.43% kepala beras, 14.85% beras hancur kasar dan 11.17% beras hancur halus.

Pihak LPN dan MARDI juga telah membuat ujian makmal ke atas padi IR. 42 ini. Ujian yang dibuat oleh LPN menunjukkan bahawa peratus komponen-komponen beras yang dihasilkan adalah terdiri dari 44.1% kepala beras, 16.1% beras hancur dan 10.7% beras hancur halus. Ujian oleh MARDI pula menunjukkan 45.32% dari beras yang dihasilkan adalah terdiri dari kepala beras dan 24.96% terdiri dari beras hancur halus.

Untuk mengatasi masalah dari IR. 42 itu, maka pihak Kerajaan telah menggalakkan petani-petani menanam padi-padi jenis lain seperti MR. 77 yang mana boleh menghasilkan beras yang lebih baik mutunya.

#### BELI BARANG BUATAN MALAYSIA

**17. Tuan Haji Abu Bakar bin Lazim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan di dalam kempen untuk membeli barang-barang buatan Malaysia, sama ada Sirim benar-benar dilengkapi dengan

mesin-mesin dan tenaga yang lengkap untuk memeriksa bahan-bahan dan barang tersebut mendapat kelulusan dengan segera untuk pasaran dalam negara.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** SIRIM mempunyai tenaga manusia dan kelengkapan serta kemudahan makmal yang perlu untuk menguji, menilai bahan-bahan, komponen dan prodak pekilang-pekilang tempatan. SIRIM sentiasa berusaha mempertingkatkan dan memperluaskan lagi bilangan tenaga manusia dan kemudahan-kemudahan berasaskan keperluan perkhidmatan SIRIM dari sektor industri tempatan.

SIRIM memanglah memberi sokongannya kepada kempen "Belilah Buatan Malaysia" yang baru-baru saja dilancarkan dan dalam hubungan ini, para pengguna hendaklah memberi perhatian kepada mutu barangan dan prodak-prodak yang mempunyai tanda piawaian Malaysia yang dikeluarkan oleh SIRIM. Tambahan lagi, adalah diharapkan pihak industri akan memberi kerjasama kepada Kerajaan untuk menentukan bahawa prodak-prodak mereka akan mematuhi dengan piawaian antarabangsa.

#### UNIVERSITI MALAYA— PENUKARAN NAMA

**18. Tuan Kenneth Kanyan** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menimbang menukarkan nama Universiti Malaya kepada Universiti Malaysia untuk mencerminkan pandangan Kebangsaan terhadap bangsa kita Malaysia.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Setakat ini Kementerian Pelajaran belum berhasrat untuk menukarkan nama

Universiti Malaya kepada Universiti Malaysia.

### PELABURAN DI CHINA

**19. Tuan Kee Wong Wee** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada pengusaha-pengusaha akan dibenarkan mengambil peluang pelaburan yang amat luas untuk melabur serta mencari potensi market di negeri China memandangkan dasar pelaburan China telah diubahsuaikan baru-baru ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telahpun saya huraikan pada masa saya menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai di dalam Dewan Yang mulia ini pada 17-4-1985. Oleh itu saya memohon izin dari Tuan Yang di-Pertua untuk tidak menjawab soalan Yang Berhormat ini.

### SISWAZAH UNIVERSITI

**20. Tuan Nasir bin Haji Manap** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bilangan siswazah bagi satu-satu jurusan di universiti-universiti melebihi bilangan pekerjaan yang wujud; jika sedar nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan supaya penganggaguran di kalangan siswazah tidak semakin teruk dari masa ke semasa.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Pekerjaan yang mendatangkan pendapatan yang tinggi tidak lagi semudah diperolehi, seperti dahulu, bagi siswazah universiti di satu-satu jurusan. Situasi ini mencerminkan

satu keadaan penawaran dan permintaan tenaga manusia yang mahir, yang sentiasa berubah-ubah dari semasa ke semasa.

Kementerian Pelajaran sentiasa mengawasi keadaan ini dan berusaha menyelaraskan pengambilan pelajar mengikut jurusan dan peringkat pengajian, bersesuaian dengan keperluan dan permintaan negara.

### SYARIKAT KEWANGAN KAUM INDIA

**21. Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau boleh memberi jaminan bahawa Kementerian beliau akan mengkaji secara adil untuk membolehkan pengusaha-pengusaha kaum India mendapat lesen syarikat kewangan.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Semua permohonan untuk mendapatkan lesen syarikat kewangan adalah dipertimbangkan berasaskan kepada dasar-dasar yang ditetapkan mengenai pengeluaran lesen termasuk memenuhi kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun membekukan semua pengeluaran lesen baru untuk urusniaga syarikat kewangan. Kerajaan menganggap bahawa negara kita mempunyai syarikat kewangan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan orang ramai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 46 buah syarikat kewangan yang mempunyai 320 buah cawangan. Tempat-tempat yang belum mempunyai perkhidmatan kewangan yang mencukupi akan dipenuhi melalui pembukaan cawangan baru oleh syarikat-syarikat kewangan yang sedia ada.



## BARANG BUATAN MALAYSIA

22. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk melancarkan kempen untuk menggalakkan orang ramai membeli barang-barang buatan Malaysia;
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan barang-barang buatan tempatan bermutu tinggi; dan
- (c) tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap peniaga-peniaga rakyat Malaysia yang terlibat dalam perdagangan eksport yang telah menipu tentang mutu barang-barang yang dieksport oleh mereka.

### **Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:**

- (a) Sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian saya memang sedar tentang perlunya kempen untuk menggalakkan orang ramai membeli barang-barang buatan Malaysia. Dalam hal ini Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian-kementerian lain dan juga badan-badan swasta dan sukarela telah merangka kempen "BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA" secara besar-besaran di peringkat Kebangsaan yang mana pelancarannya telah pun dilakukan pada 4hb April, 1985 yang lalu. Tujuan kempen ini antara lain ialah untuk menanamkan sikap "Belilah Barangan Buatan Malaysia" kepada setiap warganegara Malaysia serta menghapuskan prasangka bahawa barang-barang yang diimport adalah lebih baik. Kempen ini adalah

ditujukan kepada semua kumpulan sasaran bagi mendatangkan kesan yang lebih bermakna.

- (b) Kementerian saya juga sedar pentingnya pengeluar-pengeluar tempatan mengeluarkan keluaran-keluaran yang bermutu memandangkan keluaran-keluaran ini bukan sahaja dipasarkan di dalam negeri juga boleh memasuki pasaran eksport yang mana terdapat persaingan yang hebat dari segi mutu dan harga. Bagi memastikan pengeluar-pengeluar tempatan mengeluarkan barangan yang bermutu, syarikat-syarikat yang diberikan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 (seperti dipinda) telah dikenakan yang mana keluaran-keluaran syarikat hendaklah mencapai piawaian yang ditentukan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, di mana piawaian itu sedia ada. Dengan adanya piawaian sama ada yang berdasarkan kepada piawaian Malaysia atau lain-lain piawaian yang diterima, akan dapat memberi kepastian dan kepuasan bahawa barangan Malaysia adalah barangan yang bermutu. Sebagai pengiktirafan keluaran-keluaran tempatan yang bermutu, Anugerah Barangan Cemerlang yang mengandungi ciri-ciri mutu, teknologi dan bahan tempatan akan diberikan kepada lapan sektor industri pembuatan yang telah dikenalpasti, iaitu sektor makanan, kimia dan farmasi, barangan logam dan berasaskan logam, bahan-bahan bangunan dan pembinaan, tekstil dan pakaian, getah dan plastik, kayu dan kertas serta elektrik dan elektronik.

(c) Kerajaan memang memandang berat terhadap peniaga-peniaga rakyat Malaysia yang terlibat dalam perdagangan eksport yang telah menipu tentang mutu barang-barang yang dieksport oleh mereka. Perkara ini secara tidak langsung menjejaskan nama baik negara di dalam perdagangan antarabangsa.

Syarikat-syarikat yang didapati telah menipu akan disenaraihitamkan oleh Kerajaan ini dan syarikat-syarikat berkenaan tidak akan diberi apa-apa bantuan dalam usaha galakan eksport yang dijalankan oleh Kementerian. Di samping itu nama-nama mereka juga di-edarkan kepada semua Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri. Senaraihitam ini diedarkan juga kepada agensi-agensi lain seperti MTIB, Perbadanan Kraftangan dan lain-lain. Agensi-agensi ini boleh menarik balik perkhidmatan mereka, menolak permohonan lesen eksport dan melucutkan apa juga jenis perkhidmatan kepada syarikat atau individu yang telah disenaraihitamkan itu.

#### **BELIA JADI PETANI MODEN**

**23. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Bahagian Didikan dan Latihan Pertanian, Kementerian Pertanian berjaya dan telah meluaskan khidmatnya untuk melatih dan medidik belia-belie kita menjadi petani moden; jika tidak nyatakan sebab-sebabnya dan langkah-langkah yang akan diambil untuk menjayakannya.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Sehingga masa ini Kementerian Pertanian melalui Institut-institut Pertanian di bawah pentadbiran Jabatan

Pertanian telah berjaya mengeluarkan graduan untuk memenuhi keperluan tenaga manusia di peringkat pelaksanaan dalam Jabatan dan Agensi Pertanian. Sejumlah 3,847 graduan telah pun dikiuatkan sehingga tahun 1985.

Tumpuan Kementerian dalam latihan sekarang ialah untuk membentuk belia-belie dari luar bandar untuk mencebur secara terus dalam bidang pertanian sebagai usahawan pertanian moden. Dalam hal ini di samping mengekalkan taraf akademik di Institut Pertanian beberapa perubahan telah dan sedang dilaksanakan dari segi mengubahsuai isi kandungan kursus serta sistem latihan secara keseluruhannya. Tumpuan adalah diberikan kepada pembelajaran melalui latihan dan penglibatan penuntut-penuntut dalam segala aspek pengeluaran di samping mengutamakan bidang pengurusan projek-projek pertanian secara berkelompok. Penerapan nilai-nilai Islam seperti rajin berusaha, kejujuran, ketekunan menjalankan tugas serta menanam sikap bertanggungjawab telah pun diperkenalkan. Semua program ini adalah ke arah pembentukan seorang individu yang serba boleh untuk berdikari dan tidak semata-mata mengharapkan peluang pekerjaan dalam agensi Kerajaan.

Jabatan-jabatan Pertanian Negeri juga menjalankan latihan kepada petani dan belia di Pusat-pusat Latihan Pertanian.

#### **KEMISKINAN KAUM NELAYAN**

**24. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keadaan hidup kaum nelayan di seluruh negara adalah "kais pagi makan pagi" dan tempat tinggal mereka kebanyakannya amat tidak selesa dan lagi badan-badan yang

ditubuhkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan ekonomi para nelayan tidak begitu berkesan; jika sedar nyatakan tindakan menyeluruh yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kemiskinan para nelayan di seluruh negara.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Kementerian ini memang sedar masih terdapat para nelayan yang "kais pagi makan pagi".

Di dalam mencapai matlamat tersebut kerjasama dari pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan adalah diperlukan. Usaha-usaha bersama yang diambil dalam meningkatkan dan memperbaiki sosio-ekonomi kaum nelayan pada keseluruhannya memuaskan. Ini dapat dilihat dari kejatuhan kadar kemiskinan nelayan dari 73.2% dalam tahun 1970 kepada 44.7% dalam tahun 1983.

Sebagai tindakan menyeluruh untuk mengatasi masalah kemiskinan nelayan, Kementerian telah mengambil tindakan menggubal beberapa strategi penting di bawah Dasar Pertanian Negara. Strategi yang digubal termasuklah penyusunan semula struktur ekonomi di sektor perikanan supaya tidak tertumpu kepada aktiviti penangkapan ikan semata-mata. Para nelayan juga digalakkan untuk mencuri pekerjaan di sektor ekonomi yang lain seperti pertanian dan perniagaan. Bagi nelayan-nelayan yang masih menjalankan aktiviti penangkapan ikan, aktiviti mereka diperluaskan merangkumi penangkapan ikan laut dalam, perusahaan ternakair dan perusahaan yang berasaskan perikanan.

#### PELAJARAN ASAS— MEWAJIBKAN

**25. Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama

ada Kementeriannya ingin mewajibkan pelajaran asas di sisi undang-undang seperti yang didapati di beberapa negara supaya keadaan buta huruf di kalangan rakyat kita dapat dielakkan sekali-gus dan juga mengelakkan pekerjaan kanak-kanak yang sedang berlaku tanpa pengetahuan kita, akibat tidak bersekolah.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mewajibkan pelajaran asas di sisi undang-undang seperti beberapa buah negara lain, kerana penyertaan kanak-kanak ke sekolah adalah memuaskan. Dari maklumat yang ada kira-kira 97.8% penduduk yang berumur di antara 6-7 tahun telah bersekolah.

Kementerian Pelajaran telah menjalankan berbagai langkah untuk menggalakkan kanak-kanak kekal bersekolah. Di antara langkah-langkah tersebut ialah dengan memberi pelajaran percuma di peringkat rendah dan menengah rendah (9 tahun pelajaran percuma), memberi peluang dan kemudahan kepada ibu-bapa mendaftar anak-anak mereka bersekolah, menyediakan tempat dan membina sekolah-sekolah serta asrama-asrama di kawasan-kawasan yang difikirkan perlu walaupun hingga ke kawasan pedalaman.

#### FELDA-LUAS TANAH

**26. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah luas tanah FELDA di seluruh negara dan jumlah bilangan peneroka yang telah menyertainya;
- (b) jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk tiap-tiap rancangan FELDA sejak dimulakan;

- (c) jumlah projek yang kosong dan tindakan Kerajaan untuk memenuhi kekosongan dan meneruskan projek ini; dan
- (d) jumlah atau baki hutang yang ditanggung oleh negara atas pinjaman kerana urusan Projek FELDA.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):**

- (a) Sehingga suku tahun pertama 1985, FELDA telah memajukan tanah seluas 672,034 hektar. 630,636 hektar kawasan pertanian dan bakinya 41,398 hektar kawasan kampung. Seramai 88,377 orang peneroka telah ditempatkan di 235 buah rancangan FELDA.
- (b) Sehingga suku tahun pertama 1985 FELDA telah membelanjakan sebanyak \$5.19 billion untuk memajukan rancangan-rancangan tanahnya. Dari jumlah tersebut \$3.18 billion ialah perbelanjaan untuk pembangunan, \$1.36 billion untuk belanja pentadbiran dan \$0.65 billion kos pembinaan kilang.
- (c) Daripada 384 buah rancangan yang telah dimajukan sebanyak 149 buah masih belum ditempatkan peneroka. Matlamat penempatan FELDA bagi tiap-tiap tahun ialah seramai 6,000 orang. Di samping itu FELDA telah menemuduga dan mempunyai senarai seramai 10,343 orang calon-calon yang sesuai yang masih belum lagi ditempatkan ke rancangan. Penempatan ini akan dibuat apabila terdapat rancangan-rancangan yang telah disiap sediakan, iaitu mempunyai kawasan ladang yang sesuai, rumah dan kemudahan asas seperti jalan dan bekalan air. Inilah masalah yang dihadapi oleh FELDA pada masa

ini, iaitu kekurangan yang siap untuk dimasukkan peneroka. Langkah-langkah bagi mempercepatkan kerja menyediakan rancangan ini sedang terus dijalankan.

- (d) Baki hutang pinjaman yang telah FELDA terima dari Kerajaan dan lain-lain institusi kewangan asing sehingga akhir suku tahun pertama 1985 berjumlah \$3.03 billion.

**SKIM LATIHAN PERNIAGAAN  
PEGAWAI BUMIPUTERA**

**27. Datuk Ishak bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah sambutan dari Pegawai-pegawai Kerajaan Bumiputera terhadap skim latihan perniagaan; dan berapakah ramai pelatih-pelatih yang telah menjalani latihan ini; dan apakah insentif yang diberi untuk memudahkan pelatih-pelatih memulakan perniagaan setelah mereka tamat latihan nanti.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Noor):** Sambutan Pegawai-pegawai Bumiputera terhadap Skim Latihan Perniagaan bagi kakitangan Kerajaan Kumpulan "C" dan "D" adalah menggalakkan. Bagi Kursus Pertama dalam tahun 1983 seramai 1,023 orang telah memohon. Dari jumlah tersebut, seramai 147 orang telah dipilih dan telah tamat menjalani latihan di enam buah agensi Kerajaan. Untuk tahun 1984 pula, sebanyak 1,333 permohonan telah diterima. Dari jumlah tersebut, seramai 176 orang telah dipilih dan sedang menjalani latihan di tujuh buah institusi dan akan tamat pada 22 April 1985.

Setelah tamat latihan beberapa kelonggaran syarat perkhidmatan diberikan kepada kakitangan yang

hendak berhenti dari perkhidmatan Kerajaan seperti kebenaran memendekkan notis berhenti kerja dan bagi mereka yang masih mempunyai cuti rehat di dalam tahun berkenaan dibenar mengambil cuti tersebut untuk menjalankan perniagaan semasa menunggu tarikh berhenti kerja.

Kerajaan melalui beberapa agensinya menawarkan berbagai jenis bantuan untuk memudahkan bakal-bakal usahawan ini seperti bakal-bakal usahawan yang lain untuk memulakan perusahaan masing-masing. Di antara kemudahan-kemudahan ini termasuklah kemudahan khidmat nasihat dan bimbingan, kemudahan kredit dan pinjaman dan bantuan sokongan untuk mendapatkan lesen-lesen dan peluang-peluang berniaga. Setiap agensi latihan pula sentiasa mengesan dan mengawasi kemajuan setiap bekas pelatih masing-masing dan bersedia menghulurkan apa-apa bantuan, nasihat dan susulan sekiranya diperlukan.

#### **JURURAWAT DI HOSPITAL-HOSPITAL-PERKHIDMATAN**

**28. Dato' S. Govindaraj** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa disiplin, semangat berbakti dan perasaan tanggungjawab di kalangan kakitangan jururawat di hospital-hospital Kerajaan semakin merosot dan sekiranya sedar apakah tindakan yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini bagi menyakin orang ramai terhadap perkhidmatan hospital-hospital Kerajaan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Kementerian berpuashati bahawa kakitangan Jururawat pada amnya adalah berdisiplin dan didikasi. Tidak boleh menyatakan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh mereka di dalam hospital-hospital semakin merosot.

Walau bagaimanapun, memang terdapat sebilangan kecil aduan-aduan mengenai perkhidmatan dan kelakuan kakitangan-kakitangan di hospital-hospital termasuk jururawat-jururawat. Di dalam keadaan, di mana lebih daripada 80 ribu, pekerja berkhidmat dengan Kementerian di seluruh negara, aduan seperti ini bolehlah dijangkakan. Tetapi saya dapat memberi jaminan bahawa aduan ini disiasat dan tindakan-tindakan sewajarnya diambil apabila perlu.

#### **NILAI RINGGIT DENGAN DOLAR SINGAPURA/AMERIKA**

**29. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab nilai ringgit menurun dibandingkan dengan dolar Singapura dan dolar Amerika; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperkukuhkan keadaan ringgit.

**Dato' Sabbaruddin Chik:**

- (a) Penurunan nilai ringgit terhadap dolar Singapura dan dolar Amerika disebabkan oleh pengukuhan dolar Amerika Syarikat. Peningkatan nilai dolar Amerika telah berlaku hasil daripada pengaliran modal yang besar dari Eropah dan Jepun ke Amerika Syarikat akibat daripada kadar-kadar faedah yang tinggi di negeri itu. Tambahan pula keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap ekonomi Amerika Syarikat yang kukuh telah pun menarik kumpulan wang-kumpulan wang ke Amerika Syarikat. Dengan ituimbangan modal Amerika Syarikat telah pun meningkat dengan pesat dan ini telah menjadi nilai dolar Amerika Syarikat meningkat berbanding

semua matawang-matawang lain. Dalam pada ini ringgit juga merosot terhadap dolar Singapura kerana dolar Singapura dapat mengekalkan terhadap dolar Amerika Syarikat. Perkembangan ini telah diakibatkan daripada maklumat Kerajaan Singapura untuk mengekalkan Singapura sebagai pusat yang kukuh bagi pelaburan asing.

- (b) Kerajaan Malaysia telahpun mengambil beberapa langkah-langkah untuk memperkukuhkan ringgit. Langkah-langkah ini termasuk tindakan campurtangan secara aktif oleh Bank Negara Malaysia dalam pasaran pertukaran wang asing bagi menstabilkan keadaan ringgit. Selain daripada itu beberapa langkah juga telah dan sedang diambil untuk memperbaiki kedudukan imbang pembayaran Malaysia seperti kempen-kempen baru untuk menggalakkan membeli barang buatan Malaysia supaya import-import dapat dikurangkan. Kerajaan juga telah mengambil kesempatan untuk menggalakkan pekilang-pakilang tempatan menambah lagi eksport-eksport untuk memperolehi lebih pertukaran wang asing serta menggalakkan pelancungan ke Malaysia. Pengeksport-pengeksporth Malaysia juga diseru menggunakan perkapalan dan kapal terbang serta perkhidmatan insuran tempatan untuk mengurangkan pengaliran keluar pendapatan kita. Tambahan pula Kerajaan juga akan terus mengekalkan kedudukan kewangan Kerajaan dengan mengawal perbelanjaan dan pinjaman sektor awam supaya defisit belanjawan akan berkurang. Dengan keyakinan pelaburan asing terhadap Malaysia dapat dipertingkatkan lagi dan

keyakinan terhadap matawang ringgit juga akan diperkukuhkan.

#### EXCHANGE RATES

	£	Singapore \$ Yen	Japanese		
1-4-85 ..	2.51	3.13	113.7	82.45	1.006
2-4-85 ..	2.54	3.08	113.7	81.25	1.006
3-4-85 ..	2.52	3.11	113.7	81.55	1.005
4-4-85 ..	2.51	3.04	112.9	80.10	0.9945
5-4-85 ..	2.52	3.02	113.1	79.95	0.9935

#### REJIMEN INFANTERI SINGAPURA-PENGIKTIRAFAN

**30. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab serta jumlah sebenar, perajurit-perajurit yang mana tempoh perkhidmatan mereka semasa berkhidmat Rejimen Infanteri Malaysia tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Soalan Yang Berhormat ini agak keliru sedikit, tetapi walau bagaimanapun saya andaikan apa yang dimaksudkan dengan Rejimen Infanteri Malaysia Yang Berhormat itu ialah Rejimen Infanteri Singapura (SIR).

Sebenarnya Kerajaan bukan tidak mengiktiraf Rejimen Infanteri Singapura tetapi tempoh jangkamasa di antara tarikh perpisahan dan tarikh masuk berkhidmat semula oleh Anggota Tentera Singapura ke dalam Angkatan Tentera Malaysia yang masih lagi belum mendapat penyelesaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa perpisahan Singapura dari Malaysia pada 9hb Ogos, 1985 terdapat beberapa ramai warganegara Malaysia yang sedang berkhidmat dengan Angkatan Tentera Singapura dan sebaliknya. Mereka ini

telah diberi pilihan untuk sama ada terus berkhidmat dengan Angkatan Tentera Singapura atau berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia. Sejumlah 702 orang anggota telah memilih untuk kembali berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia.

Bagi tempoh jangkamasa di antara perpisahan dan tarikh masuk berkhidmat semula dengan Angkatan Tentera Malaysia itu tidak didapati rekod perkhidmatan anggota-anggota tersebut. Oleh itu pihak pejabat Audit Negara tidak meluluskan tempoh perkhidmatan mereka mulai 9hb Ogos, 1985 hingga mereka diambil masuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia. Walau bagaimanapun mereka layak mendapat pencen perkhidmatan sekiranya perkhidmatan mereka mencukupi 21 tahun yang diakui dengan Angkatan Tentera Malaysia.

Usaha-usaha Kementerian Pertahanan sedang dibuat dengan Kerajaan Singapura untuk menyelesaikan masalah ini supaya tempoh tersebut akan diambilkira oleh Kerajaan.

#### MAHKAMAH AGUNG- RAYUAN

**31. Tuan D. P. Vijandran** minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada beliau sedar bahawa mengikut keadaan sekarang, hanya rayuan (appeal) yang melibatkan wang sebanyak \$100,000 ke atas sahaja yang boleh dibuat kepada Mahkamah Agung dan ini di luar kemampuan golongan miskin dalam negeri ini; jika sedar, nyatakan sama ada "Courts of Judicature Act" itu boleh dipinda untuk mengimbangkan kedudukan perkara ini; jika tidak, beri sebab-sebabnya.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Sungguhpun hanya

kes-kes yang melibatkan wang berjumlah \$100,000 yang boleh dibawa untuk rayuan ke Mahkamah Agung, namun begitu mengikut Seksyen 68 (1) (a), Courts of Judicature Act, 1964, kes-kes yang mana nilai tuntutan kurang daripada \$100,000 boleh juga dibawa untuk rayuan ke Mahkamah Agung sekiranya mendapat kebenaran (leave) daripada Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Agung sendiri.

Dengan adanya peruntukan tersebut, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Courts of Judicature Act, 1964 bagi membolehkan kes yang mana tuntutan kurang dari \$100,000 dibawa untuk rayuan secara automatik ke Mahkamah Agung.

#### BERITA RTM/TV 3

**32. Tuan Mohd. Yusof bin Kassim** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau akan mengarahkan supaya Berita RTM dan Berita TV3 tidak disiarkan serentak; dan nyatakan juga sama ada babak-babak cium dan bilik tidur di TV3 dapat dipotong sebelum tayangan dibuat.

**Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim):** Memang ada rancangan untuk menimbangkan semula masa siaran bagi Berita Perdana dan Berita TV3 agar ianya tidak serentak. Perkara ini akan diputuskan apabila TV3 meluaskan siarannya.

Mengenai babak-babak cium TV3 dan adegan-adegan di bilik tidur itu, pihak TV3 sedang berusaha mendapatkan tenaga penyuntingan dari Lembaga Penapisan Filem. Panel Pengawasan Penyiaran Swasta (PPPS) yang ditubuhkan oleh Kerajaan baru-baru ini juga membantu TV3 dalam mengatasi hal ini.

**BAYARAN LETRIK BAGI  
PELABUR ASING**

**33. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelabur-pelabur asing telah menyatakan bahawa kadar bayaran kuasa letrik di Malaysia adalah tinggi; jika sedar nyatakan:

- (a) Perbandingan kadar tersebut dengan kadar di negara-negara ASEAN yang lain; dan
- (b) Kadar kos pengeluaran kuasa letrik seunit mengikut sistem hidro dan sistem wap di negara ini.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Bagi menjawab soalan ini terlebih dahulu saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kadar bayaran tenaga elektrik yang ditetapkan adalah bergantung kepada kos untuk memberi bekalan tersebut kepada pengguna-pengguna. Dalam menentukan kos memberi bekalan tersebut pula, beberapa faktor perlu diambil kira seperti harga bahan api (fuel), jenis logi yang digunakan untuk menjana tenaga elektrik iaitu sama ada logi hidro atau haba, kecekapan pentadbiran dan sebagainya,

Dari hasil kajian yang telah dibuat oleh Lembaga Letrik Negara baru-baru ini, telah didapati bahawa tarif elektrik yang dikenakan oleh Lembaga Letrik Negara bukanlah yang tinggi sekali di rantau ASEAN ini. Jika dibandingkan dengan Indonesia, tarif Lembaga Letrik Negara adalah didapati lebih rendah. Ini dapat dilihat dari perbandingan harga penjualan purata se KWH yang ditunjukkan seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Harga Perjualan Purata Se KWH</i>
Semenanjung Malaysia . .	22.16sen . .
Singapura	19.80 sen

*Negara*                      *Harga Perjualan Purata Se KWH*

Indonesia	23.13 sen . .
Filipina (MERALCO)	15.34 sen . .
Thailand (MEA) . .	19.43 sen

Untuk membuat perbandingan kadar tenaga elektrik yang dikenakan oleh negara-negara ASEAN dengan negara ini secara adil dan saksama, asas yang sama haruslah digunakan. Memandangkan dasar, amalan dan punca tenaga yang terdapat di negara-negara ASEAN ini adalah berlainan, maka sukarlah untuk mendapatkan asas yang sama dalam membuat perbandingan ini. Umpamanya adalah sukar untuk membandingkan harga penajaan tenaga elektik di negara-negara yang mengenakan harga nominal ke atas bahan api untuk menjana tenaga elektrik dengan negara-negara yang tidak mengenakan harga nominal ke atas bahan api untuk penajaan elektrik seperti Malaysia. Malaysia, sepertimana yang diketahui, mengimport bahan apinya untuk penajaan tenaga elektriknya. Sementara itu negara-negara seperti Thailand dan Filipina mengenakan harga nominal ke atas bahan api bagi penajaan tenaga elektrik walaupun kedua-dua negara ini mengimport bahan apinya dari luar. Dengan lain perkataan kedua-dua negara ini meng"Subsidized"kan Badan-badan Utilitinya.

Walaupun ada sekatan-sekatan seperti itu, namun didapati bahawa harga purata seunit tenaga elektrik yang dibayar oleh pengguna-pengguna di Malaysia ini adalah didapati setanding dengan harga-harga yang dibayar oleh pengguna-pengguna di negara-negara ASEAN yang lain.

Kos penajaan untuk stesen-stesen hidro dan stim Lembaga Letrik Negara adalah seperti berikut:

Stesen-stesen Hidro	2.35 sen seunit . .
Stesen-stesen Stim	16.49 sen seunit . .
Kos purala penajaan kuasa	18.07 sen seunit



Hidro merupakan hanya 14% daripada seluruh penjanaan kuasa dan pengendaliannya bergantung kepada adanya bekalan air.

#### **BANK SIMPANAN NASIONAL-PENUBUHAN BANK DAGANGAN**

**34. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Bank Simpanan Nasional tidak menubuhkan bank dagang (merchant bank) secara usahasama dengan bank asing.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tujuan utama Bank Simpanan Nasional ditubuhkan ialah untuk menggerak dan menggalakkan sumber tabangan terutama daripada golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Berbagai-bagai kemudahan telah disediakan oleh Bank Simpanan Nasional untuk menggalakkan orang ramai supaya lebih cenderung menyimpan wang dengan Bank tersebut. Bank Simpanan Nasional sentiasa mengkaji peranannya bagi memperbaiki lagi prestasinya dalam menggalakkan orang ramai menyimpan wang. Bank Simpanan Nasional tidak bercadang menubuhkan bank dagang kerana ini adalah di luar matlamatnya.

#### **KERJA KONTRAKTOR TEMPATAN**

**35. Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada 30% dari kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor asing akan benar-benar dibahagikan kepada kontraktor tempatan; jika syarat ini tidak dipatuhi, nyatakan tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang berkenaan.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Adalah dimaklumkan bahawa tiap-tiap kontrak yang ditandatangani

dengan kontraktor asing mempunyai syarat supaya sekurang-kurangnya 30% daripada nilai kerja-kerja kontrak itu dikhaskan untuk kontraktor tempatan. Sehingga ini Kerajaan mendapati bahawa syarat tersebut telah dipatuhi. Jika didapati kontraktor asing berkenaan tidak mematuhi syarat itu, maka terdapatlah satu pelanggaran syarat kontrak dan Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor berkenaan.

#### **PENDAFTARAN MURID DI SEKOLAH**

**36. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah kanak-kanak yang berumur lebih tujuh tahun tetapi belum didaftarkan di sekolah.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Jumlah penduduk yang berumur lebih 6 tahun dan layak memulakan persekolahan di darjah satu bagi tahun 1985 di Malaysia, dianggarkan berjumlah 442,971 orang.

Bilangan murid yang berada di darjah satu seperti pada 31hb Januari 1985 ialah 433,699 orang. Bilangan murid yang tidak mendaftar adalah seramai 9,302 orang.

#### **EKONOMI NEGARA**

**37. Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada keadaan ekonomi negara akan dapat dipulih semula atau keadaan akan merosot lebih teruk lagi.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Malaysia adalah sebuah ekonomi yang terbuka, di mana permintaan luar negeri bagi eksport Malaysia menyumbang kira-kira 60% dari keluaran Negara Kasar pada tahun 1984. Oleh itu, prestasi ekonomi negara amatlah

bergantung kepada prestasi ekonomi negara-negara maju yang merupakan rakan-rakan perdagangan utama Malaysia. Ramalan-ramalan terakhir menunjukkan ekonomi negara-negara maju, terutamanya Amerika Syarikat, akan berkembang dengan lebih perlahan pada tahun 1985. Berdasarkan kepada ramalan-ramalan ini, permintaan luar bagi eksport Malaysia dijangka akan berkembang dengan lebih perlahan. Justeru itu, pertumbuhan ekonomi dijangka akan menjadi lebih perlahan sedikit, iaitu kira-kira 6% dalam tahun 1985 berbanding dengan 7.3% pada tahun 1984.

#### **TANAMAN POKOK KURMA (DATE)**

**38. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Pertanian menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan kita tidak menjalankan penyelidikan ke atas penanaman pokok kurma (date) di Malaysia dan nyatakan juga jumlah kurma yang diimport dalam tahun 1983 dan 1984.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Kerajaan tidak menjalankan penyelidikan ke atas penanaman pokok kurma di Malaysia disebabkan oleh tanaman ini tidak begitu sesuai dengan iklim tropika negara ini dan ianya tidak ekonomik. Banyak lagi buah-buahan tempatan yang boleh dimajukan dan memerlukan penyelidikan bagi meningkatkan mutu pengeluaran supaya ianya dapat dieksport ke luar negeri selain dari memenuhi pasaran tempatan.

Nilai import kurma ke Malaysia adalah sebanyak \$7.0 juta setahun.

#### **KOMPLEKS PETI SEJUK BAGI PETANI-PETANI**

**39. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Pertanian

menyatakan perihal semua yang berlaku sejak Kerajaan meluluskan peruntukan untuk membina kompleks peti sejuk untuk petani-petani menyimpan sayur-sayuran mereka dan nyatakan juga kemajuan yang telah dicapai setakat ini.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Sebanyak 24 buah kompleks bilik sejuk telah dibina di bawah peruntukan separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Pembinaan kompleks bilik sejuk ini ialah sebagai infrastruktur pemasaran bagi kemudahan pengendalian dan penyimpanan hasil-hasil pertanian, terutamanya hasil-hasil pertanian yang mudah rosak. Melalui kemudahan ini membolehkan FAMA mengatur aliran bekalan hasil-hasil pertanian ke pasaran, di samping memperbaiki kualiti sama ada melalui penggredan, pembungkusan, pengangkutan dan penyimpanan.

Kompleks bilik sejuk ini telah digunakan sebagai tempat simpanan sejuk, dan sebagai pusat belian dan jualan sayur-sayuran dan buah-buahan. Kegiatan-kegiatan pengendalian seperti grading, trimming, pembersihan, "treatment", pembungkusan dan pengedaran juga dilakukan di samping kompleks ini berfungsi sebagai pusat penyebaran maklumat harga pasaran kepada petani-petani di kawasan berkenaan.

Belian sayur-sayuran dan buah-buahan yang dijalankan oleh 10 buah kompleks bilik sejuk dalam tahun 1981 ialah bernilai \$478,906 meningkat ke \$1,193,687 bagi 15 buah kompleks bilik sejuk dalam tahun 1984. Kompleks bilik sejuk di Tangkak dan di Kuala Selangor merupakan kompleks-kompleks yang aktif menjalankan belian di mana ianya terletak di kawasan pengeluaran utama sayur-sayuran.

Selain dari aktiviti di atas, kompleks bilik sejuk yang terletak

di kawasan bandar besar disewakan kepada pihak swasta, seperti di Kompleks Bilik Sejuk Bukit Mer-tajam, Ipoh, Johor Bahru, Batu Pahat dan lain-lainnya.

Bagi meningkatkan kegiatan aktiviti penggunaan kompleks bilik sejuk, FAMA juga akan menubuhkan Pasar Tani di kompleks bilik sejuk bagi kepentingan petani memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna bagi meningkatkan pendapatan petani-petani. Langkah penubuhan Pasar Tani telah dijalankan di Kompleks Bilik Sejuk Johor Bahru dan di Cameron Highlands. Penubuhan Pasar Tani di lain-lain kompleks bilik sejuk akan diwujudkan dari semasa ke semasa.

#### PERATUS PENGANGGURAN

**40. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Buruh menyatakan peratus pengangguran di Negara ini tiap-tiap tahun bagi 10 tahun yang lepas dan nyatakan tindakan apakah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan masalah ini.

**Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam):** Peratus pengangguran di Negara ini tiap-tiap tahun bagi 10 tahun yang lepas adalah seperti berikut:

1975 .. ..	6.4%
1976 .. ..	6.1%
1977 .. ..	6.1%
1978 .. ..	6.1%
1979 .. ..	5.6%
1980 .. ..	5.7%
1981 .. ..	5.1%
1982 .. ..	5.1%
1983 .. ..	6.0%
1984 .. ..	6.2%

Kementerian saya melalui Jabatan Tenaga Rakyat telah mengambil

langkah-langkah untuk menggalakkan mereka yang menganggur untuk mendaftarkan diri di Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat supaya mereka dapat ditempatkan di pekerjaan-pekerjaan yang bersesuaian dengan pengalaman dan kelayakan mereka masing-masing. Saya suka mengambil kesempatan untuk menggesa pekerja-pekerja kita supaya tidak bersikap terlalu memilih kerja memandangkan terdapat sektor ekonomi yang tertentu khususnya ladang-ladang dan perusahaan pembinaan yang memerlukan pekerja-pekerja.

#### SELAT MELAKA- LALUAN KAPAL ASING

**41. Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan sedar kapal-kapal asing yang melalui perairan Selat Melaka tidak membayar cukai, jika sedar nyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengenakan cukai atau levi terhadap kapal asing yang menggunakan perairan Selat Melaka.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Kerajaan memang sedar bahawa kapal-kapal asing yang melalui perairan Selat Melaka tidak dikenakan membayar sebarang cukai atau levi. Kerjaan sedang menimbang sama ada cukai atau levi boleh dikenakan atau tidak ke atas kapal-kapal asing yang melalui Selat Melaka dengan mengambilkira Undang-undang Laut Antarabangsa yang sedia ada.

#### PROTON SAGA — PENGUNAAN RASMI

**42. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menggalakkan Menteri-menteri dan Duta-duta kita menggunakan Proton Saga dan sama

ada beliau akan mewajibkan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang memohon pinjaman untuk membeli kereta supaya membeli kereta Proton Saga.

**Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Pertanyaan ini telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersama pertanyaan Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman Ahmad pada 16 Mac yang lalu. Saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan tersebut.

#### **GAS PETRONAS-KEGUNAAN**

**43. Dato' G. Rasamanickam** minta Perdana Menteri menyatakan bila masanya PETRONAS Gas dapat menyalurkan gas itu ke bandar-bandar besar di negara ini bagi kegunaan penduduk tempatan.

**Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** PETRONAS telah melaksanakan Projek Penggunaan Gas Semenanjung Fasa Pertama mulai bulan Oktbber 1984. Dalam Fasa ini PETRONAS telah membekalkan gas asli ke stesyen janakuasa LLN di Paka, Kilang Besi Keluli Pewaja HICOM di Kemaman dan projek utama untuk membekalkan gas ke Kerteh dan kawasan-kawasan perumahan yang berhampiran.

Mengikut perancangan, Fasa Kedua Projek Pembangunan Gas Semenanjung untuk membekai gas ke Singapura dan stesyen-stesyen janakuasa dan industri di pantai barat Semenanjung Malaysia dijangka akan siap dalam tahun 1989. Pada masa ini projek tersebut sedang dikaji semula bagi mendapat kelulusan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Fasa yang seterusnya bagi projek tersebut pada masa ini sedang di dalam perancangan dan apabila ianya

dilaksanakan, gas akan dapat dibekalkan ke bandar-bandar dan kawasan-kawasan perumahan lain di Semenanjung Malaysia.

#### **BAS EKSPRES BUMIPUTERA YANG DIGADAI**

**44. Datuk Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah permit-permit bas ekspres kepunyaan Bumiputera yang telah digadai/pajak kepada bukan Bumiputera; dan
- (b) apakah tindakan yang telah dan akan diambil kepada pemilik-pemilik asal permit tersebut.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:**

- (a) Tidaklah dinafikan bahawa mungkin terdapat aktiviti menggadai atau memajakkan permit-permit bas ekspres kepunyaan Bumiputera kepada bukan Bumiputera berlaku pada masa ini. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk Kementerian saya, khususnya Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan untuk mengesan aktiviti ini tanpa terdapatnya aduan-aduan yang dapat dibuktikan kebenarannya. Oleh yang demikian, sehingga ini tidak ada Perangkaan mengenai permit-permit bas ekspres kepunyaan Bumiputera yang telah digadai/pajak kepada bukan Bumiputera.
- (b) Tindakan pemegang-pemegang permit yang menggadaikan/memajak permit-permit mereka kepada pihak lain adalah dianggap sebagai melanggar syarat-syarat di dalam permit tersebut. Oleh itu, sekiranya Kementerian saya mendapati bahawa aktiviti tersebut telah

benar-benar dilakukan berdasarkan bukti-bukti yang sah, maka tindakan untuk menggantungkan ataupun membatalkan terus permit berkenaan akan diambil, Setakat ini, belum ada lagi permit-permit bas ekspres yang telah digantung atau dibatalkan atas sebab kesalahan menggadai atau memajakkan permit.

#### **IJAZAH UNIVERSITI— PENGIKTIRAFAN**

**45. Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kriteria yang digunakan bagi mengiktirafkan ijazah-ijazah yang diperolehi daripada beberapa universiti di luar negeri, sama ada ianya berpandukan kepada pengiktirafan yang dtberi oleh seluruh dunia ataupun mengikut daya minta pengeluaran dunia ataupun mengikut daya mutu pengeluaran universiti-universiti tersebut; dan sama ada beliau sedar bahawa dengan pembelanjaan tingginya bagi penuntut kita di universiti-universiti tempatan, Kerajaan kita haruslah mengiktirafkan lebih banyak lagi universiti di luar negeri dan tidak wajar lagi menghadkan pengiktirafan kepada universiti-universiti di Australia, U.K., Amerika Syarikat dan Timur Tengah sahaja.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Pengiktirafan ijazah-ijazah universiti dan institusi luar negeri dibuat setelah Kerajaan menilai dan berpuashati dengan taraf pengajiannya. Kajian yang teliti dibuat ke atas perkara-perkara seperti kelayakan masuk, jangka masa sesuatu kursus, kandungan kursus, sistem peperiksaan, kemudahan-kemudahan pembelajaran, kelayakan kakitangan akademik dan status sesuatu institusi itu. Pengiktirafan tidak semata-mata berdasarkan pengiktirafan yang diberi oleh negara-negara lain.

Suka juga saya menyatakan iaitu penilaian dan pengiktirafan ijazah-ijazah yang dibuat oleh Kerajaan itu adalah semata-mata bagi maksud perkhidmatan dalam sektor awam. Dengan demikian kesesuaian dan keperluan dalam sektor awam adalah di antara ciri-ciri penting yang diambil kira.

Saya juga ingin menjelaskan di sini iaitu pengiktirafan ijazah-ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi luar negeri tidak pernah dihadkan kepada negara-negara Australia United Kingdom, Amerika Syarikat dan Timur Tengah sahaja sebagaimana yang dibangkitkan itu.

#### **USUL**

#### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam." (17hb april, 1985).

### 3.32 *ptg.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor);** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran yang membina terhadap perkara-perkara di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan mengenai Titah Duli yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya hanya menyentuh beberapa perkara yang perlu dijelaskan semantara teguran-teguran dan cadangan-cadangan lain yang dibangkitkan akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai penerapan nilai-nilai Islam telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Shahrom Maasom telah membangkitkan mengenai peranan media massa dalam memberi penjelasan terhadap beberapa isu yang bersangkutan dengan penerapan nilai-nilai Islam yang mungkin disalah tafsirkan oleh orang ramai.

Sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil perhatian supaya media massa di negara ini dapat memberi penjelasan terhadap usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran negara agar tidak timbul salah faham di kalangan rakyat. Kerajaan juga akan memastikan supaya usaha-usaha tersebut tidak disalahgunakan oleh golongan-golongan tertentu untuk kepentingan politik mereka.

Yang Berhormat Senator Shahrom juga telah menyentuh mengenai kegiatan dakwah dan beliau menyarankan supaya kegiatan dakwah

dijalankan secara lebih berkesan dengan penyertaan menyeluruh tenaga alim ulamak bagi mengatasi masalah perpecahan umat di negara ini.

Di samping itu beliau juga menyarankan supaya Kerajaan tidak bergantung kepada tenaga dakwah di luar negeri dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti dakwah di negara ini. Mengenai hal ini Kerajaan dari masa ke semasa berusaha untuk mengembelikan seluruh tenaga alim ulamak bagi mengatasi masalah perpecahan umat. Di antara usaha ke arah pengembelikan alim ulamak ini ialah:

- (i) rancangan mengadakan kelas pengajian di seluruh masjid dan surau yang dibiayai oleh Kerajaan dengan melibatkan tenaga kepakaran dari kalangan guru-guru agama dan alim ulamak tempatan;
- (ii) rancangan dan kegiatan dakwah melalui aktiviti-aktiviti secara berterusan khususnya melalui Instituti Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) ke arah membentuk anggota masyarakat dan kumpulan ummah yang sedar akan tanggungjawab menyuruh membuat kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah sebenarnya pihak Kerajaan tidaklah bergantung kepada tenaga pendakwah dari luar negeri sahaja. kalau pun ada masanya satu atau dua kali kita menjemput tokoh-tokoh pendakwah dari Indonesia, tetapi tokoh-tokoh ini telah dikenalpasti dan telah dijelaskan kepada mereka tentang sensitiviti masyarakat Islam di negara ini. Kerajaan juga yakin bahawa tenaga pendakwah dan alim ulamak negara ini mempunyai keupayaan untuk menjalankan tugas dakwah seperti yang dituntut oleh syariah Islam sendiri.

Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Lajim telah mencadangkan supaya penerapan nilai-nilai Islam hendaklah menyeluruh dalam masyarakat bagi mengelakkan golongan-golongan tertentu yang menggunakan isu agama bagi kepentingan politik. Sukalah dijelaskan di sini bahawa dalam usaha Kerajaan untuk menerapakan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, kerajaan sentiasa mengawasi supaya usaha-usaha tersebut berjalan dengan menyeluruh dalam sistem pentadbiran dan kehidupan masyarakat bukan sahaja tertumpu kepada masyarakat Melayu tetapi kepada masyarakat dan rakyat keseluruhannya. Dengan cara demikian, adalah diharapkan usaha ini dapat mengelakkan daripada berlakunya perpecahan di kalangan masyarakat.

Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' G. Pasamanickam. Sikap beliau adalah sangat terpuji kerana kesedarannya bahawa penerapan nilai-nilai Islam tidak akan menjejaskan kepercayaan mana-mana golongan kerana nilai-nilai yang diserapkan adalah merupakan nilai-nilai universal yang diterima oleh semua agama. Di samping itu juga saya memaklumkan bahawa satu Jawatan-khas telah ditubuhkan bagi mengkaji dan mengesyorkan kepada Kerajaan mengenai beberapa cadangan yang berkaitan dengan kegiatan perjudian di negara ini. Kerajaan juga telah mengeluarkan arahan melarang hidangan minuman keras di majlis-majlis rasmi, mesyuarat-mesyuarat Kerajaan sama ada di dalam atau di luar negeri. Kerajaan juga telah menubuhkan Lembaga Bersama Penyelarasan Kegiatan Islam Malaysia yang bertujuan untuk menyelaraskan dan memesatkan program dan aktiviti-aktiviti penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan secara yang lebih positif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah telah membangkitkan supaya penerangan yang jelas merigenai penerapan nilai-nilai Islam hendaklah diberi bagi mengelakkan salah faham mengenai dasar tersebut di kalangan rakyat bukan Islam.

Mengenai perkara ini seperti yang telah dijelaskan berkali-kali oleh Kerajaan bahawa penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan adalah bermaksud untuk menanamkan nilai-nilai murni dan membina yang berteraskan kepada keyakinan dan keimanan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan telah berlaku beberapa salah faham mengenai isu tersebut beberapa program penerangan sedang giat diatur oleh Kerajaan bagi menjelaskan maksud dasar tersebut. Lawatan ke negeri-negeri, perjumpaan dengan pihak pegawai-pegawai kanan di negeri-negeri telah diatur dan dijalankan dan setakat ini telah tiga negeri dilawati iaitu Trengganu, Pahang dan Negeri Sembilan. Di samping itu sukalah saya menggesa semua pihak supaya berhati-hati dalam menerangkan rancangan penerapan nilai-nilai Islam ini kepada masyarakat umum, kerana sekiranya penerangan yang diberikan itu tanpa memahami maksud dari rancangan ini maka besar kemungkinan ia boleh menjadi punca kepada wujudnya unsur-unsur ekstrim dalam masyarakat.

Penerangan nilai-nilai Islam adalah selaras dengan kehendak dan maksud Kempen Daya Pengeluaran Negara, Kepimpinan Melalui Teladan, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja dan Dasar Pandang Ke Timur. Penegasan ini perlu dibuat kerana nilai-nilai Islam mempunyai peranan yang penting bagi membina kekuatan negara dalam semua bidang seperti ekonomi, pentadbiran, kepimpinan

dan sebagainya. Nilai-nilai murni ini adalah unsur yang terpenting bagi mengukuhkan dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Senator berkenaan juga telah menyentuh tentang masalah perpecahan umat khususnya mengenai isu agama. Sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang serius dalam mengatasi masalah tersebut. Di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah usaha memperkembangkan undang-undang seperti yang dilakukan menerusi Kanun Acara Jenayah di mana mereka yang berkenaan boleh dihukum jika disabitkan atas kesalahan yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan masyarakat dan mengancam keselamatan negara.

Selain dari itu Kerajaan juga telah mengeluarkan penjelasan kepada masyarakat umum mengenai berbagai gerakan yang boleh membawa kepada perpecahan umat. Sebagai contohnya ialah Kerajaan telah mengeluarkan Kertas Putih bertajuk "Ancaman kepada Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara". Kertas Putih ini adalah sebahagian dari usaha Kerajaan ke arah menyedarkan masyarakat supaya tidak terjerumus ke dalam perangkap yang diatur oleh beberapa golongan yang boleh membawa kepada perpecahan umat Islam. Usaha-usaha mempertingkatkan kegiatan dakwaan akan terus dipergiatkan untuk mengelakkan masyarakat Islam terpengaruh dengan ajaran salah dan sesat. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam juga sentiasa meneliti masalah ini dan akan mengeluarkan fatwa-fatwa dari semasa ke semasa sebagai panduan kepada umat Islam. Sungguhpun demikian, selain daripada usaha-usaha Kerajaan, yang lebih penting dalam menjayakan usaha-usaha ini adalah kesedaran dan kerjasama dari setiap individu muslim yang insaf dan menghayati

kesucian agamanya khususnya dalam membantu Kerajaan bagi mengatasi masalah perpecahan umat.

Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan telah membangkitkan sama ada Kerajaan mencontohi mana-mana negara dalam menerapkan nilai-nilai Islam misalnya Iran dan Pakistan. Mengenai perkara ini sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan tidak pernah mencontohi mana-mana negara seperti Iran dan Pakistan dalam usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam. Usaha yang dibuat adalah berdasarkan tuntutan Quran dan Hadis serta pandangan cerdik-pandai Islam tempatan yang telah membuktikan keupayaan mereka untuk mengekalkan stability dalam negara ini. Pelaksanaan program-program penerapan nilai Islam adalah dibuat secara berperingkat-peringkat dan penuh dengan harmoni.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh mengenai Perkhidmatan Awam, Yang Berhormat Senator Hasanah binti Haji Mohd. Kassim telah mencadangkan supaya dasar pengambilan kakitangan Kerajaan ditimbang semula bagi melicinkan tugas-tugas sesuatu agensi atau Jabatan Kerajaan. Mengenai perkara ini, perlu dijelaskan bahawa dasar pengambilan kakitangan Kerajaan yang diamalkan sekarang tidaklah perlu dikaji semula oleh kerana perwakilan kuasa mengenai pengambilan kakitangan Kerajaan telahpun diagihkan kepada Ketua-ketua Jabatan dengan sewajarnya mengikut kategori-kategori tertentu. Oleh itu, tidaklah timbul masalah tidak licinnya tugas-tugas jabatan/agensi disebabkan oleh dasar pengambilan yang ada sekarang.

Berkenaan dengan pengambilan kakitangan yang mencukupi, sukalah dijelaskan bahawa Kerajaan hanya membenarkan pengisian jawatan-jawatan yang tertentu sahaja sebagai langkah berjimat cermat.



Yang Berhormat Senator Abu Bakar bin Lajim telah menyentuh mengenai tindakan kes tatatertib yang diamalkan sekarang dan beliau mencadangkan supaya perwakilan kuasa tatatertib diberi kepada Ketua-ketua Jabatan. Mengenai perkara ini, adalah tidak benar bahawa semua kes-kes tatatertib terpaksa dirujukkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang boleh menimbulkan kelewatan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Sebenarnya tindakan tata-tertib boleh diambil oleh sesebuah Lembaga Tatatertib yang ditubuhkan di peringkat Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual pertama Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972.

Mengikut peraturan tersebut Lembaga-lembaga Tatatertib telah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan kecuali bagi pegawai-pegawai PTD dan Pegawai-pegawai Tingkatan-tertinggi "G" ke atas, di mana Urusetia Lembaga Tatatertibnya terletak di jabatan Perkhidmatan Awam. Lembaga-lembaga Tatatertib jabatan, lazimnya dipengerusikan oleh Ketua jabatan berkenaan dan berkuasa mengambil segala tindakan tatatertib melainkan bagi kes-kes yang melibatkan seseorang itu dibuang kerja atau diturunkan pangkat. Bagi kes yang membawa kepada hukuman buang kerja atau turun pangkat, maka kes-kes tersebut akan dirujukkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Berdasarkan dari peraturan-peraturan yang dinyatakan di atas, pihak Kerajaan berpendapat bahawa sistem yang ada sekarang dapat berjalan dengan sempurna dalam mengawal tatakelakuan kakitangan dan tindakan tatatertib kepada mereka yang telah melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal perpaduan kaum telah banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai perkara ini suka saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengingatkan kepada semua pihak bahawa kemajuan negara ini sangat bergantung kepada perpaduan rakyatnya. Setiap rakyat perlu memainkan peranan masing-masing ke arah memupuk dan mempertingkatkan semangat perpaduan. Bagi para pemimpin, mereka harus mengelakkan daripada membuat kenyataan-kenyataan atau dakwaan yang boleh mencetuskan sentimen perkauman dan seterusnya menjejaskan perpaduan rakyat.

Kerajaan juga sentiasa berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa nilai-nilai murni dalam ajaran agama akan memberi sumbangan yang positif ke arah perpaduan, seperti sikap toleransi dan hormat menghormati terhadap semua manusia tanpa mengira keturunan. Mengenai kempen politik berasaskan isu perkauman seperti yang sedang berlaku di Sabah sekarang, Kerajaan telahpun memberi ingatan kepada rakyat dan para pemimpin politik tentang akibat yang akan menimpa negara sekiranya perbuatan seperti itu terus diamalkan. Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan dalam kempen politik di Sabah dan segala usaha akan diambil bagi mengatasi sekiranya berlaku sesuatu perkara yang boleh menjejaskan perpaduan dan keselamatan negara.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran telah membangkitkan bahawa pada pandangannya beberapa dasar Kerajaan tidak membantu dalam mengatasi masalah polarisasi kaum di negara ini. Sebagai contohnya beliau menyatakan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dalam hal ini suka saya nyatakan bahawa dasar-dasar Kerajaan adalah digubal dengan

penuh teliti. Segala pertimbangan dibuat semasak-masaknya dari segi objektif dan strategi dasar-dasar itu. Dasar Ekonomi baru dilaksanakan untuk mengatasi masalah ketidakadilan sosial dan polarisasi kaum di negara ini yang telah mencetuskan trajedi 13 Mei. Dasar Ekonomi Baru merupakan pendekatan secara komprehensif dan teratur untuk mengatasi masalah polarisasi kaum. Keadilan sosial di mana kekayaan negara dinikmati oleh semua rakyat perlu diwujudkan sebagai asas yang kukuh kepada perpaduan negara. Dalam pelaksanaan dasar-dasar yang dinyatakan di atas, mungkin ada pihak yang merasa tidak puas hati kerana pada tanggapannya dasar itu hanya menguntungkan pihak-pihak tertentu atau golongan-golongan tertentu sahaja tetapi pada hakikatnya, dasar ini dari segi jangka panjang adalah memberi faedah dan keuntungan kepada semua pihak di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan dan penjelasan yang dapat saya berikan atas perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan atas Titah Di Raja yang menyentuh Jabatan Perdana Menteri. Sementara itu teguran-teguran dan cadangan-cadangan lain yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab akan diambil perhatian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Dalam Negeri.

3.50 *ptg.*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan teguran-teguran masing-masing ke

atas isu dan masalah di bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri. Di antara perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah mengenai hal-hal polis, kebebasan akhbar, perjanjian buruh asing, peristiwa di Lubuk Merbau dan berbenaan dengan pasport.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Maasom dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar kerana telah membuat saranan yang baik dan manfaat terhadap akhbar-akhbar dan media massa yang menyelitkan berita-berita lucu, menyebarkan bibit-bibit perkauman dan menyentuh perkara-perkara yang tidak berfaedah kepada masyarakat. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom juga mengesyorkan supaya Kerajaan mengkaji semula perjanjian pengambilan buruh asing antara Malaysia dengan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, permit penerbitan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri kepada pihak penerbit untuk menerbitkan sebarang penerbitan adalah dikenakan syarat-syarat tertentu supaya ia tidak bertentangan dengan keperluan seksyen 7 Akta Mesin Cetak dan Penerbit, 1984. Ini bermaknalah bahawa penerbit tidak boleh menyiarkan atau menerbitkan dalam penerbitannya apa-apa rencana, makalah, lukisan atau sebagainya yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, akhlak, keselamatan negara, perhubungan baik Kerajaan Malaysia dengan negara-negara sahabat, bertentangan dengan undang-undang negara atau memudaratkan kepentingan rakyat dan kepentingan negara. Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana penerbit yang melanggar syarat-syarat tersebut ini. Di antara tindakan yang diambil ialah memberi

amaran lisan dan bertulis kepada penerbit berkenaan, mengeluarkan surat "show cause", dengan izin, dan seterusnya menggantung atau membatalkan permit penerbitan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian pengambilan buruh asing antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia yang ditandatangani pada 12hb Mei, 1984 kini berusia belum setahun, namun demikian segala perkara yang terkandung di dalamnya kini dilaksanakan dengan memuaskan. Oleh yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula perjanjian ini. Dalam pada itu, Kementerian Dalam Negeri menyemak dengan rapi latar belakang setiap buruh asing sebelum ia dibenarkan bekerja di industri pembinaan dan perladangan di Malaysia. Ini perlu dibuat bagi memastikan bahawa buruh asing itu mempunyai pengalaman yang sesuai dengan pekerjaannya di sini dan ia tidak menimbulkan masalah sosial dan keselamatan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang konsep balai polis terbuka, iaitu tidak berpagar di mana mungkin menimbulkan bahaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep balai polis tidak berpagar tidaklah dikenakan kepada semua balai polis, hanya balai-balai polis di bandar dan di tempat-tempat yang difikirkan selamat sahaja yang menggunakan konsep ini. Tujuan konsep ini diperkenalkan ialah untuk menunjukkan bahawa anggota-anggota polis adalah sebahagian daripada masyarakat dan tidak ada tembok antara polis dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar telah menyentuh peristiwa di Lubuk Merbau di mana semasa pilihanraya di

kawasan tersebut terdapat sebuah parti politik yang dianggap melampau sehingga mencetuskan peristiwa berdarah tersebut. Beliau mengesyorkan supaya pihak berkuasa mengawasi pihak-pihak luar yang datang ke sesuatu tempat pilihanraya kerana biasanya orang-orang luar yang menimbulkan ketegangan. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa negara Malaysia adalah mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan selaras dengan ini semua rakyat diberi peluang untuk bersuara dan melibatkan diri di dalam mana-mana parti politik yang sah. Justeru itu, pihak Kerajaan tidak boleh menyekat mana-mana rakyat atau individu untuk melibatkan diri dalam kempen-kempen pilihanraya di mana sahaja di negara ini bagi membantu atau menyokong parti-parti ataupun calon-calon mereka. Kerajaan memang sedar bahawa ancaman keselamatan bukan sahaja ditimbulkan oleh kumpulan-kumpulan ataupun pertubuhan-pertubuhan yang memperalatkan agama, tetapi juga boleh berbangkit dari kegiatan-kegiatan kumpulan ataupun pertubuhan yang memperalatkan sentimen perkauman dan chauvinisma. Untuk tujuan ini, Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk menyiasat, mengawasi dan seterusnya membentasi kegiatan-kegiatan tersebut selaras dengan peruntukan dan undang-undang yang ada demi menjamin keharmonian kaum dan keselamatan negara terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Nasir Manap telah membangkitkan masalah parti politik yang menggunakan nama berunsur agama. Beliau mencadangkan supaya Kerajaan menukar nama parti politik yang berunsur agama agar tidak berlaku permusuhan di kalangan penganut agama tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan nama agama dalam mana-mana parti-parti politik tidak

bercanggah dengan Kaedah Pertubuhan 1966, kerana pertubuhan yang sedemikian mempunyai tujuan dan keahlian yang sesuai dengan nama pertubuhan dan tidak timbul apa-apa kekeliruan. Kerajaan tidak bercadang menukar nama-nama parti politik yang berunsur keagamaan asalkan kegiatan pertubuhan itu tidak menjejaskan keselamatan, Perlembagaan Negara dan kedaulatan undang-undang. Dalam perkara ini Kerajaan adalah sentiasa mengawasi perkara-perkara seperti ini dan tindakan sewajarnya akan diambil mengikut undang-undang jika aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan itu bertentangan dengan mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa sekarang dan yang yang boleh menjejaskan ketenteraman awam serta keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Ishak Abdul Rahman pula membangkitkan masalah polis pangkat rendah yang bersara tetapi tidak ada rumah kediaman. Di sini sukacita saya menjelaskan bahawa Kerajaan sememangnya bersimpati dengan kerumitan anggota-anggota polis pangkat rendah untuk membeli rumah kerana kadar pinjaman perumahan yang agak rendah. Kelulusan telahpun dibuat melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan 5/85 bertarikh 12hb Februari, 1985 menaikkan kelayakan pinjaman perumahan untuk anggota polis pangkat rendah yang dahulunya berkelayakan antara \$10,000 hingga \$30,000 kepada kadar baru, iaitu antara \$30,000 hingga \$47,000 bergantung kepada gaji bulanan mereka. Adalah diharapkan dengan kenaikan kadar kelayakan pinjaman perumahan ini anggota-anggota polis pangkat rendah boleh membeli rumah sendiri yang agak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri menyambut baik syor

yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah mengenai penghapusan pasport ke Sarawak. Dalam pada itu, Akta Imigresen 1959 dan 1963 memberi peruntukan khas bagi Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah untuk mengenakan syarat-syarat kemasukan rakyat Malaysia dari Semenanjung ke negeri-negeri berkenaan. Mengikut amalan sekarang, rakyat Malaysia dari Semenanjung dikehendaki menggunakan Pasport Malaysia atau Pasport Terhad Malaysia atau Sijil Kecemasan untuk melawat Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan syor-syor dan pendapat-pendapat kepada isu-isu dan masalah-masalah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Bagi mana-mana pendapat dan cadangan yang tidak sempat saya jelaskan, saya sukalah menyatakan bahawa pendapat-pendapat dan syor-syor tersebut akan dikaji dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab perbincangan atau Titah Ucapan Di raja bagi pihak Menteri pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan membangkitkan perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, khususnya soal-soal pembangunan, kemudahan-kemudahan asas prasarana di kawasan luar bandar serta juga soal-soal pembangunan secara amnya.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi

hasrat Kerajaan dan Kementerian ini untuk menyediakan segala jenis infrastruktur yang diperlukan oleh setiap rakyat, terutamanya rakyat-rakyat di luar bandar. Walau bagaimana pun, hasrat tersebut akan dilaksanakan di dalam batasan-batasan kemampuan tenaga dan kewangan, sementara Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar berusaha mencetuskan pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar dengan mewujudkan beberapa program seperti penyusunan semula kampung-kampung, program industri kampung dan karyaneka, penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung, bekalan air paip dan elektrik, soal-soal pembangunan, sikap masyarakat kita juga adalah soalan pokok.

Pembangunan sebenarnya tidak akan tercapai sekiranya segala rancangan pembangunan Kerajaan tidak mendapat sambutan daripada setiap rakyat rakyat perlulah mempunyai sikap yang positif, yang sesuai dengan kehendak pembangunan dan berusaha untuk meninggikan taraf hidup mereka dengan menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat sahaja yang menyentuh tentang soal-soal yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Saya ingin bagi pihak Menteri mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan khususnya Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Ghani bin Haji Othman dan Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun.

Berhubung dengan saranan yang Berhormat Tuan Haji Shaharom supaya Kementerian Pembangunan

Negara dan Luar Bandar mempergiatkan lagi penyediaan kemudahan asas di luar bandar seperti jalan, bekalan air dan bekalan elektrik, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas tersebut ke semua kawasan-kawasan di luar bandar di seluruh negara. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kemudahan-kemudahan asas ini haruslah dilakukan dengan cara yang teratur, terancang dan berperingkat-peringkat.

Suka juga ditegaskan di sini bahawa walaupun kedudukan kewangan negara berada di dalam keadaan yang tidak begitu menggalakkan, sebanyak \$29.4 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat kepada negeri-negeri untuk melaksanakan program bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar dan pembinaan jalan kampung dan luar bandar.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedar betapa pentingnya kemudahan-kemudahan asas ini dibekalkan demi pembangunan ekonomi luar bandar dan juga bagi meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar. Kementerian ini akan terus memberikan perhatian agar semua negeri-negeri di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak akan mendapat peruntukan yang sewajarnya di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pandangan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Ghani bin Haji Othman mengenai masalah kemiskinan di mana beliau membayangkan keraguannya terhadap strategi pembangunan kampung dan luar bandar, sukalah saya meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa hala cara baru ini adalah pendekatan yang difikirkan paling berkesan di dalam usaha untuk meningkatkan daya

pengeluaran di sektor pertanian. Kaedah dan pendekatan yang baru ini sekali gus akan meningkatkan lagi pengeluaran ladang, pendapatan petani-petani dan penduduk-penduduk di luar bandar di samping ianya juga akan meninggikan taraf kesejahteraan dan kesejahteraan hidup serta memodenkan lagi sektor luar bandar dengan menyediakan prasarana tanpa melibatkan pembukaan tanah baru dan perbelanjaan yang besar. Hala cara baru ini melibatkan penggabungan kebun dan sawah-sawah kecil supaya dapat menjadi estet dengan kelulusan atau saiz yang munasabah untuk diuruskan dengan baik dan penggunaan cara perladangan moden bagi meningkatkan taraf kecukupan. Ianya juga melibatkan penempatan semula kampung-kampung kecil supaya menjadi satu pusat pertumbuhan.

Di samping itu beberapa kegiatan industri kecil yang sesuai akan dikenalpasti supaya dapat disertai oleh penduduk kawasan tersebut. Saya yakin dan percaya dengan adanya hala cara baru ini dari segi pembangunan maka kawasan-kawasan luar bandar akan dapat dibangunkan dengan lebih pesat lagi.

Setakat ini kita telah mengenalpasti sebanyak 27 buah kawasan-kawasan untuk dibangunkan dan kawasan-kawasan ini telah dipilih oleh Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun supaya projek industri kampung ditubuhkan di tiap-tiap negeri malahan di tiap-tiap daerah, sukalah saya menjelaskan bahawa untuk melaksanakan sesuatu projek perlulah difikirkan beberapa pertimbangan yang sewajarnya seperti terdapatnya bahan-bahan semula jadi seperti buluh, rotan, tanah liat dan lain-lain lagi. Terdapat

juga pengusaha-pengusaha yang mempunyai kemahiran semula jadi, kemahuan dan sambutan daripada pengusaha-pengusaha tempatan.

Di samping itu, perlu juga difikirkan dari segi keadaan bekalan, permintaan dan pemasaran hasil keluaran. Di tempat-tempat yang dapat memenuhi segala keperluan di atas dan tidak pula menghadapi apa-apa halangan, Bahagian Industri Kampung Kementerian ini telah pun mengenalpasti projek-projek yang sesuai untuk dibangunkan. Malahan boleh dikatakan projek industri kampung telah dijalankan di tiap-tiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada saranan-saranan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam Dewan yang mulia ini yang tidak sempat saya jawab ianya akan tetap diberi perhatian yang khusus oleh Kementerian ini dan insya-Allah perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan diambil kira dan sekiranya dapat dilaksanakan ianya akan cuba dilaksanakan oleh Kementerian ini dengan seberapa cepat yang mungkin.

Tuan yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab perbahasan atas Titah Ucapan bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa teguran, pandangan dan cadangan-cadangan mengenai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah membangkitkan mengenai penyingkiran peneroka FELDA dan juga yang telah lari meninggalkan rancangan. Adakah di sini disebabkan sistem yang ada sekarang adalah kurang sempurna. Yang Berhormat juga telah menyarankan agar masalah ini hendaklah diatasi segera supaya ianya tidak akan berterusan.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa sistem pengambilan peneroka yang ada sekarang adalah baik dan setakat ini ianya berjalan dengan licin dan sempurna. Walau bagaimanapun, Kementerian ini khasnya FELDA sememangnya sentiasa mengkaji sebarang kelemahan yang terdapat terutamanya dari segi pelaksanaan.

Mengikut peraturan yang berjalan sekarang calon-calon yang ingin menyertai rancangan FELDA ditemuduga oleh Jawatankuasa Temuduga yang dianggotai oleh Wakil rakyat, Pegawai Daerah dan pegawai FELDA di mana rancangan tersebut didapati. Seterusnya nama-nama mereka yang berjaya akan dikemukakan pula kepada Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk mendapatkan kelulusan muktamad sebelum calon-calon itu ditempatkan. Hanya mereka yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sahaja akan dipelawa masuk ke rancangan.

Berdasarkan kepada sistem pengambilan peneroka tersebut, jelas menunjukkan bahawa mereka yang terpilih adalah terdiri dari yang telah ditapis beberapa kali dengan teliti untuk menentukan bahawa mereka ini betul-betul berniat untuk menyertai sesuatu rancangan. Walau bagaimanapun, masalah berhubung dengan terdapatnya peneroka yang keluar dan disingkirkan dari rancangan adalah seperti berikut:

- (1) Peneroka keluar dan rancangan atas kechendaknya sendiri ataupun secara sukarela.

- (2) Peneroka-peneroka tidak bermastautin di rancangan.

- (3) Disingkirkan oleh Pentadbir FELDA kerana menyalahi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam peraturan penempatan peneroka.

Sehingga bulan Disember 1984 FELDA telah menyingkirkan seramai 3,765 orang atas kesalahan dan sebab-sebab seperti berikut:

Menyewelengkan hasil	17 orang
Zina .. .. .	6 orang
Rogol .. .. .	3 orang
Mencuri .. .. .	7 orang
Dadah .. .. .	2 orang
Kerja tetap di luar rancangan .. .. .	4 orang
Rompak bersenjata ..	5 orang
Menceroboh rumah peneroka .. .. .	2 orang
Memukul kakitangan	2 orang
Meninggalkan rancangan dengan kehendaksendiri .. .. .	3,639 orang
Lain-lain kes .. .. .	78 orang
Jumlah	3,765 orang

Selanjutnya yang Berhormat Senator juga telah menyentuh mengenai peristiwa berdarah yang berlaku di FELDA Lubuk Merbau dan juga risalah-risalah mengenai peristiwa itu yang ditaburkan di beberapa tempat terutamanya di rancangan-rancangan FELDA.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian ini sememangnya mengambil tindakan yang tegas terhadap peneroka-peneroka yang bertentangan dengan syarat-syarat penempatan peneroka dan termasuklah mereka yang menentang Kerajaan. Oleh kerana peristiwa berdarah di FELDA Lubuk Merbau ini merupakan satu peristiwa baru, pihak Kementerian khususnya FELDA sedang membuat kajian semula berhubung dengan dasar-dasar untuk

mbolehkan tindakan tegas dapat diambil terhadap golongan-golongan seperti ini. Walau bagaimanapun, penerangan yang lebih luas kepada para peneroka akan ditingkatkan lagi supaya mereka tidak mudah dipengaruhi dan dihasut oleh anasir-anasir atau golongan-golongan yang tertentu yang anti Kerajaan contohnya seperti risalah-risalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengucapkan ribuan terima kasih kepada sekalian Ahli yang Berhormat yang telah menyentuh hal ehwal Kementerian ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian perusahaan dan Kerajaan Tempatan.

#### *4.11 ptg.*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Tuan yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan cadangan kepada Kementerian saya semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja. Seramai empat orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Tuan Nasir bin Haji Manap, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Puan Hajah Habibah binti Abdul Ghani dan Yang Berhormat Tuan M. Nyanapandithan telah berbahas perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya dan sukalah saya menjelaskan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa program perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah berasaskan kepada kepentingan kaum. Dasar perumahan yang diamalkan sekarang bertujuan untuk menyediakan kemudahan perumahan

yang selesa kepada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan berpendapatan rendah tanpa mengira kaum. Program-program perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah dirangka bagi membantu golongan yang berpendapatan kurang daripada \$750 sebulan untuk menikmati kemudahan perumahan. Program-program ini ditumpukan kepada kawasan-kawasan yang menghadapi masalah perumahan dan terbuka kepada semua rakyat yang layak dipertimbangkan.

Pendekatan ini adalah selaras dengan dasar penyusunan semula masyarakat. Bagi program yang dilaksanakan oleh sektor swasta pula Kerajaan memerlukan pemaju swasta membina antara 30% sehingga 50% unit rumah kos rendah di dalam sesuatu projek perumahan. Di samping menggalakkan pemaju swasta memainkan peranan ke arah memenuhi keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah, dasar ini juga akan membolehkan pencapaian integrasi masyarakat tanpa mengira pendapatan atau kaum.

Adalah jelas bahawa dasar dan program perumahan yang dilaksanakan adalah tidak diasaskan kepada kepentingan sesuatu kaum dan oleh itu terwujudnya Kampung Baru China adalah suatu perkara yang diwarisi dari zaman penjajah iaitu di bawah Rancangan Briggs sebagai satu strategi keselamatan untuk memerangi ancaman komunis pada masa itu. Ianya bukanlah hasil daripada satu dasar perumahan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka memaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaras dengan matlamat dan dasar perpaduan negara juga sedang menyusun rancangan-rancangan ke arah mengintegrasikan masyarakat kampung-kampung baru



ke dalam pembangunan keseluruhan bagi mencerminkan perpaduan rakyat. Di antaranya ialah penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan di mana hampir semua kampung-kampung baru sekarang ini telah dimasukkan dalam kawasan penguasaan tempatan yang telah disusun. Lagi satu strategi ialah dengan menyediakan projek-projek rumah awam kos rendah di kawasan dalam atau berdekatan dengan kampung-kampung baru supaya penduduk-penduduk kampung baru yang layak boleh juga dipertimbangkan untuk mendapatkan rumah awam kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian mengenai rumah murah yang disewakan oleh tuanpunya kepada orang lain. Kementerian ini sedar akan kes-kes seperti ini, yang bilangannya kecil. Perkara ini boleh diambil tindakan oleh Kerajaan negeri iaitu dengan cara menarik balik rumah tersebut seperti mana yang dipersetujui dalam surat perjanjian jual beli antara Kerajaan negeri dan pembeli berkenaan. Sebenarnya pihak berkuasa telah pun mengambil tindakan seperti ini untuk menarik balik rumah dari tuanpunya oleh kerana mereka sewakan kepada orang lain.

Mengenai cadangan supaya satu dasar sewa beli diadakan, perkara ini memang diamalkan bagi rumah-rumah kos rendah di bandar-bandar yang dibiayai oleh MBSB. Tempoh sewaan ialah selama 25 tahun tetapi setelah genap 10 tahun menduduki rumah tersebut, penghuni diberi pilihan untuk membeli rumah tersebut. Begitu juga dengan rumah kos rendah di luar bandar di mana beberapa buah Kerajaan negeri mengamalkan dasar sewa beli dan bukannya jual beli bagi tempoh masa di antara 3 hingga 5 tahun sebelum rumah tersebut dijual. Cara sewa beli ini sememangnya satu strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah tuanpunya rumah tidak

menduduki rumah kos rendah yang dimiliki.

Cadangan supaya Kerajaan menetapkan satu kos standard bagi pembinaan rumah dan jalan bagi sesuatu projek perumahan tidak mudah dipraktikkan. Kos pembinaan rumah dan infrastruktur adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti harga bahan binaan, harga tanah, upahan pekerja binaan, jenis rumah yang dibina dan pengaruh inflasi.

Faktor-faktor ini adalah berbeza dari kawasan ke kawasan dan dari tahun ke setahun. Walau bagaimanapun, ingin saya memaklumkan bahawa bagi rumah-rumah awam kos rendah, harga jualan sememangnya telah ditetapkan pada paras tidak melebihi \$25,000 seunit. Rumah-rumah yang dibina juga adalah berpandukan kepada pelan-pelan seragam yang telah mengambilkira tahap keselamatan, keselamatan dan mutu yang minima kepada bakal penghuni.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya memberi perhatian yang berat terhadap mutu dari cara binaan rumah dan jalan di sesuatu kawasan perumahan. perkara ini adalah dikawal semasa kelulusan sesuatu projek itu diberikan berpandukan kepada Undang-undang Kecil bangunan dan piawaian perancangan yang berkuatkuasa di kawasan-kawasan berkenaan.

Kementerian saya telah mengambil beberapa tindakan untuk menyelaraskan peruntukan-peruntukan Akta Pemaju Perumahan 1966 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Di antaranya ialah penguatkuasaan Peraturan-peraturan (Kawalan dan Pelesenan) Pemaju Perumahan 1982 yang menggariskan beberapa tindakan yang perlu diambil oleh pemaju dalam menjalankan kewajipannya terhadap pembeli-pembeli

rumah. Beberapa peruntukan dalam Peraturan berkenaan juga telah memberi peluang kepada pembeli-pembeli untuk mendapatkan gantirugi daripada pemaju sekiranya rumah tidak dapat diserahkan dalam tempoh 24 bulan dari tarikh surat perjanjian ditandatangani. Gantirugi ini dikira dari hari ke hari dengan kadar 10% setahun daripada harga beli.

Kementerian saya sedar terhadap bebanan yang ditanggung oleh pembeli-pembeli akibat kegagalan projek perumahan. Langkah-langkah telah dan sedang diambil bagi memastikan projek-projek berkaitan disiapkan. Beberapa tindakan tegas berdasarkan peruntukan Akta telah dan akan diambil terhadap pemaju-pemaju yang gagal menjalankan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat cadangan dan juga teguran tentang beberapa perkara di bawah Kementerian saya. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Luar Negeri.

*4.20 ptg.*

**Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk memberi jawapan balas bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengenai beberapa isu serantau dan antarabangsa dan dasar luar negeri Malaysia.

Saya sukacita juga mengambil kesempatan "di sini" untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan

mereka mengenai dasar luar negara Malaysia dan isu-isu serantau dan antarabangsa.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, matlamat penting dasar luar negeri Malaysia ialah negara Malaysia ialah untuk mewujudkan keadaan keamanan dan kestabilan di rantau negara Asia supaya ASEAN dan negara-negara jiran di rantau ini dapat bekerjasama dan berusaha untuk menumpukan usaha mereka kepada pembangunan sosio-ekonomi negara masing-masing.

Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain percaya bahawa matlamat ini dapat dicapai melalui penubuhan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali atau, dengan izin, Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN). Malangnya, usaha untuk mengendalikan keadaan aman, stabil dan kerjasama di antara negara-negara ASEAN dan lain-lain di rantau Tenggara Asia telah terjejas oleh tindakan Vietnam mencerooboh negara Kampuchea pada tahun 1979. Tindakan Vietnam yang bertentangan dengan undang-undang antarabangsa telah membawa kesiksaan kepada rakyat Kampuchea di samping merupakan sebagai satu bahaya kepada negara jiran kita dan ahli-ahli Asean iaitu Thailand dan keadaan keselamatan di rantau ini pada keseluruhannya.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu Kampuchea dan tindakan tentera Vietnam baru-baru ini di sempadan Kampuchea-Thailand yang mengakibatkan kesiksaan kepada rakyat Kampuchea yang tinggal di kemah-kemah di kawasan itu serta tindakan Vietnam mencerooboh wilayah negara Thai.

Seperti Ahli-ahli yang Berhormat sedia maklum Malaysia sebagai jiran kepada Thailand dan seperti negara-negara ASEAN yang lain akan

sentiasa memberikan sokongan solidarity terhadap negara itu dalam menghadapi ancaman daripada Vietnam dan mendukung beban orang-orang pelarian Kampuchea.

Lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke negeri Thai baru-baru ini adalah merupakan sebagai satu tindakan untuk menunjukkan sokongan Malaysia yang kuat kepada negara Thai.

Malaysia juga telah mengeluarkan beberapa kenyataan mengutuk Vietnam di atas tindakannya mencebroh Wilayah Thailand. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum juga Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain dengan sokongan ahli masyarakat antarabangsa pada keseluruhannya sentiasa menggesa Vietnam mengundurkan tenteranya dari Kampuchea yang bekerjasama untuk mencari satu penyelesaian politik mengenai masalah Kampuchea yang bertujuan untuk memberikan kepada rakyat Kampuchea hak mereka untuk memiliki Kerajaan dan masa hadapan mereka sendiri. Malangnya, Vietnam masih bersikap bongkak dan cuba menggunakan kuasa tenteranya untuk mendesak satu penyelesaian yang akan menentukan dominasi Vietnam ke atas Kampuchea.

Dalam keadaan begini Malaysia dan negara-negara Asean yang lain terus berusaha untuk mencari satu penyelesaian politik yang tulin tetapi di samping itu adalah penting bagi kita di Asean dan bagi masyarakat antarabangsa pada amnya untuk meningkatkan sokongan kita kepada Kerajaan Campuran Kampuchea di samping menggunakan tekanan politik dan ekonomi ke atas Vietnam.

Mengenai kebimbangan seorang Ahli Yang Berhormat terhadap kapal-kapal perang nuklear kuasa

besar yang dikatakan mencero bohi masuk ke perairan Malaysia, sukacita saya menjelaskan bahawa isu ini tidak timbul. Namun demikian, seperti yang telah diterangkan dalam jawapan kepada beberapa soalan di persidangan Dewan Rakyat yang lalu bahawa kapal-kapal perang nuklear kuasa besar mengikut undang-undang laut antarabangsa mempunyai hak laluan ikhlas (rights of innocent passage), dengan izin, di perairan mana-mana negara.

Saya sukacita mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang perlu untuk menjaga kepentingan kita di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif.

Mengenai cadangan supaya Malaysia mencontohi dasar Kerajaan New Zealand atas kapal perang nuklear Amerika Syarikat, sukacita saya menjelaskan bahawa ini adalah satu perkara dalam perhubungan dua hala antara Amerika Syarikat dan New Zealand dan Kerajaan Malaysia tidak berniat untuk mengikuti tindakan yang diambil oleh Kerajaan New Zealand itu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang terhormat selanjutnya, saya sukacita menjelaskan sekali lagi bahawa Malaysia dan Ahli-ahli negara ASEAN yang lain sedang membuat kajian mengenai konsep yang bebas daripada senjata-senjata nuklear, nuclear weapons free zone, dengan izin. Ini ialah kerana kita dipercayai bahawa konsep zon yang bebas daripada senjata-senjata nuklear ini adalah satu konsep konsisten dengan konsep ZOPFAN dan yang akan memperkuat lagi konsep ZOPFAN.

Mengenai syor supaya Malaysia menggalakkan jualan minyak kelapa sawit secara terus menerus dan supaya duta-duta kita di luar negeri memainkan peranan memperkenalkan kepada

negara-negara asing dengan menggunakan barang-barang buatan tempatan, saya sukacita menjelaskan bahawa Kementerian Luar Negeri sememangnya menitikberatkan fungsi ekonomi. Di dalam perkara ini pegawai-pegawai diplomat Malaysia yang sedang berkhidmat di luar negeri sentiasa bergiat untuk menggalakkan perdagangan secara terus-menerus (direct trade), dengan izin, dan mencari pasaran barang-barang eksport Malaysia, serta menarik pelaburan asing dan penukaran teknologi ke Malaysia. Mereka digalakkan menggunakan barang-barang buatan Malaysia.

Mengenai cadangan supaya Kementerian Luar Negeri memainkan peranannya yang lebih aktif untuk mengenalkan negara kita di luar negeri, sukacita saya menerangkan bahawa ini adalah satu matlamat penting bagi Kementerian Luar Negeri. Usaha-usaha ini dijalankan oleh kedutaan-kedutaan kita di luar negeri dan juga melalui lawatan-lawatan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kita ke negara-negara asing. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

4.27 *ptg.*

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas pandangan dan syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli yang Berhormat semasa membahaskan Titah ucapan Di Raja yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Abdul Ghani bin Othman telah membangkitkan peranan industri berat dan industri kecil dalam pembangunan negara.

Umuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang sudah menjadi dasar Kerajaan umuk menggalakkan industri berat serta industri-industri kecil. Kerajaan sedar bahawa kedua-dua jenis industri ini memainkan peranan yang penting untuk pembangunan dan perkembangan sektor perindustrian yang seimbang. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menyediakan beberapa jenis galakan untuk industri-industri ini serta untuk industri lain seperti industri berasaskan tani, industri yang mempunyai teknologi tinggi dan lain-lain lagi.

Untuk industri-industri berat, di antara galakan-galakan yang tersedia ada, Galakan Kredit Cukai pelaburan adalah lebih memberi faedah kepada mereka oleh kerana industri tersebut melibatkan sejumlah pelaburan modal yang besar dan jangkamasa yang lama untuk mendapat keuntungan.

Sukacita juga saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang memberikan penekanan dan keutamaan kepada perkembangan-perkembangan industri di negara ini.

Berbagai-bagai rancangan telah pun diatur untuk mencapai matlamat ini yang mana termasuklah usaha-usaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur seperti tapak perusahaan kecil dan skim kilang bimbingan.

Rancangan-rancangan juga telah disusun untuk memberikan kemudahan mendapatkan pinjaman modal, kemudahan pasaran, pengurusan dan juga latihan. Sementara itu usaha-usaha juga telah dibuat untuk menentukan perkembangan di sektor-sektor industri berat dan industri-industri besar akan dapat membantu perkembangan industri-industri kecil melalui penekanan kepada pembangunan industri-industri sampingan dan sokongan.

Yang Berhormat Senator Abdul Ghani bin Othman juga menyentuh tentang perlunya perdagangan dalam negeri dipertingkatkan melalui membeli barangan buatan Malaysia. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sedang pun menjalankan suatu kempen menggalakkan orang ramai membeli barangan buatan negara kita. Adalah menjadi harapan Kerajaan agar kempen tersebut dapat menyedarkan rakyat tempatan tentang industri dan barangan tempatan yang setanding mutunya dengan barangan yang diimport dan mengikis sikap negatif pengguna terhadap barangan buatan negara sendiri. Sesungguhnya, negara kita telah pun mencapai tahap perindustrian yang boleh dibanggakan. Tidak ada sebabnya mengapa kita harus mengharapkan kepada import-import untuk menampung keperluan-keperluan kita. Rakyat tempatan haruslah berubah sikap dan tabii kepenggunaan ke arah membeli barangan buatan negara sendiri. Ini bukan sahaja akan membantu memperluaskan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "manufacturing base", negara tetapi juga dalam jangkamasa panjang akan memperkukuhkan ekonomi negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat sekalian. Dalam konteks ini Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menggalakkan pertumbuhan industri tempatan yang sihat yang mengeluarkan barangan bermutu serta berpatutan harganya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Jaafar bin Harun yang meminta Kerajaan menambahkan lagi penubuhan industri-industri kecil di kawasan luar bandar dengan menggunakan bahan-bahan asli tempatan, ingin saya maklumkan di sini bahawa Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sememangnya ingin memperbanyakkan lagi penubuhan industri-industri kecil di kawasan-kawasan luar bandar.

Ini akan dapat meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar sambil memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini selain dari usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah juga mengadakan beberapa projek kilang bimbingan melalui agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Selain dari agensi-agensi tersebut Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan bekerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menubuhkan tapak-tapak perindustrian kecil. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memainkan peranan sebagai penyelaras kepada projek-projek kilang bimbingan ini yang mana satu kawasan perindustrian kecil ditubuhkan dan usahawan-usahawan kecil diberi bimbingan di dalam industri-industri yang berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini melalui agensi-agensi tersebut di atas ingin mengadakan satu kawasan kilang bimbingan di tiap-tiap negeri di Malaysia. Ini adalah bergantung kepada kesesuaian sesuatu kawasan itu, permintaan daripada usahawan-usahawan atau bakal-bakal usahawan, kedudukan bekalan bahan-bahan mentah, kesediaan Kerajaan Negeri memberi tanah yang murah dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang sudah menjadi dasar Kerajaan sejak tahun enam puluhan dan awal tahun tujuh puluhan untuk menggalakkan penyelarasan industri termasuk industri kecil ke kawasan-kawasan luar bandar. Untuk tujuan ini, sejak tahun enam puluhan, Kerajaan telah memperkenalkan galakan-galakan untuk menyelaraskan industri

ke kawasan-kawasan kurang maju serta ke luar bandar. Di bawah Galakan Taraf Perintis dan Pelepasan Cukai kerana Menggunakan Buruh, Kerajaan telah menyediakan tambahan satu tahun pengecualian cukai kepada projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan pembangunan sementara di bawah Galakan Kredit Cukai Pelaburan, tambahan 5% Kredit Cukai diberi untuk projek-projek di kawasan-kawasan tersebut. Di samping itu, di bawah Galakan Tempat Kedudukan, tambahan 3 tahun pengecualian cukai diberi kepada projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan Galakan Tempat Kedudukan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Ghani bin Othman supaya Kerajaan mengambil pendekatan kerjasama serantau ASEAN sebelum sesuatu projek industri berat dan automotif dilaksanakan saya memaklumkan Kerajaan memang sentiasa berusaha meningkatkan kerjasama serantau ASEAN di bidang perindustrian. Dalam hubungan ini ASEAN telah pun memulakan 3 skim perindustrian iaitu Projek Perindustrian ASEAN, Komplementasi Perindustrian ASEAN dan Usahasama Perindustrian ASEAN.

Di bawah Projek Perindustrian ASEAN sehingga kini sebanyak 5 projek telah diluluskan dan berada di pelbagai peringkat pelaksanaan. Kesemua negara ahli ASEAN termasuk Malaysia mempunyai penyertaan ekuiti di dalam projek-projek tersebut iaitu Projek Urea ASEAN Indonesia, Projek Urea ASEAN Malaysia, Projek "ASEAN Copper Fabrication" Filipina, Projek "Rock Salt-Soda Ash" Negeri Thai dan Projek "ASEAN Vaccine" Singapura, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu Malaysia juga menyertai di dalam skim komplementasi Perindustrian ASEAN, di mana negara-negara ahli ASEAN menjalankan pertukaran perdagangan secara "complementary" barang-barang tertentu yang diproses atau dikilang. Bidang komplementari pertama yang telah diluluskan di Mesyuarat kesebelas Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Jakarta adalah seperti berikut:

*Indonesia-*

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, diesel engines (80-135 h.p.) motorcycles axles, wheel rim for motorcycles.

*Malaysia-*

Spokes and nipples, drive chains and timing chains, crown wheels and pinions, car safety seat belts.

*Filipina-*

Body panels for passenger cars, transmission/transaxles (forward wheeldrive), rear axles (LCV and below).

*Singapura-*

Universals joints, oil seals and V belts.

*Negeri Thai-*

Body panels for commercial vehicles of one ton and above, brake drums, heavy duty shock absorbers, stabilisers, bumpers and trunnion brackers.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, Kerajaan juga menggalakkan penglibatan pihak swasta di dalam Skim Usahasama Perindustrian ASEAN. Di bawah skim ini lapan projek telah diluluskan dan di antaranya, Malaysia menyertai di dalam projek-projek berikut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

- (i) Constant Velocity Joints
- (ii) Mechanical and power Rack and Pinion Steering

- (iii) Frits
- (iv) Motorcycle Electrical Parts
- (v) Security Paper.

Di peringkat kerjasarna dua-hala pula, Malaysia telah pun mengadakan perundingan dengan Indonesia mengenai perdagangan secara pertukaran komponen-komponen automotif secara "brand-to-brand complementation" melibatkan kereta penumpang, motosikal dan kereta perdagangan. Sebagai langkah pertama di dalam usaha ini, pihak swasta telah pun memulakan perdagangan secara pertukaran motosikal di mana "spokes/nipples" dari Malaysia ditukarkan dengan "wheel rims" dari Indonesia. Kerajaan kita bercadang untuk mengadakan perundingan yang sarna dengan Kerajaan Negeri Thai tidak berapa larna lagi.

Yang Berhormat Senator Datuk Loh Fook Yen telah meminta Kerajaan mewujudkan satu suasana pelaburan yang stabil bagi mempertingkatkan pelaburan tempatan dan pelaburan asing di negara ini. Ahli Yang Berhormat juga bertanya tentang jumlah dan jenis pelaburan dari negara Singapura.

Tuan Yang di Pertua berpunca dari usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan proses perindustrian negara dengan menimbulkan iklim pelaburan yang sesuai, Malaysia kini menjadi negara yang menarik dan stabil di kalangan negara-negara membangun bagi pelaburan sebagaimana yang nyata melalui aliran pelaburan asing ke negara ini, terutama sekali dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pihak Kerajaan walau bagaimanapun tidaklah berpuas hati akan kejayaan ini tetapi seterusnya tetap mencari pendapat-pendapat baru.

Lanjutan kepada ini pihak Kerajaan telah memperkenalkan langkah-langkah dan usaha baru bagi

menambahkan keyakinan perniagaan unmk kestabilan. Berbagai-bagai polisi dan falsatah seperti "Bersih, Cekap dari Amanah", Kepimpinan Melalui Teladan" dan "Dasar Pandang ke Timur" merupakan setengah daripada langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi menimbulkan suasana yang stabil dan sesuai dalam negara untuk pelaburan asing dan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai butir-butir pelaburan daripada Singapura secara ringkasnya ialah sehingga akhir tahun 1984, terdapat 777 projek perindustrian daripada Singapura yang telah diberi kelulusan. Dari jumlah tersebut 611 projek sedang di dalam pengeluaran dengan rnelibatkan modal ekuiti yang berjumlah \$1,045.7 juta dan modal pelaburan sebanyak \$1,189.9 juta. Mengenai jenis-jenis industri pula, adalah didapati bahawa daripada 611 projek yang sedang dalam pengeluaran, 95 adalah di bidang industri makanan, 67 barang-barang kimia, 63 kayu dan barang-barang kayu, 60 togam dibentuk, 56 ialah industri tekstail dan barang-barang tekstail sementara baki 270 lagi di dalam 15 bidang industri lain.

Akhir sekali saya ucapkan terima kasih kepada sernua Ahli Yang Berhormat yang rnenyokong usul itu.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:**  
Kementerian Perusahaan Utama.

*4.45 ptg.*

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukaiah saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi cadangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian saya

sepanjang perbahasan atas Titah Ucapan di-Raja di Dewan yang mulia ini.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tuan K. Kumaran supaya Kerajaan mengkaji kegunaan timah yang berlainan untuk menjamin pasaran timah pada masa akan datang, sukacita dimaklumkan bahawa perkara yang dibangkitkan ini telah pun terjawab semasa saya menjawab Soalan Mulut dari Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan pada 17hb April tahun ini.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar mengenai ramai pekebun kecil berhijrah ke bandar dan menjadi buruh kasar kerana perusahaan getah tidak lagi menguntungkan, sukacita saya maklumkan bahawa walaupun harga getah pada masa ini adalah kurang memuaskan tetapi kita berjaya dalam masa jangka sederhana dan panjang perusahaan getah masih dianggap cerah. Pihak Kerajaan telah dan sedang menggubal beberapa strategi dan program terutama di sektor pekebun kecil bagi memperbaiki lagi perusahaan ini untuk menentukan supaya ianya adalah menguntungkan dalam usaha untuk menambah pendapatan pekebun-pekebun kecil. Ini termasuk usaha-usaha tanaman semula, menggalakkan penanaman getah secara mini estet dan pemindahan teknologi secara lebih berkesan di sektor tersebut serta menunjukkan supaya amalan agromoni dan pengurusan yang lebih baik diamalkan di sektor tersebut. Usaha-usaha Kerajaan ini adalah bertujuan menarik lebih minat pekebun-pekebun kecil untuk terus berada di dalam perusahaan getah dan dengan itu diharap masalah penghijrahan pekebun-pekebun kecil ke bandar dapat dikurangkan.

Kementerian Perusahaan Utama juga sedar bahawa berikutan dari penghijrahan pekebun-pekebun kecil

ke bandar telah wujud masalah tenaga buruh di sektor tersebut dan dalam hubungan ini sukacita dimaklumkan bahawa langkah-langkah jangka pendek dan panjang telah dijalankan untuk mengatasi masalah tersebut. Langkah-langkah jangka pendek termasuk mendapatkan buruh-buruh dari luar negeri secara kontrak manakala dalam jangka panjang pula usaha-usaha penyelidikan bagi menjimatkan tenaga buruh yang mana dijalankan oleh RRI seperti penggunaan pisau turihan berjentera dan juga memperbaharui sistem turihan yang dapat mengurangkan tenaga buruh sedang diselidik untuk dilaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar juga telah menyentuh mengenai kedudukan lombong bijih timah yang tidak menggalakkan dan pemberhentian pekerja-pekerja secara besar-besaran yang mengakibatkan masalah pengangguran. Di samping itu beliau menggesa Kerajaan mengambil keputusan yang tegas sama ada keluar dari ITC atau menutup perusahaan timah di negara ini dan memberi tumpuan kepada barangan utama yang lain. Sukacita saya maklumkan bahawa soalan yang sama telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat untuk dijawab mulut oleh saya pada 24hb April tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar juga telah menyatakan walaupun negara kita telah mengadakan beberapa misi perdagangan keluar negeri namun demikian ianya tidak memberi kesan yang baik kepada eksport minyak kelapa sawit. Sukacita saya maklumkan bahawa misi galakan mutu perdagangan dan lawatan pegawai-pegawai khidmat nasihat teknikal PORIM telah berjaya memperluaskan dan memperkukuhkan pasaran bersama mempertingkatkan penggunaan. Adalah menjadi



kenyataan ketika ini eksport minyak kelapa sawit tidak semata-mata tertumpu di negara-negara maju khususnya EEC malah telah merangkumi sebahagian besar pasaran minyak dan lemak dunia. Pasaran utama minyak kelapa sawit yang baru telah mengambil alih peranan EEC yang satu ketika dahulu merupakan import utama minyak kelapa sawit Malaysia. Negara-negara tersebut adalah India, Pakistan, USSR Jepun, Saudi Arabia, Amerika Syarikat dan lain-lain. Tidak dapat dinafikan eksport melalui negara ketiga juga memainkan peranan penting membantu memperluaskan pasaran eksport minyak kelapa sawit Malaysia. Namun demikian bagi negara-negara pengguna yang sedar tentang jaminan mutu akan terus membuat perdagangan terus komoditi ini dengan Malaysia. Dengan yang demikian dapat diperhatikan kebanyakan negara-negara pengimport utama mendapatkan sejumlah besar keperluan minyak kelapa sawit mereka terus dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, minyak kelapa sawit bolehlah dianggap sebagai jenis minyak dan lemak yang baru memasuki pasaran dunia dibandingkan dengan minyak soya, minyak kelapa, minyak kacang dan lain-lain, namun kejayaan minyak kelapa sawit Malaysia menembusi semua pasaran minyak dan lemak dunia merupakan satu kejayaan yang amat membanggakan. Tidak hairanlah jika barangan utama ini mendapat saingan hebat dari lain-lain minyak dan lemak yang satu ketika dahulu mempengaruhi sepenuhnya satu-satu pasaran. Tidak ketinggalan juga minyak kelapa sawit Malaysia juga menghadapi saingan dari lain-lain pengeluar minyak kelapa sawit dunia. Beberapa dakyah dan propaganda anti minyak kelapa sawit telah disebarkan diikuti dengan sekatan-sekatan kuota dan lain-lain bersifat tarif dan bukan tarif. Melalui usaha-usaha yang giat dan segera dakyah-dakyah buruk ini telah dapat

diatasi. Di samping halangan-halangan tarif dan bukan tarif, para pengguna masih menaruh keyakinan kepada minyak kelapa sawit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang memberi perhatian berat agar minyak kelapa sawit negara berupaya bersaing dengan berkesan di pasaran dunia. Langkah-langkah yang diambil ke arah ini dan akan terus dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (1) Mempertingkatkan daya pengeluaran melalui kaedah-kaedah pembaik-baik yang lebih maju. Surigguhpun demikian, daya pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia adalah yang paling cekap berbanding dengan lain-lain minyak dan lemak saingan.
- (2) Memperkemaskan amalan-amalan agronomi dan kejenjeraan ladang untuk sistem pengurusan ladang yang lebih baik.
- (3) Memastikan mutu di semua peringkat pengeluaran dan melaksanakan kod amali bagi tujuan pengeluaran Sijil Kesihatan bagi keluaran-keluaran minyak kelapa sawit yang dieksport, jika diperlukan oleh negara-negara pengguna.
- (4) Melaksanakan strategi pasaran agresif/sistematik dan berkesan melalui misi galakan pasaran dan lawatan-lawatan teknikal. Menyertai pameran-pameran perdagangan antarabangsa, seminar, persidangan dan lain-lain seumpamanya bagi penyebaran maklumat yang lebih tepat dan terkemaskini kepada para pengguna. Kursus juga giat dilaksanakan terutama di PORIM dengan menjemput ahli-ahli pentadbiran, teknologi dan sains terkemuka dan penting dari

negara-negara pengguna. Beberapa negara yang amat berpotensi dan dikenalpasti dan usaha-usaha giat akan terus dilaksanakan agar ianya menjadi kenyataan.

- (5) Percubaan-percubaan bersama di peringkat ladang terus dijalankan di negara-negara pengguna bagi mewujudkan formula yang sesuai bagi satu-satu keluaran akhir sejajar dengan mutu dan citarasa tempatan.
- (6) Perluasan penggunaan memasuki semua jenis penggunaan sama ada makanan ataupun bukan pemakanan. Penemuan baru yang amat menggalakkan ialah penggunaan minyak kelapa sawit di bidang perubatan seperti peranan minyak kelapa sawit sebagai agen mengatasi penyakit barah. Usaha-usaha giat sedang dilaksanakan untuk pengeluaran vitamin E dan vitamin A dari minyak kelapa sawit. Dalam masa yang sama penyelidikan membuktikan bahawa semua bahagian minyak buangan dan pokok kelapa sawit dapat digunakan untuk tujuan-tujuan yang berfaedah dan mempunyai nilai-nilai perdagangan.
- (7) Pejabat-pejabat khidmat nasihat teknikal telah ditubuhkan di luar negeri iaitu di Karachi dan United Kingdom bagi memberi khidmat nasihat segera kepada para pengguna di rantau berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yakin bahawa minyak kelapa sawit Malaysia akan terus berupaya menandingi lain-lain saingannya memandangkan keistimewaan minyak kelapa sawit dan penggunaannya yang luas. Sebagai tanaman saka minyak kelapa sawit akan terus mengeluarkan hasil tanpa dipengaruhi

oleh iklim yang berubah jika dibandingkan dengan lain-lain tanaman tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan Kementerian saya. Pandangan serta teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian yang wajar oleh Kementerian saya. Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

*4.58 ptg.*

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran dan syorsyor mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran mempertahankan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dalam ucapan beliau pada 15hb April. Saya harap tidak timbul sebarang isu lagi mengenai Dasar tersebut kerana semua pihak telah diterangkan tentang prinsip dan falsafahnya setelah sekian lama diberikan penjelasan sama ada di dalam mahupun di luar Dewan ini.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan merupakan satu dasar yang begitu liberal dan flexible, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Keraguan, kebimbangan dan syak wasangka terhadap Dasar tersebut yang beberapa ketika dahulu menjadi persoalan iaitu persoalan hangat kini sudah lenyap. Jika masih timbul lagi orang-orang yang mempertikaikan Dasar itu, maka saya kira ianya memang dilakukan dengan sengaja, dengan maksud atau

tujuan yang tertentu yang agaknya didorong oleh kepentingan diri sendiri.

Sesungguhnya Kebudayaan Kebangsaan Malaysia tidak sekali-kali menjejaskan perhubungan "ethnic" dan perpaduan rakyat, malah sebaliknya ia adalah adat yang akan memperkukuhkan lagi perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum jika ianya diterima dan diamalkan oleh setiap orang dengan penuh kesedaran, keikhlasan dan kejujuran.

Menyentuh tentang saranan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah yang mencadangkan untuk mengadakan satu Pusat Latihan Khas untuk wanita, ini adalah dihargai. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada cadangan buat masa ini untuk membuat Pusat Latihan tersebut kerana pusat-pusat yang ada sekarang ini adalah cukup dan sesuai untuk menampung keperluan latihan kemahiran kepada belia-belia wanita.

Adalah dimaklumkan juga kepada Ahli-ahli Dewan ini bahawa pada ketika ini terdapat beberapa jurusan latihan yang dikendalikan di ketiga-tiga Pusat Latihan Belia di bawah Kementerian ini adalah dikhaskan kepada belia wanita sahaja. Di samping itu belia-belia wanita digalakkan untuk mengikuti lain-lain bidang latihan yang biasanya diceburi oleh belia-belia laki-laki. Dengan berbuat demikian dapatlah dikatakan bahawa belia wanita adalah setaraf dan setanding dengan belia laki-laki bahkan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam mengendalikan program-program latihan tidak mengamalkan diskriminasi jantina.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyedari akan hakikat bahawa belia

wanita dapat memainkan peranan yang lebih positif di dalam menggerakkan bangunkan pertumbuhan-pertumbuhan belia di semua peringkat. Untuk memenuhi matlamat ini, Kementerian saya akan mengadakan beberapa program khas yang penyerataannya adalah dikhususkan kepada belia wanita termasuk program-program latihan kepimpinan wanita.

Sebagai langkah lanjutan, saya telah mengarah supaya diadakan Kursus khas untuk melahirkan lebih ramai lagi tenaga pengajar dan pemudah cara (facilitors) dan pemimpin-pemimpin di kalangan belia wanita.

Berhubung dengan sarana ataupun syor Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan tentang program sukan ke arah membantu integrasi nasional serta mengelak generasi muda dari diancam oleh aktiviti-aktiviti yang tidak sihat, saya menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator itu atas syor-syor ini. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui program dan aktiviti-aktivitinya sedang dan telah menyusun langkah-langkah yang perlu. Sebenarnya itulah matlamat kita mengadakan aktiviti sukan dan rekreasi iaitu untuk menggalakkan integrasi nasional di samping menyihatkan rakyat negara ini.

Program-program sukan banyak melibatkan pasukan-pasukan baik di antara negeri dan kebangsaan iaitu melalui pentadbiran dalam pasukan-pasukan kebangsaan. Selain dari itu perhubungan persahabatan di antara kelab-kelab sukan dan majlis-majlis sukan yang melibatkan ahli-ahli sukan dari berbagai-bagai negeri dan kaum dapat dipercepatkan proses integrasi kebangsaan? Bagi mengelakkan belia-belia dari terjerumus ke dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat, Kementerian ini menggalakkan belia

melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan rekreasi oleh kerana aktiviti ini adalah merupakan satu alternatif yang berfaedah kepada belia. Usaha-usaha positif sedang dan akan terus dijalankan seperti mengadakan lebih banyak kemudahan-kemudahan asas dan tempat-tempat latihan dalam usaha menarik minat belia menggunakan masa lapang mereka dengan lebih berkesan lagi.

Akhir sekali, sukacitalah saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah bangun membahaskan usul ini berkaitan dengan Kementerian saya. Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:**  
Kementerian Pelajaran.

### 5.03 *ptg.*

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkanlah saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan memberi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi komen-komen yang bernas dan cadangan-cadangan yang membina mengenai pelaksanaan Dasar Sistem Pelajaran di negeri ini yang secara langsung mengenai Kementerian Pelajaran. Semua ulasan-ulasan dan syor-syor itu akan diambil perhatian oleh Kementerian Pelajaran bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dan meningkatkan lagi mutu pelajaran di negara ini.

Dalam perbahasan yang telah berlaku selama tiga hari yang lepas, banyak perkara-perkara yang telah ditimbulkan memerlukan penjelasan. Izinkanlah saya mengambil kesempatan ini untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman menyebut mengenai prestasi pencapaian yang rendah di kalangan anak-anak petani di luar bandar. Dalam perkara ini saya saya menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran sememangnya sentiasa berubah untuk memperbaiki mutu pelajaran di kawasan-kawasan luar bandar. Misalnya dalam Rancangan Malaysia Kedua, Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Keempat, 85% daripada peruntukan pembangunan pelajaran rendah telah disalurkan kepada program pembangunan sekolah rendah di kawasan luar bandar. Dalam peruntukan bagi pelajaran menengah pula, secara purata 2/3 dari pemntukan tersebut telah disalurkan kepada kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Senator Dato' G. Pasamanickam telah mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran mengambil langkah mewajibkan kanak-kanak 7 tahun didaftarkan ke sekolah-sekolah. Di samping itu, ibu-bapa haruslah juga diberi kesedaran supaya mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mewajibkan pelajaran asas di sisi undang-undang seperti beberapa buah negara-negara lain, kerana penyertaan kanak-kanak ke sekolah adalah memuaskan. Dari maklumat yang ada kira-kira 97.8% daripada kanak-kanak yang berumur di antara 6-7 tahun telah pun bersekolah. Kementerian Pelajaran telah menjalankan berbagai-bagai langkah untuk menggalakkan kanak-kanak kekal bersekolah. Di antara langkah-langkah tersebut ialah dengan memberi pelajaran percuma di peringkat rendah dan peringkat menengah rendah iaitu 9 tahun pelajaran percuma, memberi peluang dan kemudahan kepada ibu-bapa mendaftar anak-anak mereka

bersekolah, menyediakan tempat dan membina sekolah-sekolah serta asrama-asrama di kawasan-kawasan yang difikirkan perlu walaupun hingga ke kawasan pedalaman sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar berharap agar Kerajaan akan mengambil langkah untuk menubuhkan sekolah berasrama penuh untuk anak-anak Angkatan Tentera. Suka saya menjelaskan di sini bahawa sekolah-sekolah berasrama penuh ditubuhkan untuk memberi peluang kemudahan pelajaran yang lebih sempurna dalam jurusan sains terutamanya kepada pelajar-pelajar di luar bandar dari kalangan yang kurang berkemampuan. Walau bagaimanapun dalam pengambilan pelajar-pelajar masuk ke asrama sekolah-sekolah biasa pertimbangan khas adalah diberi kepada anak-anak Angkatan Tentera

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan pula mahukan lebih ramai Guru-guru Kaunseling diadakan untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar-pelajar. Kementerian Pelajaran sedang melatih lebih ramai guru-guru kaunseling bagi menambahkan kepada bilangan yang ada pada masa sekarang supaya aktiviti bimbingan dan kaunseling dapat diadakan secara yang lebih berkesan lagi bagi mengatasi masalah penyalahgunaan dadah yang kini berleluasa di negara kita. Guru-guru tersebut memasuki umversiti-universiti tempatan, seperti Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia, bagi mengikut kursus di peringkat diploma dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Selain daripada itu Kementerian Pelajaran ada juga mengadakan kursus-kursus jangka pendek dalam perkhidmatan bagi memberi pengetahuan kepada

guru-guru mengenai perkara yang kita sebutkan tadi.

Saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih di atas peringatan yang diberi oleh Yang Berhormat Tuan Shuaib bin Lazim mengenai peranan khusus Maktab Perguruan Bahasa bagi melatih guru-guru bahasa. Sebenarnya, pelatih-pelatih di Maktab tersebut diberi latihan untuk mengajar matapelajaran bahasa disamping kursus-kursus yang bertujuan untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan tambahan supaya mereka boleh juga mengajar matapelajaran-matapelajaran pilihan yang lain apabila ditempatkan berkhidmat di sekolah. Selain daripada itu kursus khas bagi matapelajaran Bahasa Malaysia selama tahun memang ada dikendalikan untuk guru-guru terlatih.

Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman telah mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran meningkatkan pelajaran dalam bidang teknologi, terutamanya di bidang perindustrian supaya dapat melahirkan lebih ramai pekerja-pekerja mahir.

Sebenarnya beberapa langkah telah diambil untuk mempertingkatkan pelajaran dalam bidang teknologi. Antaranya ialah mewajibkan pembelajaran sains dan matematik. Di samping itu pelajaran berorientasikan vokasional seperti seni perusahaan, sains rumahtangga, perdagangan dan sains pertanian juga dijadikan mata pelajaran pilihan yang wajib. Dalam pada itu pelajaran vokasional dan teknik diperluaskan dengan menambah bilangan pelajar sekolah menengah vokasional, sekolah menengah teknik dan politeknik dan menambah kemudahan serta kelengkapan pelajaran. Kurikulum pelajaran vokasional juga dikemaskini serta disesuaikan selaras dengan keperluan tenaga manusia dan pembangunan negara.

Mata pelajaran-mata pelajaran yang baru dalam bidang teknologi, seperti sains komputer dan kemahiran manipulatif juga diperkenalkan di sekolah-sekolah. Ini semata-mata ialah bertujuan untuk menentukan supaya semua pelajar-pelajar yang dilahirkan oleh kita daripada sekolah-sekolah akan dapat menemui hasrat kita untuk menambahkan tenaga mahir di negara kita ini di masa yang akan datang untuk memenuhi hasrat kita untuk menjadikan negara ini bukan hanya negara yang berasaskan kepada bidang pertanian semata-mata tetapi berasaskan kepada pembangunan bidang perdagangan dan perindustrian.

Yang Berhormat Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim telah mengesyorkan supaya pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri menambahkan pengambilan pelajar-pelajar bagi mengurangkan bilangan pelajar-pelajar yang keluar negeri serta mengurangkan pengaliran keluar wang negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menambahkan pengambilan pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri. Kerajaan sedang mengadakan perancangan yang terperinci untuk membesarkan kampus-kampus universiti yang sedia ada dan membina kampus-kampus cawangan yang baru dalam usaha meningkatkan pengambilan penuntut-penuntut ke pusat-pusat pengajian tinggi dari tahun ke tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran bagi mengurangkan pengaliran keluar wang negara kerana penghantaran pelajar-pelajar kita ke luar negeri ialah mengusahakan supaya beberapa program seperti program

untuk Peperiksaan "A" level, program untuk Australian Matriculation, dengan izin, dan program universiti berkembar dijalankan di dalam negara ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Shahrhom bin Haji Maasom bertanya sama ada tindakan telah diambil terhadap pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri yang menjadi "duri dalam daging" iaitu menentang Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang ada mendengar tentang kegiatan-kegiatan setengah-setengah pelajar-pelajar kita di luar negeri yang menentang Kerajaan atau menyebarkan dakyah-dakyah anti-Kerajaan. Kementerian saya sedang mengesan dan menyasiat perkara ini. Sekiranya terbukti pelajar-pelajar berkenaan berbuat demikian, tindakan-tindakan tertentu akan diambil, umpamanya biasiswa mereka akan ditarik balik dan mereka diarah balik ke negara ini. Seterusnya tindakan menuntut ganti rugi seperti yang tercatat dalam surat perjanjian yang telah ditandatangani oleh pelajar-pelajar itu akan diambil terhadap mereka dan penjamin-penjamin yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah meminta supaya Kerajaan menghantar wakil-wakil Kerajaan bagi membimbing pelajar-pelajar di luar negeri. Kementerian Pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, memang ada menghantar pegawai-pegawai berkelayakan dan berpengalaman bagi memberi penerangan dan membimbing pelajar-pelajar kita di seberang laut. Pegawai-pegawai ini ditempatkan di Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut.

Dari masa ke semasa, pegawai-pegawai Kerajaan termasuk pegawai-pegawai agama juga dihantar melawat pelajar-pelajar kita dan mengadakan ceramah, dailog dan mengedarkan

risalah-risalah agama serta memberi penjelasan dan kesedaran supaya pelajar-pelajar itu benar-benar memahami dasar-dasar Kerajaan dan aspirasi negara. Di samping itu juga pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran sentiasa pergi melawat pelajar-pelajar ini dan kita juga menggalakkan sesiapa sahaja yang melawat ke luar negeri termasuklah mereka dari golongan atasan dari agensi-agensi Kerajaan untuk melawat pelajar-pelajar ini supaya dapat membantu kita untuk memberi pepsenjelasan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara-perkara berhubung dengan perasaan taat setia dan cintakan negara di kalangan pelajar-pelajar kita.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar mahu pusat-pusat pengajian tinggi kita digunakan untuk memupuk semangat kebangsaan dan cintakan negara.

Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan mahu sejarah perjuangan negara dimuatkan dalam kurikulum sekolah untuk menambahkan semangat taat setia kepada negara. Beliau juga menegur sikap sekolah-sekolah rendah yang didapatinya tidak menggantung gambar-gambar pemimpin-pemimpin negara.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah mahu beliau ataupun pelajar-pelajar berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita yang telah melepaskan kita dari cengkaman penjajah dan membangunkan negara.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan atas teguran dan saranan mereka tentang

perkara-perkara ini. Saranan dan teguran mereka ini akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

Suka saya menyatakan di sini bahawa Kementerian saya memang memberi keutamaan kepada pendidikan yang boleh memupuk perasaan taat setia dan semangat cintakan negara. Perkara ini diberi penekanan dalam rancangan-rancangan memperbaharui kurikulum di sekolah-sekolah kita. Selaras dengan ini satu mata pelajaran baru iaitu mata pelajaran (citizenship) telah pun siap digubal dan akan diperkenalkan kepada beberapa buah sekolah untuk diuji tidak lama lagi. Mata pelajaran ini bertujuan untuk menanam perasaan taat setia dan semangat cintakan negara di kalangan pelajar-pelajar kita di negara ini.

Di institusi-institusi pengajian tinggi, Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dan pihak berkuasa universiti untuk menanam semangat patriotik dan cintakan tanahair di kalangan pelajar-pelajar itu. Di antara langkah-langkah ini ialah mengadakan kursus-kursus tatanegara, menggalakkan pelajar-pelajar menyertai pasukan berpakaian seragam seperti Pelapis Tentera, dan melibatkan pelajar-pelajar dalam aktiviti khidmat kemasyarakatan.

Selain daripada itu program suai-kenal di semua universiti dan ITM bagi sesi yang akan datang akan bertemakan "Pelajar Pendukung Matlamat Negara" dan di antara konsep-konsep yang kita hendak semaikan itu ialah semangat perpaduan, keselamatan, kesejahteraan rakyat, perjuangan dan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dan penerapan nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, semua yang telah saya sebutkan tadi, yang

telah saya ulaskan mengenai apa yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini mengenai Kementerian saya adalah saya anggap sebagai penjelasan bagi apa yang saya kemukakan dengan harapan supaya tindakan-tindakan, langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran akan dapat menjamin kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Saya rasa, sekian sahaja jawapan dan ulasan saya kepada perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian saya iaitu Kementerian Pelajaran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan Titah Ucapan Diraja kali ini. Saya ingin juga menyatakan bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi yang tidak sempat saya sentuh dalam jawapan saya tadi akan juga diberi perhatian oleh Kementerian saya.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:** Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

*5.17 ptg.*

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tuan yang di-Pertua, semasa perbincangan di atas Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini beberapa teguran telah ditujukan kepada Kementerian saya oleh sebilangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah membangkitkan perkara bau busuk di udara. Ingin saya memaklumkan bahawa bau busuk adalah berpunca dari kilang-kilang seperti kilang getah, minyak kelapa sawit, baja ikan, ternakan haiwan seperti ternakan babi dan juga tempat pelupusan sampah sarap.

Kementerian saya telah pun menasihatkan kilang-kilang untuk mengurangkan keadaan bau busuk dengan mengamalkan langkah-langkah untuk merijaga kebersihan keadaan kilang atau, dengan izin good house keeping dengan mengikut garis panduan yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar dan di mana ada kemungkinan, gas-gas yang bau busuk ini dijadikan biogas untuk kegunaan di dalam kilang atau ladang tersebut. Setakat ini tidak ada sebarang teknologi yang boleh menghapuskan bau busuk sama sekali. Cara penyelesaian ialah untuk industri-industri yang mengeluarkan bau busuk untuk ditempatkan di kawasan yang dikhaskan iaitu jauh dari kawasan perumahan. Dalam hubungan ini, Kementerian saya telah pun menarik perhatian pihak Kerajaan-kerajaan Negeri akan kepentingan penempatan dan pengezonan industri.

Berkenaan dengan bau busuk dari tempat pelupusan sampah-sarap, ini adalah di bawah bidangkuasa Majlis-majlis Tempatan dan garis panduan telah pun diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan mengenai pemilihan tapak yang sesuai serta kaedah pelupusan sampah-sarap itu.

Satu Pasukan Petugas mengenai Pengawasan Kualiti Udara telah ditubuhkan di Jabatan Alam Sekitar. Kerja-kerja Pasukan Petugas ini sedang dijalankan dan satu laporan akan disediakan dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman telah membangkitkan soal teknologi, dan di sini saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan adalah sedar bahawa kita tidak boleh menyerapkan semua teknologi yang terdapat di negara-negara maju ke dalam negara kita, pada peringkat kemajuan negara kita masa kini. Kita semestinya memilih teknologi yang sesuai bagi pembangunan industri dan negara kita.



Teknologi yang kita perlukan bukan sahaja untuk sektor awam, tetapi juga untuk sektor swasta. Teknologi-teknologi baru ini boleh diperolehi atau dipindahkan melalui perjanjian, seumpamanya memasukkan pemindahan teknologi itu sebagai satu syarat di dalam projek turn-key, dengan izin, ataupun melalui urusan uasaha bersama atau melalui pembelian teknologi baru itu.

Adalah dasar Kerajaan untuk memasukkan syarat di dalam kontrak bagi projek-projek yang melibatkan kepakaran asing bahawa pemindahan teknologi hendaklah dilakukan dengan memindahkan teknologi baru itu kepada pakar-pakar tempatan.

Sebuah Majlis Penyelarasan bagi pemindahan Teknologi Industri wujud di Jabatan Perdana Menteri dan di antara bidang tugasnya ialah:

- (i) menyelaraskan program dan dasar agensi-agensi yang melibatkan pemindahan teknologi.
- (ii) menyelaraskan aktiviti pemindahan teknologi di dalam institusi-institusi yang sedia ada; serta
- (iii) membantu di dalam pengawasan proses pemindahan teknologi seperti yang dinyatakan di dalam perjanjian yang diluluskan oleh Kerajaan.

Kerajaan adalah sedar bahawa negara kita mesti menambahkan lagi kemampuan dan keupayaan untuk menyerap teknologi-teknologi yang sedia ada di negara-negara yang lebih maju. Kerajaan sedang mengkaji cara dan langkah untuk meningkatkan lagi pengajaran sains dan teknologi di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi yang akan mengeluarkan ahli-ahli sains dan teknologi yang bersikap inovatif dan inventif serta melatih lebih banyak lagi tenaga kerja teknikal dan juga menambahkan lagi

kemampuan dan tenaga kerja bagi tujuan penyelidikan. Pada masa kini kumpulan Kerja Teknikal mengenai aspek pendidikan sains dan teknologi di Unit Perancang Ekonomi (EPU) sedang menggubal program dan strategi ke arah tersebut.

Sejauh penglibatan Kementerian saya, ingin saya memaklumkan bahawa usaha-usaha sedang diambil untuk mempopularkan sains dan teknologi. Beberapa langkah telahpun diambil seperti menganjurkan Kemkem Komputer dan Kuiz Sains Kebangsaan bagi sekolah-sekolah menengah, peraduan pencipta muda untuk menggalakkan pembangunan sikap inventif dan inovatif pemberian geran penyelidikan dan fellowship serta Anugerah Sains Negara.

Kementerian saya mencadangkan menganjurkan 'Science Circus' dari Kanada pada tahun ini dan juga mengambil langkah untuk menubuhkan Taman Sains atau, dengan izin, Science Park. Langkah-langkah juga dijalankan untuk menubuhkan sebuah Pusat Sains sementara di Jalan Kelantan, Bukit Persekutuan dan Rancangan-rancangan ini semua adalah bertujuan untuk memperkenalkan orang ramai khususnya generasi muda terhadap sains serta membangkitkan minat mereka di dalam bidang ini.

Sebagai satu strategi untuk meningkatkan keupayaan teknologi negara ini, Kementerian saya melalui SIRIM telah mendirikan Pusat Teknologi Industri Logam (MITEC) dan Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Industri Logam (MIRDC). Pusat-pusat tersebut telah memainkan peranan yang penting dalam proses mengekalkan dan meningkatkan kemahiran teknikal dalam bidang logam di sektor perindustrian logam negara ini. Beberapa latihan juga telah diadakan untuk memperkenalkan kegunaan beberapa teknologi moden kepada sektor perindustrian ini.

Sirim juga telah merancang penubuhan Pusat Teknologi Plastik, Pusat Teknologi Seramik dan Pusat Teknologi Fondri. Adalah dijangka dalam masa yang akan datang, SIRIM akan memberi perkhidmatan teknikalnya kepada segala bidang perindustrian. Selain dari itu, SIRIM juga telah menubuhkan Pusat Maklumat dan Dokumentasi Patent (PIDC) di mana penubuhan Pusat Maklumat Teknologi Negara akan didasarkan. Pusat Maklumat Teknologi ini akan dapat memberi maklumat teknologi kepada sektor perindustrian negara ini seperti maklumat pemilik teknologi, taraf teknologi iaitu adakah teknologi itu baru atau lama, sumber asal teknologi dan pembekal-pembekal teknologi alternative dalam dunia dan lain-lain lagi.

Untuk mengekalkan aktiviti-aktiviti tersebut, aktiviti-aktiviti memberi perkhidmatan perundingan dan bimbingan teknikal SIRIM diberi perhatian. Perkhidmatan dan bimbingan teknikal untuk sektor perindustrian, khususnya untuk industri-industri kecil dan sederhana, adalah sangat mustahak dan sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan di atas bidang tugas Kementerian saya dan semua teguran-teguran yang dibangkitkan itu akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:**  
Kementerian Kesihatan.

5.32 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menjawab beberapa teguran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Tuan K. Kumaran mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

Mengenai cadangan untuk men-swastakan perkhidmatan tertentu di hospital-hospital, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan telah pun mengenalpasti beberapa bidang yang mungkin akan diswastakan. Walau bagaimanapun, kajian yang mendalam perlu dibuat untuk memastikan bahawa penswastakan ini akan memberi faedah dan tidak akan menimbulkan apa-apa masalah kepada Kerajaan ataupun orang ramai.

Ahli yang Berhormat juga telah menimbulkan syarat-syarat kelulusan Bahasa Malaysia dan gaji yang jauh tidak memuaskan jika dibandingkan dengan pihak swasta sebagai antara sebab-sebab Pegawai-pegawai Perubatan meletakkan jawatan. Adalah dimaklumkan bahawa syarat-syarat kelulusan Bahasa Malaysia itu yang diperlukan untuk tujuan lantikan bukan sahaja dikenakan ke atas Skim Pegawai-pegawai Perubatan, tetapi juga ke atas pegawai-pegawai dalam Kumpulan A yang lain. Syarat tersebut telah pun menjadi dasar Kerajaan sesuai dengan dasar menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan negara kita. Walau bagaimanapun, untuk Pegawai-pegawai Profesional, kelonggaran telah pun diberikan oleh Kerajaan mengenai keperluan kelulusan Bahasa Malaysia hanya untuk tujuan pengehsahan dalam jawatan mereka.

Saya percaya tidaklah menjadi kesulitan bagi seseorang Pegawai Perubatan untuk lulus Bahasa Malaysia yang diperlukan itu. Kehendak itu ialah memperolehi kelulusan sahaja dalam Bahasa Malaysia dan bukannya di peringkat kepujian seperti dalam jawatan-jawatan yang iain. Apa yang terjadi saya rasa

Pegawai-pegawai Perubatan ini telah menggunakan isu ini sebagai satu alasan perletakan jawatan mereka sedangkan ada sebab-sebab yang lain yang mungkin lebih penting dan menarik yang menyebabkan mereka meletakkan jawatan, seperti tawaran yang lebih menarik dari segi gaji dan sebagainya kita semua tahu di sektor swasta. Walaupun gaji Pegawai Perubatan Kerajaan tidak setanding dengan pendapatan doktor swasta, tetapi Kerajaan memberi beberapa manfaat yang mana tidak diperolehi di sektor swasta. Di hospital-hospital Kerajaan, Pegawai Perubatan diberi peluang untuk melanjutkan latihan di dalam bidang kepakaran masing-masing. Boleh dikatakan kebanyakan doktor yang mengikuti latihan ini telah berjaya menjadi doktor pakar. Selain dari itu, Pegawai-pegawai Perubatan Kerajaan dapat menikmati juga beberapa faedah berhubung dengan kerjaya mereka.

Bagi memberi lebih peluang untuk kenaikan pangkat, Kementerian Kesihatan telah juga mewujudkan lebih banyak jawatan-jawatan Tingkatan Kanan dan Tingkatan Tertinggi. Pegawai-pegawai Perubatan juga diberi hadiah latihan untuk kursus tempatan dan di seberang laut atau cuti tanpa gaji kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran dengan perbelanjaan sendiri. Kementerian Kesihatan juga menyediakan kemudahan-kemudahan latihan yang sesuai dan juga mengadakan Peperiksaan Kolej-kolej Profesional dari seberang laut di dalam negeri juga. Dengan peluang ini mereka tidak perlu keluar negeri untuk mendapatkan ijazah lanjutan.

Mengenai cadangan beliau supaya Kementerian "decentralised" Perkhidmatan Hospital Besar kepada hospital-hospital yang lain untuk mengurangkan beban kerja, saya ingin

memberitahu bahawa beberapa tindakan telah pun diambil dan sedang diuruskan seperti berikut:

- (1) mengadakan poliklinik-poliklinik di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan bandar-bandar yang besar;
- (2) menempatkan pakar-pakar di Hospital-hospital Daerah seperti Kajang, Hospital Daerah di Kuala Kubu, Hospital Daerah di Tanjong Karang dan sebagainya supaya kes-kes rujukan ke Hospital Besar dapat dikurangkan;
- (3) pakar-pakar dari Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Besar yang lain juga menjalankan Klinik-klinik Pakar di hospital-hospital yang lain dan ini dapat mengurangkan rujukan kes-kes ke Hospital Besar di Kuala Lumpur dan lain-lain tempat; dan
- (4) Kementerian mempunyai rancangan untuk menaikkan lagi taraf beberapa buah Hospital Besar untuk dijadikan Hospital-hospital Wilayah (Regional Hospital) supaya kes-kes rawatan lanjutan dari seluruh negara yang dirujuk ke Hospital Besar di Kuala Lumpur pada masa ini boleh dirawat di hospital-hospital tersebut.

Saya rasa itu sahaja yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sukalah saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan K. Kumaran di atas hujah-hujah beliau. Terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:  
Kementerian Pertanian.

**5.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan pandangan yang membina terhadap sektor pertanian, khususnya Kementerian Pertanian.

Menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat mengenai penyelidikan ke atas tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran oleh MARDI, sukacita dimaklumkan bahawa MARDI sememangnya membuat penyelidikan ke atas tanam-tanaman, kecuali kelapa sawit dan getah. Pihak Kementerian telah mengenalpasti 15 jenis buah-buahan yang digalakkan penanamannya di beberapa kawasan yang terpilih. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jenis buah-buahan yang telah dikenalpasti ini adalah pisang, manggis, mangga, duku langsung, jambu, durian, rambutan, cempedak, nangka, limau, ciku, belimbing, betik, nenas dan tembikai. Di samping itu, pihak MARDI juga memberi penekanan dalam penyelidikan sayur-sayuran dan sehingga kini 17 jenis sayur-sayuran telah dikenalpasti untuk dibuat kajian.

Sayur-sayuran tersebut adalah cili, terong peparu, kobis bulat tanah rendah, tomato tanah rendah, sawi bunga, sawi hijau, kacang panjang, timun, kacang boncis, bendi, peria, lomato tanah tinggi, kobis bulat tanah tinggi, lobak merah, terong bulat, kailan, kobis panjang dan kobis bunga.

Berhubung dengan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya Bank Pertanian memberi kemudahan kredit pada kadar faedah percuma, adalah dimaklumkan bahawa Bank Pertanian sememangnya menyediakan kemudahan pinjaman dengan kadar faedah 0% untuk semua aktiviti pertanian yang dikendalikan oleh petani-petani yang berpendapatan keluarga kurang dari \$380 sebulan.

Menyentuh tentang penanaman padi secara perladangan mini atau estet mini, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian telah memperkenalkan kaedah tanaman padi secara ini di beberapa kawasan tertentu. Seperti Yang Berhormat, maklumi, kaedah ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan daya pengeluaran tanah-tanah sawah melalui pengurusan yang lebih berkesan. Melalui kaedah ini segala perkhidmatan pertanian yang diperlukan seperti kredit, perkhidmatan kejenteraan dan lain-lain perkhidmatan sokongan tiapat disalurkan dengan lebih berkesan dan memuaskan.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan supaya langkah-langkah tertentu diambil untuk meningkatkan bekalan makanan, supaya negara kita tidak bergantung kepada bekalan import, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (1) Menenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai, terutama kawasan-kawasan tanah tinggi, untuk penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang diimport dengan banyaknya seperti buah-buahan dan sayur-sayuran temperate.
- (2) Menenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk pembangunan ternakan air.
- (3) Mengkaji dan memperakukan insentif-insentif pelaburan dalam sektor pertanian untuk menggalakkan pihak swasta melibatkan diri dalam pengeluaran dan pemerosesan hasil-hasil pertanian. Antara insentif-insentif tersebut ialah kredit cukai pelaburan, (investment tax credit) elaun estet (plantation allowance) dan pembiakan semula eksport (export re-financing).

- (4) Menubuh urusetia khidmat nasihat pelaburan dan penswastaaan di Kementerian Pertanian. Unit ini ditubuhkan untuk memberi khidmat nasihat kepada sektor swasta sebagai salah satu usaha Kemeterian untuk menggalakkan dan meningkatkan penglibatan mereka dalam pengeluaran makanan negara.

Dengan langkah-langkah ini adalah diharapkan negara kita akan dapat mengeluarkan bahan-bahan makanan yang bukan sahaja mencukupi untuk keperluan sendiri tetapi juga untuk eksport.

Berhubungan dengan saranan Ahli Yang Berhormat supaya pentadbiran FAMA diperkemaskan, sukacita dimaklumkan bahawa sebenarnya jentera pentadbiran FAMA telahpun disusun semula di mana tiga pembaharuan telah dibuat bagi meningkatkan prestasi agensi tersebut.

Pertama, strateginya disusun semula supaya ianya dapat menyedia dan menyampaikan khidmat-khidmat sokongan pemasaran seperti permintaan dan penawaran, kadar harga borong dan runcit, hasil-hasil keluaran utama dan sebagainya dengan lebih sempurna. Di samping itu, FAMA juga dikehendaki menyediakan kemudahan infrastruktur pemasaran di tempat-tempat strategik untuk menggiatkan penyertaan petani-petani dalam bidang pemasaran hasil-hasil keluaran mereka sendiri.

Kedua, memindahkan tugas-tugas urusniaga di peringkat ladang dari FAMA kepada pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan secara beransur-ansur supaya pertubuhan-pertubuhan peladang akan dapat mengambilalih peranan urusniaga FAMA ini pada tahun 1990.

Ketiga, organisasi FAMA juga disusun semula supaya peranan tiap-tiap

bahagian di dalamnya dapat diselaras dan disesuaikan dengan pembaharuan dasar strategi di atas.

Menyentuh tentang cadangan Ahli Yang Berhormat supaya sawah-sawah terbiar ditanam dengan padi huma, Kementerian akan mengambil makluman akan cadangan ini. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian perlu membuat kajian lanjut untuk memastikan bahawa hasil yang diperolehi daripada tanaman padi huma bukan sahaja bermutu tetapi juga dapat memberi pulangan yang munasabah dan menguntungkan kepada petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Dasar Pertanian Negara, kita sama-sama maklum bahawa dasar ini baru sahaja diisytiharkan pada awal tahun 1984. Namun demikian, dalam masa sesingkat itu, Kementerian telahpun mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan bahawa matlamat strategi yang terkandung dalam dasar tersebut dilaksanakan secara licin dan berkesan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah:

- (1) Penyusunan semula jentera pentadbiran beberapa agensi Kementerian melibatkan LPP, FAMA, MARDI dan Bank Pertanian untuk memperkemas mereka.
- (2) Penyusunan semula jentera perancangan dan penyelarasan antara agensi-agensi di semua peringkat di bawah Kementerian Pertanian. Pegawai-pegawai Kementerian telah mengambilalih tugas memengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan antara Agensi-agensi Negeri dan Daerah.
- (3) Penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai Pertanian untuk membuat ketetapan-ketetapan

dasar serta menyelaras pelaksanaan strategi-strategi berbagai Kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan sektor pertanian. Satu jawatankuasa kerja di peringkat pegawai akan juga ditubuhkan.

- (4) Penubuhan sebuah Urusetia Khidmat Nasihat Pelaburan dan Penswastaan atau, dengan izin, Investment and Privatisation Advisory Secretariat, di Kementerian Pertanian untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor pengeluaran bahan-bahan makanan.
- (5) Penubuhan sebuah Panel Perundingan yang dianggotai oleh pihak swasta dan universiti tempatan bagi meningkatkan kerjasama dan penyaluran maklumat antara kedua pihak.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas pandangan-pandangan yang dikemukakan terhadap pembangunan sektor pertanian di dalam usaha meninggikan lagi taraf hidup petani dan nelayan. Sekian, terima kasih.

### 5.50ptg.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Tuan K. Kumaran yang berbunyi:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil

daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam", dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam".

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

### 5.52ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah untuk meminda Akta Syarikat 1965 bagi mencapai azam Kerajaan mencegah jenayah korporat dari berleluasa, mengawasi tindak-tanduk pihak-pihak yang terlibat dalam operasi syarikat-syarikat, menjamin supaya pelabur-pelabur kecil tidak tertindas dengan sihat.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat 1965 telah dikuatkuasakan dalam tahun 1966 dan semenjak dari itu hanya pindaan-pindaan kecil dibuat dalam tahun 1969 dan 1970. Pada tahun Akta Syarikat dikuatkuasakan, hanya terdapat 6,600 syarikat di Malaysia dan pada kali akhir Akta Syarikat dipinda yakni dalam tahun 1970, bilangan syarikat telah bertambah menjadi 9,000. Pada akhir bulan Februari tahun ini, bilangan syarikat yang didaftarkan di negara ini berlipat ganda menjadi 136,000.

Pertambahan dalam bilangan syarikat telah juga menambahkan kejadian-kejadian penyelewengan dari undang-undang, amalan curang oleh pegawai-pegawai syarikat dan juga pengabaian undang-undang. Di zaman moden ini jenis-jenis penyelewengan dan kecurangan telah menjadi bertambah sofistikated. Di sini saya akan menyebutkan bentuk-bentuk penyelewengan atau kecurangan yang biasa diamalkan oleh mereka yang terlibat dengan hal ehwal syarikat diikuti dengan langkah-langkah yang dicadangkan bagi mengawalinya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi, pertambahan bilangan syarikat telah berlipat ganda dan adalah amat perlu bagi rekod-rekod di Pejabat Pendaftar Syarikat dimikrofilemkan. Ini adalah bertujuan bagi menyelesaikan masalah penyimpanan fail, kekurangan ruang bagi menyimpan fail dan masalah kesukaran mengesan fail untuk pemeriksaan awam. Di bawah seksyen 11 sekarang, tiada peruntukan yang

membolehkan pengalihan kepada simpanan rekod dalam bentuk mikrofilem dan juga penerimaannya sebagai bukti dalam Mahkamah. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya diadakan peruntukan baru dalam seksyen 11 bagi membolehkan mikrofilem sebarang rekod diterima sebagai sama dengan salinan asal rekod itu dan sah sebagai bukti dalam Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang sekarang, sekiranya sesuatu syarikat bertujuan mempelewa pekerja-pekerjanya mengambil saham dalam modal syarikat, ianya dikehendaki mendaftar rekod prospektus dengan Pendaftar Syarikat. Langkah ini melibatkan perbelanjaan yang besar dan menjadi rintangan kepada syarikat untuk berbuat demikian. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 37 memberi pengecualian dari kehendak mendaftarkan prospektus sekiranya saham-saham syarikat ditawarkan khusus kepada pekerja-pekerja syarikat atau anak syarikatnya melalui suatu skim yang diluluskan oleh Pendaftar Syarikat. Pindaan ini dibuat untuk menggalakkan penyertaan pekerja-pekerja dengan modal syarikat bagi mewujudkan rasa pemilikan dan akan meninggikan penghasilan kerja.

Menyentuh tentang perkara berkaitan prospektus selanjutnya pelawaan meminjamkan wang yang dibuat kepada lebih daripada sepuluh orang tanpa prospektus adalah melanggar undang-undang sekarang. Ini menyebabkan syarikat-syarikat yang meminjam wang melalui suatu gabungan pinjaman, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, loan syndication yang melebihi sepuluh institusi-institusi kewangan melakukan kesalahan teknikal.

Memandangkan institusi-institusi kewangan yang terlibat seperti bank-bank perdagangan dan bank-bank

saudagar berupaya mentaksir kedudukan kewangan peminjam tanpa meneliti prospektus, adalah dicadangkan pindaan dibuat kepada peruntukan seksyen 38 sekarang bagi mengecualikan mana-mana syarikat yang meminjam dari kehendak mengeluarkan prospektus, sekiranya pinjaman diperolehi daripada institusi-institusi kewangan, koperasi, badan-badan berkanun, tabung pencen atau pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan juga telah diberi ke atas amalan dalam perakaunan bagi pergabungan dan penyusunan semula syarikat-syarikat terutamanya penyusunan semula yang melibatkan syarikat-syarikat yang dahulunya mempunyai domisilnya di luar negeri di mana syarikat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, offerer mengeluarkan saham-sahamnya bagi ditukarkan dengan saham dalam syarikat yang diambilalih (offeree). Saham syarikat yang diambilalih itu telah diberi nilai yang sama dengan nilai saham syarikat offerer tanpa mengambilkira premium yang pasti timbul dari pertukaran saham.

Ini bercanggah dengan kehendak undang-undang sekarang yang menghendaki premium yang pasti timbul itu dipindahkan ke Akaun Premium Saham yang hanya boleh digunakan bagi tujuan-tujuan yang terhad dan oleh itu tidak akan menguntungkan anggota-anggota syarikat yang diambilalih. Oleh itu bagi kepentingan pelabur-pelabur terutamanya anggota-anggota syarikat yang domisilnya telah dipindahkan ke Malaysia, Kerajaan mencadangkan peruntukan seksyen 60 yang ada sekarang dipinda untuk memberi pelepasan yang prospektif dan retrospektif kepada syarikat yang terlibat. Pindaan ini juga diharapkan akan menghindarkan syarikat-syarikat dari mencari dalih dan menggunakan kekurangan dalam undang-undang bagi melengah-lengah dan mengelakkan dari proses "Malaysianisation".

Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada amalan kebanyakan pelabur-pelabur mendaftarkan pemegangan saham mereka dalam nama nominee adakala bagi tujuan merahsiakan pelaburan mereka tetapi biasanya untuk kemudahan urusanniaga saham mereka.

Tiada sebarang peruntukan dalam undang-undang sekarang yang menghendaki perkara ini dimaklumkan kepada syarikat. Oleh yang demikian, peruntukan baru telah dicadangkan melalui Penggal 3A yang baru yang menghendaki pemegang saham substantial, yakni pemegang saham yang mempunyai kepentingan yang melebihi 5% dalam equiti syarikat, mendedahkan kepentingan mereka. Peruntukan baru ini juga memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat menyelak tabir namaan. atau, dengan izin, lifting the nominee's veil, dengan meminta secara bertulis kepada syarikat supaya dibekal dengan salinan daftar yang mesti disimpan oleh syarikat. Tujuannya ialah bagi mengenalpasti mereka yang berkedudukan menerima dan mendapatkan maklumat sulit dan sensitif harga dari menyalahgunakannya bagi mendapatkan faedah kewangan untuk diri sendiri. Tambahan pula kedudukan mereka boleh dipergunakan bagi manipulasi pasaran saham syarikat dengan cara haram.

Kerajaan juga menyedari bahawa perbuatan khianat melalui "insider trading", dengan izin, mudah sekali dilakukan oleh atau dengan bantuan mereka yang bebas mendapat maklumat teristimewa (privileged information) dengan izin, syarikat, seperti pengarah-pengarah, ejen-ejen atau pekerja-pekerja syarikat, bagi menuai kemewahan. Yang demikian, piadaan yang dicadangkan akan mengharamkan sesiapa yang mendapat maklumat teristimewa dari menyalahgunakan maklumat tersebut dan menetapkan secara terperinci



tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap mereka.

Peruntukan baru juga dicadangkan bagi mencegah penyalahgunaan maklumat istimewa yang diperolehi oleh seorang kerana kedudukan rasminya. Pindaan-pindaan tersebut adalah terkandung dalam seksyen 132A dan seksyen 132B.

Selama ini, didapati pengarah-pengarah telah membuat keputusan-keputusan dan mengambil tindakan-tindakan sesuka hati mereka tanpa memikirkan kepentingan pemegang-pemegang saham. Ini biasanya merupakan satu penindasan ke atas pemegang saham minoriti. Peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan dalam seksyen 132C dan 132D. mewajibkan pelupusan harta-benda syarikat dan pengeluaran saham-saham baharu terlebih dahulu diluluskan di dalam mesyuarat agung, bagi perlindungan kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti.

Seperti diketahui ramai, di antara alat yang paling berkesan bagi perlindungan pelabur-pelabur ialah kewajipan mendedah maklumat mengenai prestasi syarikat kepada anggota-anggota syarikat. Laporan pengarah-pengarah yang dibentangkan bersama akaun tahunan di mesyuarat agung di masa ini terlalu ringkas dan tidak langsung memberi gambaran yang lengkap dan berfaedah kepada anggota-anggota syarikat. Oleh itu pindaan dibuat kepada seksyen 169 dengan tujuan mewajibkan pendedahan tambahan di dalam laporan tahunan syarikat kepada anggota-anggota syarikat mengenai sebarang perkara yang berlaku dalam tahun kewangan yang berkenaan. Ini meliputi aktiviti-aktiviti utama syarikat, sebarang pengeluaran saham oleh syarikat, kepentingan dalam saham atau debentur yang diperolehi oleh pengarah-pengarah dan sebarang kontrak yang dibuatkan di antara pengarah dengan syarikat.

Di masa ini terdapat jurang perbezaan antara apa yang diamalkan oleh syarikat-syarikat dan apa yang diuntukkan dalam Akta Syarikat 1965. Juruaudit yang menjadi pengawas bagi pihak pemegang-pemegang saham diberi fungsi yang amat terhad dan bidangnya tidak meliputi syarikat-syarikat subsidiari yang telah diaudit oleh juruaudit lain.

Peruntukan baru yang dicadangkan memperluaskan kewajipan juruaudit dengan menghendaki juruaudit syarikat membuat kesimpulan pendapat sama ada penyata kewangan syarikat telah disimpan dan disediakan supaya memberi gambaran yang benar dan saksama (true and fair) dan melaporkan sebarang pengabaian, kegagalan atau perkara-perkara yang tidak memuaskan mengikut peruntukan undang-undang. Fungsi juruaudit dikukuhkan dengan diberi kewajipan melaporkan kepada Pendaftar Syarikat sekiranya beliau berpuashati bahawa peruntukan Akta Syarikat tidak dipatuhi. Dengan peruntukan ini juruaudit boleh mengambil langkah-langkah segera mengarahkan pihak pengurusan membuat pembetulan.

Kemungkinan anggota-anggota minoriti syarikat dikhianati daripada keputusan majoriti ditambah dengan aliran semasa bagi pengambilalihan dan pergabungan korporet. Pada dasarnya, pengambilalihan dan pergabungan harus memberi natijah yang menguntungkan kepada anggota-anggota syarikat yang terlibat dan kepada masyarakat umum. Tetapi sejarah telah membuktikan bahawa adanya transaksi pengambilalihan atau pergabungan telah menukar dengan teruk kedudukan anggota-anggota minoriti. Bukan sahaja kuasa ke atas syarikat telah berpindah tangan malahan juga tujuan dan objektif syarikat telah pun berbeza dari objektif syarikat yang mereka pada asalnya melabur. Ini berpunca kerana

pada masa ini tiada kod, peraturan atau kanun yang menguasai pengambilalihan dan pergabungan syarikat di Malaysia kecuali prosedur seperti ditetapkan dalam seksyen 179 yang ada sekarang dan panduan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing.

Peruntukan yang ada sekarang mengandungi banyak kekurangan hingga membolehkan pihak yang terlibat lepas dari kehendak undang-undang. Adalah didapati wajar dibuat pindaan ke atas Akta sekarang untuk memberi peruntukan yang mewajibkan pengambilalihan dan pergabungan syarikat, termasuk individu-individu serta syarikat-syarikat yang terlibat di dalam pengambilalihan akan mematuhi peruntukan Akta Syarikat.

Pindaan yang dicadangkan memberi kuasa kepada Menteri melantik satu panel yang akan menyediakan kod, mengandungi prinsip-prinsip am dan kaedah-kaedah yang wajib dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam transaksi-transaksi pengambilalihan dan pergabungan syarikat. Peraturan boleh diadakan bagi menghendaki penyerahan salinan dokumen-dokumen tersebut kepada Pendaftar Syarikat atau bursa saham atau kedua-duanya.

Tuan yang di-Pertua, dalam usaha menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat pelaburan yakni syarikat-syarikat yang mana aktiviti utamanya ialah pelaburan dalam sekuriti boleh pasar dengan menggunakan tabungan yang diperolehi daripada orang awam, Kerajaan telah mencadangkan untuk melonggarkan had-had yang terkandung dalam Penggal I, bahagian XI, Akta Syarikat yang pada masa ini terpaksa dikenakan ke atas syarikat-syarikat pelaburan sekiranya syarikat itu diistiharkan sebagai sebuah Syarikat Pelaburan menurut seksyen 319. Dengan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 320, syarikat

Pelaburan akan dibenarkan mengambil pinjaman sejumlah dua kali ganda harta ketara bersihnya walhal di masa lepas, pinjaman yang dibenarkan adalah hanya setengah daripada harta ketara bersihnya. Syarikat-syarikat itu juga akan dibenarkan dengan pindaan kepada seksyen 321 untuk melabur sehingga 10% dalam modal mana-mana syarikat manakala dahulunya ia hanya boleh melabur sehingga 5% sahaja. Selain dari itu kelonggaran ke atas had-had mengenai operasi syarikat demikian juga dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, cawangan syarikat-syarikat asing menurut undang-undang yang ada sekarang boleh menjalankan perniagaan di Malaysia sebelum didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965. Ini merupakan satu keistimewaan yang tidak dinikmati oleh syarikat-syarikat tempatan. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk mewajibkan cawangan syarikat asing didaftarkan terlebih dahulu sebelum menjalankan perniagaan. Pindaan yang dicadangkan itu juga mewajibkan rekod kewangan dan rekod-rekod operasi di Malaysia diaudit oleh seorang juruaudit tempatan. Di samping itu cawangan syarikat asing dikehendaki mengutamakan para piutang tempatan sekira ianya dibubarkan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain adalah 'consequential' atau bagi mengemas dan menyelaraskan peruntukan-peruntukan yang sedia ada untuk menyesuaikan dengan amalan semasa dan suasana perdagangan. Rasanya tidak perlu saya menghuraikan dengan panjang lebar memandangkan pindaan-pindaan itu telah diterangkan dengan jelas dalam huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-pertua, saya suka menegaskan bahawa penyelewengan-penyelewengan seperti saya sebutkan tadi dan juga penyalahgunaan hak

teristimewa oleh mereka yang khianat jarang berlaku. Bilangannya juga adalah kecil jika dibandingkan dengan kebanyakan syarikat-syarikat yang ditadbir dengan jujur. Tetapi bilangan kecil ini boleh mencemar suasana baik sektor koporet ibarat kata pepatah, "dek nila setitik rosak susu sebelanga".

Saya sedar penyelewengan undang-undang tidak boleh dihapuskan sama sekali tetapi sangat perlu dikawal melalui undang-undang yang tegas. ini akan mewujudkan rasa kepercayaan umum kepada usaha Kerajaan menggalakkan pelaburan. Tambahan pula undang-undang bagi mengawal syarikat patut diberi keutamaan memandangkan sebahagian besar sumber ekonomi negara kita adalah digunakan oleh sektor korporat.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menimbang pindaan-pindaan yang perlu dibuat Kerajaan telah mendapatkan pandangan dan cadangan dari persatuan-persatuan yang mewakili pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kalau ada, sila Yang Berhormat.

**6.16 ptg.**

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam

kita membentangkan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) dan telah pun dibentangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang mana Rang Undang-undang ini bertujuan bagi meminda Akta Syarikat 1965 bagi memperkukuhkan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat berhubung dengan khususnya bagi melindungi pelabur-pelabur kecil khususnya dan juga pelabur-pelabur pertengahan dan pelabur-pelabur yang ada umumnya. Ianya juga mengandungi banyak pindaan-pindaan yang begitu teknikal sekali yang dirancang bagi memperbaiki lagi segala pentadbiran Akta dan menghapuskan segala kecurangan, penyelewengan ataupun mana-mana anomali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang mana negara kita begitu hebat untuk menggalakkan rakyatnya berkecimpung dalam dunia perniagaan maka itulah sebabnya kita dengar tadi pertumbuhan jumlah syarikat-syarikat yang ditubuhkan begitu hebat sekali yang mana setakat ini kita dengar sebentar tadi dari jumlah hanya 6,600 syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1970, sekarang ini telah pun meningkat sehingga bulan Februari tahun ini kepada sebanyak 136,000 jumlah syarikat yang telah pun didaftarkan. Ini suatu pertumbuhan yang beratus kali ganda jumlah dan mencerminkan betapa hebatnya minat rakyat jelata sekarang ini untuk menubuhkan syarikat menurut dan mengikut kehendak dan menyahut seruan Kerajaan untuk menyertai dalam bidang perindustrian dan perniagaan bagi mempertingkatkan lagi pendapatan dan ekonomi terutamanya kepada kaum-kaum bumiputera yang pada zaman-zaman yang lampau begitu ketinggalan dalam segi perekonomian dan persyarikatan.

Maka dengan jumlah syarikat yang begitu banyak sekali kita ingin tahu juga daripada pihak Kementerian

sama ada satu sistem yang menggunakan komputer bagi menentukan yang syarikat-syarikat yang ditubuhkan kadangkalanya timbul masalah yang mana saya sendiri pun telah dapat mengalaminya yang mana pihak pendaftar kurang cermat bagi meluluskan nama-nama syarikat yang ada kalanya boleh ditubuhkan syarikat yang serupa nama dan ini amat menyedihkan oleh kerana tidak sepatutnya, tidak seharusnya pihak Kementerian meluluskan nama syarikat yang nama mana yang sama juga telah diberi kepada lain-lain pemegang saham sebelum daripada itu. Maka dalam pihak Kerajaan meminda berbagai-bagai Akta dan peruntukan terutamanya untuk membenarkan microfilm digunakan sebagai bahan yang sah diterima oleh Kerajaan dan oleh mahkamah, pihak Pendaftar Syarikat juga perlu memperbaiki lagi sistem bagi meluluskan nama-nama syarikat yang mana dalam pengalaman saya sendiri dalam masa yang tidak lama sebelum ini sebanyak dua kali saya terlibat dengan keadaan yang mana nama yang telah saya tempah awal-awal lagi yang mana namanya ada kaitan dengan nama yang telah diputuskan, yang telah dipersetujui oleh pihak syarikat saya dikatakan tidak boleh diberi oleh kerana nama ini telah diberi kepada syarikat yang lain, dan ini terjadi sebanyak dua kali yang mana pada hemat saya sungguh menyedihkan dan diharap di masa-masa yang akan datang pihak Kementerian dan pihak Pendaftar Syarikat dapat memperkemaskinikan lagi rekod-rekod yang sedia ada malah kalau boleh saya ingat tidak begitu mahal malah sepatutnyalah satu komputer dibeli bagi menyenaraikan semua nama-nama syarikat yang telah pun ditubuhkan agar mudah dan senanglah bagi pihak Pendaftar menentukan nama syarikat yang dipohon itu tidak bercanggah ataupun serupa dengan nama-nama syarikat yang telahpun diluluskan sebelumnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sememangnya menyokong penuh segala pindaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bagi memperkokohkan lagi Akta Syarikat ini dan bagi menentukan agar penyelewengan dan kecurangan yang semakin lama semakin bertambah itu tidak terus berleluasa lebih-lebih lagi dalam keadaan yang mana rakyat kita begitu luas pengetahuannya, luas pergaulannya dan bertambah sophisticated lagi daripada segi pengendalian syarikat-syarikat yang mereka menganggotai dan mentadbirkannya. Tetapi ingin saya menyatakan juga di sini dalam kita dan pihak Kerajaan untuk mengetatkan lagi syarat-syarat di bawah Akta ini kita perlu juga fikirkan agar mengetatkan lagi syarat-syarat ini agar tidak akan menimbulkan satu keadaan yang mana pertumbuhan atau pun minat orang untuk berniaga itu boleh tersekat ataupun boleh melemahkan pelabur-pelabur kita untuk terus melabur dalam ekonomi negara, terutama dalam pasaran Stock Market contohnya yang mana kita sambut dan kita sokong segala cadangan bagi memperketatkan syarat-syarat yang di buat melalui Akta ini tetapi kita semua tahu bahawasanya dalam dunia perniagaan ini sedikit sebanyak ada perkara perjudian (gambling) ini yang mana tanpa kita mengambil risiko yang tertentu itu nescaya tidak akan dapat kita mengaut keuntungan. Maka dalam kita hendak menggalakkan perkembangan ekonomi melalui syarikat-syarikat, kita perlu juga membenarkan ada sedikit kelonggaran supaya pihak pelabur, pihak-pihak pengusaha dan pihak-pihak peniaga ini dalam keadaan yang agak natural sebagai seorang pelabur, seorang peniaga untuk sedikit. sebanyak boleh mengambil resiko-resiko seperti kita katakan sebentar tadi seolah-olah ada sedikit sebanyak perjudian.

Kalau kita tidak ada langsung dan kita sekat sama sekali elemen untuk berjudi ini dengan keadaan yang ada

bukan sahaja di negara ini bahkan di seluruh dunia memang sebenarnya elemen perjudian ini memang wujud dalam dunia perniagaan dan ini sahaja menentukan yang kita akan sanggup melaburkan duit yang banyak supaya dapat kita pula memperolehi untung yang lebih banyak lagi. Kalau tidak ada elemen judi sedikit-sedikit ini nescaya pertumbuhan ekonomi dan syarikat-syarikat tidak dapat diperhebatkan lagi dan tentu sekali segala perkara yang boleh- kita menggalakkan lagi jual beli di pasaran Stock Market contohnya ataupun di pasaran market commodity tentu sekali tidak laris dan kita tidak akan dapat menggalakkan orang-orang kita ini untuk terus menghidupkan ekonomi seperti yang kita hajatkan agar dengan adanya ramai orang-orang kita sanggup melaburkan wang ringgit mereka di dalam pasaran ianya akan dapat lagi menjadi bahan seperti catalyst lagi pula menaikkan lagi, mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi bidang-bidang yang ada bersabit dengan bidang-bidang yang tertentu.

Tuan yang di-Pertua, kita juga mengucapkan tahniah kepada pihak yang nampaknya benar-benar mengambil keutamaan bagi menentukan yang pelabur-pelabur kecil dapat pembelaan yang sewajarnya. Dan lebih daripada itu pula pihak Kerajaan juga telah mampu membuat langkah-langkah bagi menggalakkan pelabur-pelabur kecil ini ataupun pekerja-pekerja kecil ini yang bekerja di syarikat-syarikat besar berpeluang untuk membeli saham dalam syarikat-syarikat yang mana pekerja-pekerja

kecil dan pelabur-pelabur kecil ini bertugas dan berkhidmat.

Cadangan pihak Kerajaan bagi meminda suatu Akta yang tidak memerlukan agar syarikat tertentu mendaftarkan prospectusnya dengan Pendaftar Syarikat sekiranya saham-saham syarikat itu ditawarkan khusus kepada pekerja-pekerja syarikatnya sendiri ataupun anak-anak syarikatnya sendiri amat membanggakan kita dan ini pasti dan tentu sekali akan dapat menggalakkan dan menambahkan lagi penyertaan pekerja-pekerja dan pelabur-pelabur kecil bagi membolehkan mereka itu melabur dan membeli saham dalam syarikat-syarikat yang mana mereka juga menjadi pekerja-pekerja, yang mana dengan keadaan yang akan berlaku ini tentu sekali memberi satu perasaan yang positif kepada pekerja-pekerja selain mereka menjadi pekerja, mereka juga boleh menjadi pemilik dan akan merasa pula perasaan yang syarikat itu juga mereka pun ada syer ataupun ada equiti ataupun boleh juga dikatakan tuan punyanya.....

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:**

Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf kerana masa kita untuk membahaskan sudah pun cukup. Ahli yang Berhormat bolehlah menyambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 3.00 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*